

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 7**

**Khamis**

**29 Mac 2007**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
- *Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat)* (Halaman 28)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 53)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 29 Mac 2007**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah benar seperti dakwaan Ahli Parlimen Singapura bahawa Malaysia mencemburui kemajuan yang dicapai oleh Singapura justeru menyukarkan hubungan dua hala di antara dua negara. Apakah langkah susulan mengenai perkara tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gombak ke atas soalan yang telah dikemukakan mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura. Dakwaan seorang Ahli Parlimen Singapura bahawa Malaysia mencemburui kemajuan yang dicapai oleh Singapura sepatutnya tidak timbul sama sekali. Adalah terlalu cetek untuk sesiapa memikirkan Malaysia bersifat atau bersikap sedemikian.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Malaysia berpegang teguh dengan konsep dengan izin, "*prosper thy neighbour*" dan percaya kemakmuran serta kejayaan yang dicapai oleh mana-mana negara jiran adalah juga baik untuk Malaysia. Sebagai negara di sebuah rantau yang saling mempunyai hubung kait Malaysia mahu jiran-jirannya maju dan berjaya kerana sebarang kejayaan mereka akan dapat dinikmati bersama melalui kesan limpahan. Sebaliknya sekiranya berlaku kesengsaraan di negara-negara jiran pula akan pasti turut memberi kesan negatif kepada kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura ada masanya masih dibayangi oleh kewujudan isu-isu tertunggak serta, dengan izin, *historical baggage* ataupun bebanan sejarah. Walau bagaimanapun Malaysia sentiasa yakin sikap kejiranan yang mesra antara kedua-dua negara akan mendatangkan kebaikan untuk semua pihak. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu dengan Malaysia ada beberapa isu yang tertunggak, misalnya soal air tidak ada lagi penyelesaian yang muktamad. Kita tahu

Indonesia pada bulan Februari yang lalu telah menghentikan eksport pasir ke Singapura dan kita tahu juga Indonesia juga ada mengatakan bahawa di Singapur adalah tempat berlindungnya penjenayah kolar putih Indonesia di Singapura. Kita juga tahu bahawa Kerajaan Thailand mengatakan bahawa pembelian Temasik terhadap syarikat komunikasi Thaksin adalah dibuat dengan cara tidak sah.

Ada pemimpin daripada Asia mengatakan bahawa, saya *quote* dengan izin, “*On one hand Singapore is a role model for development. On the other hand many see Singapore as arrogant economic giant which is prepared to use its financial muscle to undermine neighboring countries.*”

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan saya, dengan harapan dan aspirasi 10 negara ASEAN yang mahu mewujudkan *single market* dalam tahun 2015 dan juga ingin menandingi kuasa ekonomi China dan India, dengan perselisihan-perselisihan yang ada di antara Singapura dan negara-negara jirannya bukankah *single market* ini hanya merupakan satu ilusi?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Gombak. Sebenarnya tidak ada apa yang menjadi ilusi. Setiap impian sekiranya kita sama-sama memikirkan dan melaksanakan dengan baik pasti akan menjadi kenyataan. Dalam konteks ini kita tidak memikirkan bahawa kerana ada satu ataupun dua negara yang difikirkan mempunyai sikap-sikap yang tertentu, yang tidak disenangi oleh negara-negara ataupun rakyat negara jiran yang lain, ia membantutkan usaha untuk mewujudkan satu *single market* ataupun pasaran bersama dalam hasrat kita mencapai apa yang disebutkan *ASEAN community* dalam tempoh masa yang disebutkan tadi.

Dalam soal ini kita merasakan bahawa melalui kerjasama ASEAN, *ASEAN Community* dan sebagainya kita akan dapat mewujudkan apa yang disebutkan pasaran bersama sekiranya kita tahu apakah peranan bidang-bidang yang dimainkan oleh setiap negara berkenaan. Saya percaya bahawa rintihan yang ditunjukkan oleh beberapa negara jiran terhadap Singapura sepatutnya tidak menjadi penghalang kepada kita untuk berbaik dengan siapa sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hakikatnya Singapura yang mencemburui kejayaan Malaysia. Saya mengalu-alukan dasar kita iaitu Dasar “*Prosper Thy Neighbour*” di kalangan negara ASEAN ini dan itu merupakan semangat ASEAN dan juga merupakan matlamat *ASEAN Community* yang akan dibentuk oleh ASEAN menjelang tahun 2020.

Saya melihat bahawa di peringkat pemimpin kita tidak mempunyai masalah diplomasi dan dalam keadaan tanggapan yang berbeza di kalangan Ahli Parlimen Singapura ini, adakah kementerian melihat keperluan untuk mewujudkan satu *second diplomacy track* di kalangan Ahli-ahli Parlimen negara-negara ASEAN dibentuk dalam ASEAN itu untuk merapatkan

suasana keakraban di kalangan Ahli-ahli Parlimen. Adakah kementerian melihat keperluan untuk mewujudkan *second diplomacy track* di kalangan Ahli-ahli Parlimen dalam masa yang terdekat ini.

■ 1010

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih, di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu cadangan yang saya rasakan amat positif. Dan, sekiranya kalau kita melihat peranan di kalangan pembuat undang-undang, ataupun *legislators*, dengan izin, yang benar-benar mewakili rakyat, mempunyai hubungan bukan sahaja dengan Parlimen Singapura, Parlimen Indonesia, Parlimen Thailand dan sebagainya, seharusnya dimainkan oleh Parlimen itu sendiri bukannya diaturkan oleh kerajaan.

Ini kerana kalau ia datang daripada Parlimen itu sendiri, di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk mengaturkan pertemuan, dialog, rapor dengan mereka sudah tentu ia memberi kesan yang lebih daripada apa yang diaturkan oleh kerajaan. Ini kerana forum di peringkat kerajaan kepada kerajaan sudah terlalu banyak ada dan telah diaturkan dan akan terus berlangsung. Tetapi di kalangan Ahli-Ahli Parlimen ada tetapi mungkin tidak mencukupi, maka saya rasa terpulanglah kepada Parlimen itu sendiri untuk melaksanakannya.

**2. Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2007, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian dalam memberi layanan istimewa kepada pesakit luar khususnya pelancong-pelancong luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pelancong kesihatan dari luar negara akan menikmati layanan istimewa selaras dengan etika profesionalisme, bidang perubatan dan kesihatan. Ini bermakna pihak Kementerian Kesihatan menggesa dan memantau agar penawar-penawar perkhidmatan kesihatan dan perubatan serta pelancongan yang menguruskan pelancongan kesihatan asing memberikan layanan mesra, prihatin serta profesional dan sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka.

Bagi pelancong kesihatan, layanan istimewa berbentuk mudah cara, keprihatinan dan perkhidmatan berkualiti adalah lebih bermakna dan menilai bagi meredakan kekhuatiran mereka. Ia juga dapat meyakinkan mereka terharap perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang bakal diterima di sebuah hospital yang jauh dari negara asal mereka. Sekian.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen atas jawapan itu. Kita nampak setelah 50 tahun merdeka, layanan-layanan dari kakitangan di hospital-hospital begitu baik sekali dan kita ucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian. Soalan saya, terdapat ramai bilangan-

bilangan di hospital ini yang mana doktor pakarnya tidak mencukupi, terutama sekali dalam bidang forensik, yang ada kemalangan.

Saya telah dihubungi oleh rakyat di Kuala Krai kelmarin ada satu pergaduhan di mana pembunuhan berlaku dan mayatnya terpaksa diletak di dalam *freezer* sehingga dua hari. Saya ingin tahu berapa ramai doktor pakar forensik yang ada di seluruh negara dan tidakkah dapat dibekalkan satu doktor pakar ini di tiap-tiap negeri supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Yang kedua, di Hospital Kuala Krai telah diumumkan untuk hospital baru. Di manakah tapak dan bilakah akan dimulakan? Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan doktor pakar, kita memang memerlukan lebih ramai lagi untuk mendapatkan doktor pakar ini tetapi kita kena bezakan iaitu kalau untuk pelancongan kesihatan ini, kita tidak di tempatkan. Kebanyakan pakar forensik kita, mereka tidak ada di dalam hospital swasta ini, kebanyakan mereka adalah di hospital kerajaan.

Dan, berkaitan dengan Hospital Kuala Krai....

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan hospital kerajaan. Di Kuala Krai ada pembunuhan kelmarin, dua hari mayat terpaksa dibekukan. Jadi, kita hendak tahu doktor forensik ini tidakkah ada di tempatkan di tiap-tiap negeri?

**Dato' Lee Kah Choon:** Okey, berkaitan dengan – saya hendak bezakan sahaja sebab kita katakan pelancongan sekarang, pelancongan kesihatan tetapi seperti mana yang saya terangkan tadi pakar forensik ini ia ditumpukan di hospital kerajaan. Dan, kerana kekurangan pakar ini, ini bermakna doktor pakar ini terpaksa bergilir-gilir di sesebuah negeri itu supaya mereka dapat menjalankan *autopsi* mereka. Sekian.

**Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak nafikan bahawa negara kita telah menjalankan atau pun menyediakan program kesihatan untuk pelancong. Saya hendak dapat kepastian daripada pihak kementerian:

- (i) adakah program ini berjaya;
- (ii) berapa banyakkah hospital yang telah terlibat dalam menyediakan program ini dan dalam sektor mana yang diberi keutamaan; dan
- (iii) adakah negara juga ataupun pelancong-pelancong luar yang datang ke negara kita tidak mempunyai masalah dalam menerima ataupun mendapat perkhidmatan yang ditawarkan.

Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi pelancongan kesihatan ini, negara kita memang mencatat satu pertumbuhan yang sangat menggalakkan. Kalau kita tengok dari segi jumlah pesakit, purata pertumbuhan adalah lebih daripada 30%

setiap tahun. Dan, kalau kita tengok bilangannya, kita sudah mencatat lebih kurang 300,000 pelancong kesihatan ke negara kita pada tahun lepas, iaitu tahun 2006.

Dari segi pertumbuhan pendapatan pula, kita mencatat puratanya adalah lebih daripada 40% setiap tahun. Dan untuk tahun 2006, kita telah dapat mencatat lebih daripada RM200 juta dari segi pendapatan. Ini adalah satu aspek pelancongan yang kita rasa mempunyai potensi yang amat hebat sekali. Dan, kita akan menumpukan perhatian kita juga untuk menolong, memperkembangkan aspek ini, atau industri ini supaya dapat menolong negara kita untuk mendapat pendapatan yang lebih banyak. Sekian, terima kasih..

**Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]:** Berapa hospital terlibat?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

*[Soalan No.3 - Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) tidak hadir]*

**4. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap kerajaan atas cadangan dan pandangan Pengerusi SPR supaya Suruhanjaya Pilihan Raya dirombak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Pengerusi SPR dalam ucapannya pada 8 Januari 2007 menyentuh tentang kedudukan dan kuasa-kuasa SPR dalam konteks undang-undang pilihan raya termasuk peruntukan-peruntukan Perlembagaan mengenai pilihan raya yang mengikut beliau perlu dikaji setelah undang-undang itu dipakai selama kira-kira 50 tahun.

Tujuan beliau mengemukakan pandangan itu adalah di atas kesedaran bahawa undang-undang pilihan raya yang wujud sekarang ini telah disediakan pada masa negara mencapai kemerdekaan dan undang-undang itu sudah pasti sesuai dengan keadaan negara termasuk keadaan politik, ekonomi, sosial, keselamatan dan sebagainya yang wujud pada ketika itu. Beliau berpendapat bahawa oleh sebab keadaan-keadaan *social order* ini telah berubah setelah negara mengharungi tempoh pembangunan dan perubahan selepas merdeka selama 50 tahun, maka mungkin negara bersedia untuk mengkaji dan melihat semula jika perlu perubahan-perubahan dilakukan kepada undang-undang pilihan raya yang masih diguna pakai sekarang ini.

Dalam mengkaji undang-undang itu bukan sahaja sistem dan proses pilihan raya yang mungkin terlibat tetapi juga badan yang menjalankan pilihan raya itu juga perlu distrukturkan semula untuk disesuaikan dengan undang-undang dan peraturan yang diubah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebarang badan untuk membuat kajian semula ini setelah mendapati bahawa undang-undang yang ada sekarang masih boleh digunakan dengan sempurna oleh SPR bagi menghasilkan pilihan raya yang bebas, adil dan telus.

Begitu juga kemampuan SPR dalam mengendalikan pilihan raya dengan cekap dan berkesan berasaskan kerangka undang-undang yang sedia ada masih diiktiraf dan diperakui umum hingga ke peringkat antarabangsa. Sekiranya ada kelemahan-kelemahan kecil yang memerlukan perubahan, SPR sentiasa digalakkan untuk mengemukakan cadangan-cadangan kepada kerajaan untuk pertimbangan.

■ 1020

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab ringkas dan mengulangi yang secara kasarnya disebutkan oleh Tan Sri Pengerusi SPR dalam merasmikan Akademi Pilihanraya Malaysia pada bulan Januari yang lalu.

Apa yang disebutkan oleh Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman ini ialah sebagaimana yang diringkaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi kerana Tan Sri Pengerusi SPR ini menganggap bahawa dengan pengalamannya lebih 30 tahun dalam berbagai-bagai jawatan dalam SPR itu menganggap bahawa jika Kementerian Penerangan boleh mengadakan sambutan 50 tahun dengan Merdeka Malaysia dengan program Sudirman nya, Yang Berhormat dari Machang dengan program Lojing nya dan sebagainya maka Tan Sri Pengerusi SPR ini menganggap bahawa mungkin suatu projek untuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyambut 50 tahun Malaysia merdeka ini ialah sebagaimana yang beliau sebut merombak semula seluruh Suruhanjaya Pilihan Raya itu.

Ini Tuan Yang di-Pertua adalah daripada Pengerusi SPR itu sendiri. Saya berharap dan ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri yang mempunyai banyak projek-projek dalam bidang kehakiman, bangunan mahkamah baru nampaknya sudah hampir siap dirasmikan.

Maka adakah ini tidak dianggap oleh Yang Berhormat Menteri sebagai suatu benda yang besar dan baik sebagai suatu projek kementerian untuk memastikan bahawa negara kita ini benar-benar sebagaimana Pengerusi SPR itu sebutkan tadi mempunyai sistem pilihan raya yang telus untuk semua parti dan semua rakyat dalam Malaysia merdeka 50 tahun ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambut 50 tahun merdeka ini, kita tidak ada pula hendak rombak Kementerian Penerangan atau kementerian mana-mana. Tetapi kalau sekiranya hendak berlaku adil kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, kita boleh buatlah meraikan 50 tahun merdeka kita buat di pejabat *Election Commission* sebab saya tengok walau pun 50 tahun, tidak ada kita hendak rombak yang lain. Mengapa *is he must be single out*. Saya rasa seperti yang saya telah jawab sebentar tadi tidak perlu apa-apa rombakan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat beritahu adakah kerajaan akan mengambil kira tiga aspek dalam rombakan yang dikatakan atau diperlukan oleh *Election Commission*.

Satu adalah mengenai undi pos di mana tidak ada ketelusan di mana pengundi-pengundi ada banyak kali tidak diketahui langsung oleh orang yang bertanding di kawasan tersebut dan macam mana proses ketelusan itu boleh diberi supaya semua pihak yang bertanding dapat tahu siapakah pengundi pos itu dan proses pengundian pos dijalankan di mana ada transparensi.

Kedua di mana ada beberapa negara dalam dunia ini di mana ada *ink on the finger print* supaya mengelak kes-kes *corrupt*.

Ketiga adalah kes-kes di mana *e-mail*, yang mana kita boleh membuat pendaftaran pemilih secara *e-mail*. Di New Zealand, seseorang pemilih boleh *e-mail* satu hari sebelum pilihan raya dan dalam era IT kenapa perkara ini tidak dibenarkan walaupun *Election Commission* baru-baru ini kita ada satu perbincangan dengan mereka. Mereka mengatakan bahawa ini adalah satu di antara cadangan yang telah dibuat dengan kerajaan tetapi sebenarnya UMNO yang tidak mahu [*Disorak*] [*Dewan riuh*]

Mereka khuatir jika ada perubahan-perubahan macam ini ia akan memberi satu situasi yang menyusahkan mereka. Adakah kerajaan berani mengimplementasikan cadangan-cadangan saya ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kerajaan berani Yang Berhormat [*Disorak*] [*Dewan riuh*] Tetapi kalau pembangkang masih berperangai macam ini sukarlah sebab pembangkang akan menyalahgunakan segala apa yang kita sediakan.

Pertamanya saya hendak sebut berkenaan dengan undi pos. Saya tidak rasa macam undi pos ini ada kalanya macam pilihan raya tahun 1999, banyak daripada undi pos ini telah menyebabkan kekalahan calon Barisan Nasional. Tetapi kita terimalah, ya? Kita terima, jangan waktu kita menang, kita kata semua bagus. Waktu kita kalah, kita kata tidak bagus.

Dalam sistem yang ada hari ini jugalah kita kalah di Kelantan dan kita kalah di Terengganu. Kalau sistem ini tidak betul, macam mana boleh berlaku macam itu? Dia akan berlaku macam di Mesir lah apabila mengundi sahaja, dia 99% undi kepada kerajaan. Itu di negara Iraq dahulu dan Iran.

Saya percaya di Malaysia, kita tidak mahu memerintah secara palsu. Kita memerintah dengan kehendak rakyat. Ini kerajaan rakyat, dipilih oleh rakyat dan untuk rakyat, ya. [*Tepuk*]

Keduanya berkenaan *e-mail*, dalam keadaan tidak pakai *e-mail* sekarang ini pun sudah ada masalah. Kalau kita gunakan *e-mail*, bukan Yang Berhormat tidak tahu, macam-macam boleh berlaku. Itu juga yang dibangkitkan oleh pembangkang juga tidak puas hati dengan pendaftaran. Dengan *e-mail* ini lagi pula, kita hendak supaya kita boleh siasat tapis betul-betul. Kalau main *e-mail*, bukan kita tidak tahu? Hari ini pun *blogger* buat macam-macam yang percaya pembangkang. Dia orang sahaja yang percaya kepada *e-mail* ini. Macam-macam boleh berlaku sebab dia orang yang buat.

Sebab itu kepada saya, *e-mail* akan memberikan lagi masalah kalau keadaan sekarang ini mendaftar cara *e-mail* tak ada, pun sudah masalah, kalau dengan cara *e-mail* lagi masalah.

Kemudian cap jari ini, Yang Berhormat tak payalah sebab kalau macam di India, mereka terlalu ramai pengundinya, satu konstitusi berjuta. Dia hendak daftar satu-satu susah maka hendak pastikan supaya orang itu tidak mengundi dua kali jadi maka diletaklah cap di situ.

Tetapi di Malaysia macam kawasan parlimen saya baru 24,000 orang sahaja. Boleh daftar, ialah macam ADUN tetapi saya menang juga. Minta Yang Berhormat datang bertandinglah di Padang Rengas.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Datang ke Ipoh Barat lah datang ke Ipoh Barat.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Datang, datang *no problem*. Boleh datang ke Padang Rengas, kita lawan.

Oleh kerana di sini daftarnya kecil, pengundinya tidak ramai, kita ada sistem supaya orang yang mengundi itu kita sudah catat dah. Dia tak boleh undi dua kali. Kita ada IC. Di India, IC tak ada, di negara lain tak ada, IC tak perlu. Oleh sebab itu tidak perlulah kita hendak cap tangan bagi mengelak pengundian dua kali.

5. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah *road map* kementerian di dalam menyeimbangkan pembangunan modal insan di antara kawasan bandar dan luar bandar terutama di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia Timur.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menyeimbangkan pembangunan modal insan di antara kawasan bandar dan juga luar bandar terutama di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia Timur, *road map* Kementerian Sumber Manusia ialah kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Manusia telah menubuhkan sebanyak tiga buah institusi latihan di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Labuan serta dua buah institut latihan di Miri dan Samarahan di Sarawak. Manakala di Pantai Timur Semenanjung terdapat institut latihan di Kuantan, Kota Bharu dan Kuala Terengganu.

Di samping itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian ini akan membina beberapa institut latihan di Pantai Timur dan Sarawak bagi memberikan kemudahan dan peluang kepada rakyat untuk meningkatkan lagi modal insan mereka. Di Sabah, sebuah institut latihan perindustrian baru sahaja selesai dibina iaitu di Sandakan.

Satu lagi pendekatan yang diambil oleh kementerian ini ialah dengan menghantar mereka yang memohon dari luar bandar ke-22 buah institut latihan Jabatan Tenaga Manusia milik kementerian. Kementerian Sumber Manusia juga sedang meningkatkan pengambilan

pelajar-pelajar secara maksimum di semua pusat-pusat latihan Kementerian Sumber Manusia termasuk Pantai Timur, Sabah dan Sarawak di samping menawarkan kursus-kursus baru dan meningkatkan taraf.

Di samping itu satu skim baru yang diperkenalkan iaitu skim latihan khas bagi pelajar-pelajar yang kurang cemerlang tetapi lulus SPM telah mula diambil iaitu dengan pengambilan baru seramai 551 orang dan kita akan capai ke tahap 4,500. Terima kasih.

■ 1030

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut perangkaan, permohonan kemasukan pelajar-pelajar ke ILP dan ADTECs atau *Advance Technology Centres* amat menggalakkan iaitu melebihi 40,000 permohonan pada setiap tahun. Sedangkan keupayaan hanya 20,000 pelajar dapat ditampung di 27 buah pusat-pusat latihan ini. Maka adakah pihak Kementerian Sumber Manusia ini bercadang untuk menambahkan bilangan ILP dan juga ADTECs yang baru di seluruh negara? Dan kalau ada, bilakah akan dimulakan? Yang kedua, berapakah peruntukan yang akan disediakan dan berapa ramaikan pelajar baru dapat memasuki apabila dibina kelak? Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Memang pihak Kementerian Sumber Manusia bercadang membina ADTECs baru dan juga ILP. Malah pihak kementerian telah pun memulakan pembinaan ADTECs dan juga ILP. Contoh ADTECs baru iaitu di Kemaman, Jerantut, Bintulu dan juga di Taiping. Manakala ILP baru di Marang, di Vokasional Sungai Petani, di Tanjung Malim dan juga di Bentong. Buat masa sekarang, beberapa ADTECs dan juga ILP sedang dibina, dibangunkan dan diadakan pecah tanah. Sebagai contoh hari ini Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sedang melakukan pecah tanah di ADTECs Taiping. Insya-Allah, semua kelapan-lapan iaitu empat ADTECs dan empat ILP akan dibina pada tahun ini. Peruntukan iaitu sejumlah RM1.44 bilion, jumlah pengambilan adalah sekitar 10,000 orang. Apabila kesemua ADTECs ini selesai nanti. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita memang tidak menafikan usaha kerajaan melalui kementerian untuk mempertingkatkan kualiti modal insan dalam negara kita. Yang Berhormat menyedari mungkin bahawa ramai di kalangan pelajar-pelajar SPM dan STPM ini yang tidak begitu baik kelulusan mereka dan mereka ini seolah-olah tidak ada harapan masa hadapan melainkan mereka memasuki institusi-institusi seperti ILP dan lain-lain. Ini perlu komitmen kerajaan kalau boleh menambah kewangan untuk memastikan bahawa mereka ini tidak tercicir. Sebab kalau mereka tercicir, mereka akan jadi penagih dadah, mereka akan jadi gengsterisme, berdinamisme, mereka akan jadi penyamun, perompak. Jadi kalau diperbetul, mereka ditempatkan di pusat-pusat seperti ini, bermakna negara akan memperoleh modal-modal insan yang berguna untuk masa depan negara. Minta pendapat Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Satu soalan dan juga pandangan yang sangat baik. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kinabatangan, pihak Kementerian Sumber Manusia buat masa sekarang, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, mengadakan satu skim latihan khas iaitu mengambil lulusan SPM tanpa apa juga kredit walaupun tiada satu kredit. Ini kita tumpukan kepada pelajar-pelajar di luar bandar dan buat masa sekarang kita telah pun mengambil pelajar-pelajar ini lebih daripada 20 Institut-institut Latihan Perindustrian di seluruh negara. Harapan kita sehingga akhir tahun ini kita akan mengisi lagi 4,000 orang.

Mengenai duit, memang pihak Kementerian Sumber Manusia memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman. Bagi mereka yang memasuki ADTECs, pinjamannya sebanyak RM5,000, bagi ILP - RM100, JMTI - RM5,000. Mereka ini diberikan kemudahan asrama dan tempat tinggal. Maknanya mereka dapat duit poket sebagai usaha kerajaan membantu golongan pelajar-pelajar yang miskin dan juga tidak mampu. Terima kasih.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]*

**7. Datuk Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Penerangan menyatakan usaha untuk meningkatkan liputan berita dari Sabah dan Sarawak melalui RTM. Sejauh mana cadangan untuk meningkatkan Infrastruktur penyiaran di kedua-dua negeri tersebut dalam RMK-9 telah dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, liputan dan penyiaran bahan-bahan berita dari Sabah dan Sarawak memang turut diberi keutamaan oleh RTM. Di samping bahan-bahan yang disiarkan dalam berita, siaran radio negeri dan tempatan juga membuat liputan berita dari kedua-dua negeri berkenaan. Umpamanya, semua bahasa telah diberikan kesempatan untuk menyiarkan berita-berita di radio-radio nasional dan berita televisyen. Melalui siaran Warta Negeri setiap hari, terutama di RTM1 umpamanya, memang disediakan slot khusus untuk Sabah dan Sarawak yang disiarkan secara langsung atau *crossover* dari studio RTM di Kota Kinabalu dan juga di Kuching.

Mengenai cadangan pelaksanaan projek-projek penyediaan infrastruktur penyiaran di Sabah dan Sarawak di bawah RMK-9, sukacita dimaklumkan ia akan tetap dilaksanakan mengikut jadual. Ini termasuk pembinaan Kompleks Penyiaran Sabah yang baru, yang akan ditempatkan di Kota Kinabalu dengan kos pembinaan sebanyak RM70 juta serta pergantian peralatan studio dan melengkapkan peralatan *Electronic News Gathering* (ENG). Keutamaan juga diberikan kepada pelaksanaan projek peningkatan pemancaran radio di Sabah dan Sarawak termasuk pemasangan Sistem Data Radio atau RDS di stesen-stesen pemancar sedia ada.

Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha meningkatkan kualiti penerimaan siaran televisyen RTM, terutama di kawasan terlindung di Sabah. Ini termasuk menambah kuasa

siaran masing-masing dari 500 watt bagi Stesen Pemancaran Televisyen Bukit Kemiri dan Hotel Perkasa. Di samping itu, 1000 watt di Felda Sahabat di samping membina sistem pemancar baru di Pensiangan dan Kampung Sim Sim. Bagi negeri Sarawak pula, usaha akan dibuat untuk menambah kuasa pemancar televisyen kepada 500 watt di Stesen Telekom Pekan Mukah dan Pekan Song. Projek ini juga akan turut melibatkan penyediaan pemancar berkuasa 1000 watt di kawasan Stesen Telekom Bukit Singgalan dan 500 watt di Bukit TT844. Spesifikasi projek sedang disiapkan dan tender akan dibuka beberapa bulan lagi. Selain itu, stesen pemancar baru televisyen dijangka dapat dibina di Sungai Asap, Sarawak pada tahun 2008/2009.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan dan juga makluman tentang perancangan kementerian untuk menambah baik mutu penyiaran di kedua negeri Sabah dan Sarawak. Memang kita akui siaran melalui radio seperti Sandakan FM, Tawau FM dan Sabah FM banyak menyiarkan berita-berita Sabah melalui siaran radio berkenaan. Tetapi seperti hasrat Menteri ketika melawat Kuching baru-baru ini untuk melihat agar berita dari Sabah dan Sarawak juga dapat disiarkan melalui siaran televisyen yang berpusat di Semenanjung seperti TV1, TV3 umpamanya. Jika ditambah, ia merupakan satu hasrat yang dialu-alukan oleh masyarakat Sabah dan Sarawak. Saya harap Menteri, rancangan penambahan naik taraf Kompleks Penyiaran yang akan diadakan ini tidak akan tergendala dan akan memberi mutu siaran yang lebih baik untuk Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk Sabah dan Sarawak, liputannya telah berada di tahap 88% sekarang ini. Di Semenanjung sekarang ini 95%. Ertinya Sabah dan Sarawak juga tidak ketinggalan dari segi mendapat liputan siaran televisyen ini. Manakala untuk siaran berita tempatan Sabah dan Sarawak, kita memberikan slot ini kepada berita negeri setiap hari sekitar antara 5 hingga 10 minit di samping berita-berita biasa yang kita terima dari Sabah dan Sarawak tetapi ini adalah slot khas. Slot khusus untuk Sabah dan Sarawak.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, di Sarawak, slot-slot etnik seperti slot Bidayuh, Iban, Melanau dan sebagainya jauh kurang sekarang daripada yang dahulu sebelum menggunakan FM. Sekarang apabila mengguna FM, slot etnik ini di gabung dengan satu program dan masanya juga sudah kurang. Jadi apakah tindakan kerajaan kerana kita minta sebab kita ini orang etnik di Sarawak, bumiputera etnik minoriti, kita minta slot ini ditambah lagi supaya masa lebih panjang lagi supaya liputan pelbagai etnik dalam radio.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk berita tempatan bahasa dusun umpamanya atau kita kenali sebagai berita Dusun.

## ■ 1040

Kita siarkan setiap hari kira-kira 6.00 pagi dan antara pukul 8.00 dan 8.10 setiap malam. Ertinya untuk bahasa Dusun telah ada, antara 9.15 malam sehingga 9.25 malam. Begitu juga bahasa Kadazan, kita panggil berita Kadazan, setiap 7.00 pagi dan setiap 5.00 petang, tiap-tiap satunya 10 minit. Ertinya kita juga Tuan Yang di-Pertua, memberikan liputan kepada bahasa-bahasa etnik tempatan itu. Dan kita mengambil kira sokongan daripada kumpulan etnik ini kepada Kerajaan Barisan Nasional.

**8. Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jenis dan jumlah kereta import yang dibawa masuk ke Malaysia bagi tahun 2005, 2006 dan anggaran untuk tahun 2007.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat 43 jenama kereta yang diimport ke dalam negara yang terdiri daripada kereta penumpang saloon, kenderaan dua guna, kenderaan pelbagai guna, kenderaan utiliti sukan dan pacuan empat roda. Jumlah kereta yang dibawa masuk pada tahun 2005 sebanyak 50,857 unit, dan tahun 2006 sebanyak 38,121 unit. Antara jenama-jenama utama adalah Toyota, Hyundai, Kia, Chevrolet, Mitsubishi, Suzuki, BMW, Mercedes, Honda, SsangYong, Volkswagen, Ford, Audi, Mazda dan Peugeot.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kereta yang dibawa masuk pada tahun 2006 merosot kerana terdapat beberapa model di bawah jenama Kia, Hyundai dan SsangYong yang telah dipasang secara CKD di dalam negara. Dan keadaan pasaran kereta tempatan yang lembab akibat penurunan harga kereta terpakai yang menyukarkan tukar beli kereta lama kepada kereta baru dan kesukaran mendapat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan 10% daripada 520,000 unit kenderaan penumpang yang dikeluarkan di dalam negara pada tahun 2006 adalah dianggarkan jumlah kenderaan yang akan diimport pada tahun 2007 ialah 52,000 unit. Terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada ramai mengatakan bahawa kebanyakan kereta, sebahagian besar kereta yang kita bawa masuk ini kadang-kadang mempunyai persamaan dari segi kapasitinya dengan kereta-kereta jenis kereta yang dikeluarkan dalam negara kita. Jadi ini akan memberi satu impak kompetitif yang boleh memungkinkan jumlah kereta keluaran dalam negara tidak begitu mendapat sambutan oleh pembeli-pembeli dan pengguna. Jadi apakah rasional kerajaan dan kementerian supaya membawa pendekatan kepada mengimport kereta ini yang kalau boleh tidak bersamaan dengan kapasiti ataupun jenis yang agak sama dengan kereta-kereta keluaran dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak mempunyai sekatan dari segi kuasa kereta yang dibawa masuk ke negara kita. Walau

bagaimanapun, berdasarkan kepada pengalaman kita, bahawa jumlah kereta yang CC nya sama dengan kereta yang 1,300, 1,600 itu begitu kecil. Sebenarnya tidak secara langsung bersaing dengan begitu hebat dengan kereta negara kita.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana yang kita tahu sekarang ini, Kerajaan Malaysia masih menunggu keputusan untuk mengenai *strategic alliance* di antara sebuah *partner* daripada luar negara Volkswagen ataupun yang lain dengan Proton. Dan saya hendak tanya kementerian, kalau selepas keputusan *strategic alliance* ini, bagaimana ia akan memberikan impak kepada kereta-kereta yang diimport daripada segi duti eksais ataupun dari segi cukai importnya yang secara langsung ini akan mempengaruhi kereta-kereta tempatan di bawah satu *partnership* dengan izin yang baru. Saya hendak dapat sedikit pandangan daripada kementerian. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, *partnership* yang kita harap dapat dilaksanakan kita hendak lihat mencapai beberapa tujuan. Pertama untuk memperluaskan pasaran kereta Proton ke luar negara. Dan kedua untuk menggunakan platform Proton terutama di Tanjung Malim untuk keluaran kereta tersebut supaya berlaku *economy of scale* seperti mana kita maklum sekarang pengeluaran Proton lebih kurang dalam 200,000 unit dan itu tidak mencapai *economy of scale*. Sekiranya syarikat yang bergabung dengan kita mengeluarkan kereta di platform tersebut maka kita harap dapat mencapai *economy of scale* dan dapat dijual di luar negara.

Syarat-syarat dari segi duti import dan duti eksais sama, sekiranya menepati kepada keperluan ASEAN, jadi kita akan bagi 5% dari segi duti import untuk CBU. Dan eksais duti di antara 70% sehingga 105% itu berdasarkan kepada CC kereta. Dari segi CKD, 0%, dari segi *content* Asian dan untuk bukan Asian lebih kurang dalam 5%, saya tidak berapa ingat tetapi lebih kurang lebih daripada.., dia ada peratusan dia. Dari segi jumlah sebenarnya, saya tidak ingat nanti saya beri kemudian.

9. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah anggaran sebenar kerugian banjir di Johor, Melaka dan Pahang pada tahun lepas; dan
- (b) apakah kaedah yang digunakan dalam menyalurkan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa banjir dan apakah langkah kerajaan jika berlaku ketirisan semasa bantuan diagihkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, kerugian sebenar yang diakibatkan oleh banjir dianggarkan berjumlah RM1.26 bilion iaitu termasuk kerugian sektor pertanian, infrastruktur, pelajaran, pengairan dan

saliran, kesihatan dan lain-lain. Keperluan bantuan pemulihan segera akibat banjir ke atas kerosakan infrastruktur dan rumah-rumah adalah dianggarkan sebanyak RM1,257,625,328. Amaun ini termasuk kerja-kerja pemulihan infrastruktur bernilai sebanyak RM982,630,328. Anggaran ini diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi. Dan kerja-kerja pemulihan rumah bernilai RM274,995,000.

Kaedah penyaluran bantuan ihsan kepada mangsa-mangsa banjir menggunakan pindahan telegraf. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan akan disalurkan kepada kerajaan negeri sebelum disalurkan kepada daerah-daerah yang terlibat. Bantuan ihsan berbentuk wang tunai hanya diagihkan kepada mangsa-mangsa yang layak dan mendapat perakuan daripada pejabat daerah, jabatan kebajikan masyarakat daerah atau jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung. Untuk mengatasi masalah ketirisan semasa proses pengagihan bantuan, setiap mangsa dikehendaki mengisi dan menandatangani borang penerimaan bantuan. Proses merekodkan borang-borang tersebut adalah untuk disemak oleh Jabatan Audit Negara. Pengagihan bantuan adalah tertakluk kepada auditan oleh Jabatan Audit Negara.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang menjawabnya. Saya ingin bertanya tentang ketirisan itu juga kerana telah dilaporkan dalam Audit Negara tentang bantuan ke mangsa-mangsa tsunami dahulunya. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah menjawab, tapi mungkin ada jawapan yang lain kerana tidak ada susulan tentang ketirisan yang berlaku di mangsa-mangsa tsunami dulu.

Satu lagi soalan adalah tentang SMART iaitu *Special Malaysian Disaster Assistance and Rescue Team* dengan izin. Apakah peranan SMART dalam menangani masalah-masalah banjir kerana saya mengetahui bahawa SMART ini telah menghantar *team* ke Turki dan India dan juga apabila ada kebakaran di Indonesia. Apakah peranan mereka apabila berlaku banjir di negara sendiri? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, bagi ketirisan ini kalau Yang Berhormat tanya tentang tsunami lepas, jawapan dia sama, tidak ada pertukaran, seperti yang saya jawab dulu. Keduanya, SMART ini, ianya merupakan pasukan *emergency*, maknanya kalau berlaku gempa bumi, tanah runtuh, dan menyebabkan ada mangsa-mangsa yang terperangkap di bawah-bawah kerosakan itu, maka SMART lah pasukan yang kita hantar.

■ 1050

Alhamdulillah, baru-baru ini waktu banjir tidak ada perkara-perkara seperti itu yang berlaku di negara kita. Semuanya boleh dikendalikan oleh pasukan biasa sahaja. Sebab itulah SMART tidak dipanggil untuk memainkan peranan waktu banjir.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan jutaan terima kasihlah kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana memberikan

sumbangan ikhlas kepada keluarga-keluarga yang terlibat dalam banjir iaitu RM500 setiap keluarga. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas banjir dan selepas RM500 diberikan, saya difahamkan bahawa peniaga-peniaga telah pun diberikan nasihat untuk mengemukakan kerugian mereka untuk pertimbangan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Jadi saya ingin tahu apakah perkembangan ke atas pertimbangan itu. Sekian.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, selepas pasca banjir, kita bukan minta mereka mengemukakan kerugian mereka untuk kita membuat apa-apa bayaran ihsan, tidak! Kita minta iaitu pertamanya untuk statistik tentang kerugian yang berlaku kepada pihak swasta dan keduanya ialah untuk kita membantu mereka. Sebagai contoh, katalah kalau peniaga mengambil pinjaman daripada agensi-agensi yang berkenaan seperti TEKUN atau apa ke, mungkin kerajaan akan timbangkan untuk kita hapuskan kerana TEKUN ini merupakan pinjaman yang kecil – RM1 ribu, RM2 ribu, RM3 ribu – dan kalau kerugian mereka itu RM3 ribu atau RM4 ribu, apa perlu mereka kena bayar kerana mereka tidak ada lagi sumber untuk berniaga dan untuk membayar.

Jadi sebenarnya jumlah-jumlah ini kita hendak tahu untuk kita membantu peniaga supaya mereka akan memulihkan perniagaan mereka, bukan untuk bayaran ihsan atau apa. Jadi kalau mereka memberitahu kepada kita tentang masalah mereka mendapat kerugian, kita akan bantu dari segi menghubungi tempat-tempat untuk mereka telah mendapat pinjaman dahulu sama ada untuk *reschedule* semula bayaran ataupun kalau jumlah terlalu kecil, kita hapuskan sahaja. Jadi kita akan bantu mereka dalam hal-hal ini untuk memulihkan kembali keupayaan mereka untuk berniaga.

10. **Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]** minta Menteri Pelancongan menyatakan sama ada masalah banjir yang melanda Johor, Melaka dan Pahang pada akhir Disember 2006 dan bulan Januari 2007 menjejaskan ketibaan pelancong dalam merealisasikan Tahun Melawat Malaysia 2007 dan sasaran ketibaan pelancong.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat bagi Pasir Mas pada 9 April 2007 kerana menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik, sila.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sasaran kedatangan pelancong asing ke negara ini pada tahun 2007 adalah 20.1 juta orang dari segi kedatangan pelancong secara keseluruhan pada bulan Disember 2006 adalah seramai 1,539,329 orang, meningkat 8.6% berbanding dengan 1,417,236 orang pada Disember 2005, manakala bulan Januari 2007 pula seramai 1,583,517 orang pelancong telah direkodkan iaitu dengan peningkatan 8.9% berbanding dengan 1,453,803 orang pelancong pada Januari 2006.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada peningkatan kedatangan pelancong asing pada bulan Januari tahun ini berbanding dengan bulan Januari tahun lepas tetapi angka yang kita capai untuk bulan Januari tahun ini adalah kurang dari sasaran pelancong asing iaitu 1.8 juta orang yang kita sasarkan. Walau bagaimanapun kementerian akan mengadakan promosi dan pemasaran kita supaya sasaran 20.1 juta pelancong asing untuk tahun 2007, Tahun Melawat Malaysia boleh dicapai. Sekian.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Banjir yang berlaku pada bulan Disember dan Januari adalah amaran awal kepada kita kerana mengikut pakar-pakar mengenai *global warming* ini, Batu Pahat, Klang dan beberapa tempat lain termasuk beberapa pulau akan hilang daripada peta Malaysia dalam masa 50 tahun.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Tidak termasuk Labuan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tidak termasuk Labuanlah. Kalau JPS tidak cepat mengatasi masalah-masalah ini, kalau EPU tidak hendak luluskan projek-projek tebatan banjir ini akan datang, maka banjir akan kerap berlaku di dalam negara kita. Contohnya Shah Alam baru-baru ini tiba-tiba banjir lagi.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian mencadangkan supaya banjir ini menjadi produk pelancongan baru. [Ketawa] Tempat lain banyak tidak banjir, negara kita *all year round* banjir, jadikan produk pelancongan baru. Apa pendapat kementerian?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang isu banjir itu isu yang kita tidak hendak nampak di negara kita. Kita akan bincang dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan supaya kita boleh hadapi masalah banjir di negara kita. Cadangan Yang Berhormat tadi, itu kita akan bincanglah dengan Yang Berhormat. [Ketawa]

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Dengan perangkaan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri Pelancongan sekejap tadi kita rasa bangga dengan kedatangan pelancong ke negara kita. Tetapi kalau kita bandingkan kedatangan pelancong ke negara-negara jiran kita, ke Thailand, ke Indonesia, ke Singapura, barangkali kita dapat melihat lonjakan kedatangan pelancong ini kerana negara mereka lebih hebat daripada negara kita.

Saya sarankan di sini bagaimana kalau kita dapat mengambil pelancong-pelancong dari Timor Tengah misalnya setelah berlakunya 11 September dahulu, pelancong-pelancong dari Timor Tengah yang selalunya berulang alik ke Eropah, ke Amerika, ke Britain dan sebagainya, sekarang ini mereka mengalih pandangan ke negara-negara Asia kita ini. Jadi bagaimana usaha-usaha dilakukan supaya pelancong dari Timor Tengah itu yang pasti mereka ini mempunyai wang, mereka mempunyai duit yang begitu banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jangan wang mereka itu dialihkan ke negara lain supaya negara kita ini dapat menampung pelancong-pelancong yang datang dari negara-negara yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, menteri jawab.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Memang kita tahu pelancong dari *Middle East* atau Arab, mereka memang berbelanja lebih besar jika dibandingkan dengan pelancong yang lain. Kita memang ada program-program yang tertentu supaya kita boleh membawa lebih ramai pelancong asing dari Arab.

Untuk makluman Yang Berhormat, tahun lepas tahun 2006, kita memang telah capai angka yang baik untuk pelancong dari Timor Tengah iaitu kenaikan dari 147,000 ke lebih kurang 200,000. Kita pun haraplah parti-parti pembangkang yang selalunya bangkit isu-isu di negara kita ini, laporan yang negatif pun boleh membawa kesan yang tidak baik untuk pelancong datang ke negara kita. Sekian.

11. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk memberi kuasa kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan pemeliharaan sungai khususnya tentang fungsinya mengalirkan air dengan cekap termasuk penebatan banjir.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 (Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan) (No.2) 2004 antara lain telah menggariskan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dipertanggungjawabkan untuk kerja-kerja perancangan dan pengurusan sungai di seluruh negara termasuk melaksanakan fungsi kerja-kerja tebatan banjir.

■ 1100

Buat masa ini tidak ada peruntukan undang-undang secara khusus mengenai pemeliharaan sungai selain daripada garis panduan-garis panduan yang berkaitan dan mengenai pengurusan sungai. Dalam pada masa itu pihak kementerian masih lagi belum bercadang untuk memberi apa jua kuasa kepada pihak JPS untuk menguatkuasakan sebarang undang-undang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dari segi penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan kerana tidak ada peruntukan undang-undang. Kalaulah begitu nampaknya lambakan lumpur, sampah yang tidak berfungsi dengan baik yang dibina oleh pemaju, halangan saluran seperti jambatan tidak boleh diambil tindakan kerana tidak ada kuasa undang-undang. Apa sebenarnya strategi JPS untuk mengatasi masalah ini kerana saya lihat kebanyakan peristiwa atau kejadian banjir adalah akibat daripada ketidakcekapan

saliran. Adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan undang-undang dan pada masa yang sama mungkin kementerian boleh tingkatkan kecekapan di dalam pengurusan saluran seperti sungai dan parit ini, sekian terima kasih.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa ada soalan bocor. Sebenarnya pihak Kerajaan sememangnya bercadang untuk membentuk satu undang-undang sungai ataupun kita panggil *River Law*. Ianya sekarang dalam peringkat penyediaan kertas kabinet bagi dibentangkan kepada pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, agensi-agensi yang menguatkuasakan undang-undang ini kelak masih lagi belum ditetapkan sama ada pihak berkuat kuasa tempatan ataupun pihak Jabatan Alam sekitar ataupun pihak JPS dan sebagainya, tetapi insya-Allah ini kita tengah buat, terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Memandangkan peranan atau bidang tugas di bawah JPS salah satunya adalah pengendalian sungai dan kerajaan negeri Melaka hari ini sedang menghadapi satu program pengindahan sungai paling besar di negara kita. Bolehkah Yang Berhormat berkongsi dalam Dewan ini apakah sumbangan pihak kementerian di dalam pembikinan Sungai Melaka sebagai '*Venice Of the East*' ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, terima kasih kepada Kerajaan Melaka sebenarnya. Sebenarnya selain daripada wang yang kita bagi kepada Melaka untuk mengindahkan sungai tersebut, banyak lagi ciri-ciri reka bentuk yang kita berikan kepada Kerajaan Negeri Melaka. Kita berterima kasih kerana kerajaan negeri Melaka memberikan sokongan yang padu kepada JPS di dalam kita mengindahkan sungai bersejarah tersebut. Insya-Allah dalam jangka masa terdekat ini kita akan buat Sungai Melaka ini sebagai sungai contoh di mana pengurusan bersepadu di antara kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, JPS dan Alam Sekitar di mana kita boleh panggil kerajaan-kerajaan negeri terutama sekali Kerajaan Negeri Kelantan untuk pergi tengok macam mana kita uruskan sungai kita di Melaka, terima kasih.

**12. Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bersedia untuk memansuhkan segala penganugerahan dalam bentuk gelaran yang diberikan setiap tahun oleh negeri-negeri, dan untuk mewujudkan sistem di mana pemberian anugerah tersebut ditentukan oleh kerajaan pusat dan hanya diberikan dalam situasi sikap keberanian atau bakti cemerlang kepada negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, segala penganugerahan dalam bentuk gelaran dan lain-lain penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat yang diberikan setiap tahun oleh negeri-negeri adalah tertakluk kepada prerogatif Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Sultan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri masing-masing dan ia adalah di luar daripada bidang

kuasa Kerajaan Pusat. Ini adalah merupakan warisan peninggalan perjanjian di antara penjajah dan Raja-Raja Melayu di mana dalam soal agama Islam dan adat istiadat Melayu ianya kekal dalam bidang kuasa Raja-Raja Melayu dan penganugerahan gelaran adalah terjatuh di bawah adat istiadat Melayu. Oleh hal yang demikian, kerajaan tidak bersedia untuk mansuhkan penganugerahan negeri-negeri. Bagi mereka yang berani dan berbakti cemerlang kepada negara, sememangnya kita mempunyai sistem yang *parallel* yang memberikan pengiktirafan dan anugerah kepada mereka.

**13. Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan status terkini tahanan yang terdapat dalam Penjara simpang Renggam dan berapakah jumlah kematian yang telah berlaku di Penjara simpang Renggam dari tahun 2000 hingga kini.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, Di Penjara Simpang Renggam terdapat tiga komponen iaitu Penjara untuk banduan dan reman dengan kapasiti 1,100 orang, Pusat Pemulihan Akhlak bagi mereka yang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya LLPK yang berkapasiti 900 orang dan Ordinan Darurat yang berkapasiti 500 orang.

Pada ketika ini terdapat seramai 2,494 orang tahanan yang ditahan di PPA Simpang Renggam sehingga 19 Mac 2007. Mereka ini ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) iaitu seramai 1,531 orang. Ini melebihi 71.2% daripada kapasiti semasa. Bagi Tahanan Ordinan Darurat terdapat 963 orang tahanan dan ini melebihi 92.6% kapasiti semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Manakala jumlah kematian orang tahanan yang dicatatkan di PPA Simpang Renggam sejak tahun 2000 hingga 2007 adalah sebanyak 96 kes kematian. Pecahan kematian adalah seperti berikut;

<b>Punca Kematian</b>	<b>Jumlah</b>
Hiv/Aids	77
Gantung Diri	1
Kejutian Elektrik	1
Kesihatan Diri	16
<b>Jumlah Besar</b>	<b>96</b>

Kebanyakan orang tahanan yang meninggal dunia ini meninggal dunia semasa mendapatkan rawatan di hospital atau pusat rawatan yang berdekatan.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Memandangkan terdapat begitu banyak kes kematian di Simpang Renggam, saya hendak tanya apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi

memastikan perkara sebegini tidak sering berlaku kerana kalau masalah ini kerap berlaku, ia akan memberi satu *perception* yang tidak begitu baik kepada kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Tahanan Simpang Renggam memang merupakan satu pusat pemulihan di mana sepatutnya orang tahanan yang masuk ke Simpang Renggam dia akan menjadi seorang manusia yang baik.

Tetapi, nampaknya selepas dibebaskan dari Simpang Renggam terdapat bekas tahanan ini menjadi lebih ganas dan mereka ini menjadi '*hard-core*' seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan mereka jadi profesional dapat ijazah. Soalan saya, saya ingin tahu apakah program-program pemulihan di Simpang Renggam itu langsung sesuai atau tidak sesuai untuk guna pakai dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi tahu apakah jenis program pemulihan yang terdapat di Simpang Renggam pada masa kini. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua ingin saya menjelaskan bahawa bilangan kematian di Simpang Renggam ini ia agak tinggi disebabkan oleh penyakit-penyakit yang dijangkiti oleh orang tahanan sebelum dia dimasukkan ke dalam penjara. Antara pesakit-pesakit HIV dan AIDS mereka telah dijangkiti penyakit tersebut sebelum dimasukkan dan di Simpang Renggam apabila mereka diterima masuk, kita akan membuat pemeriksaan perubatan dan mengenal pasti untuk mereka yang berpenyakit dia akan diasingkan di sel berasingan untuk mengawal keadaan. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa mereka telah dibebaskan menjadi lebih ganas. Kita tidak boleh menggunakan satu dua kes sebagai satu rumusan bahawa mereka yang dilepaskan daripada Simpang Renggam akan menjadi penjenayah yang lebih teruk. Tidak ada bukti dan tidak ada angka menunjukkan ke arah tersebut.

■ 1110

Sebenarnya dalam semua institusi penjara, kini Jabatan Penjara memang ada menjalankan program pemulihan termasuk Simpang Renggam. Program pemulihan itu ada empat fasa. Fasa pertama ialah program pembinaan disiplin dan fasa kedua ialah program pengukuhan sahsiah. Fasa ketiga ialah program kemahiran dan fasa keempat ialah program kemasyarakatan atau pre-bebas. Dan komponen yang paling penting ialah program kemahiran di mana kita ada pelbagai bengkel; seperti bengkel kerja kayu kayan, bengkel batu-bata, bengkel dobi dan sebagainya untuk melatih orang tahanan dan banduan supaya dengan harapan mereka akan jadi insaf dan akan dapat diterima oleh masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat dua buah pusat tahanan yang menahan suspek-suspek tanpa di bicara di mahkamah iaitu ada satu di Batu Gajah dan satu di Simpang Renggam. Saya minta Yang Berhormat memberi

perbezaan atau kategori-kategori banduan yang ditahan di kedua-dua pusat tahanan ini. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Terima kasih. Sebenarnya ada tiga, bukan dua. Satu lagi di PPA Muar. Ini perbezaannya ialah untuk mereka yang terlibat dalam kes-kes yang serius dan kita biasanya letak di Muar, PPA Muar. Dan untuk yang sederhana kita letak di Simpang Renggam dan untuk yang lebih ringan kita letak di Batu Gajah. Tapi kini oleh sebab kesesakan, kita juga kena pindah dari semasa ke semasa untuk mengurangkan masalah kesesakan di PPA.

*[Soalan No. 14 – Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) tidak hadir]*

*[Soalan No. 15 – Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) tidak hadir]*

*[Soalan No. 16 – Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) tidak hadir]*

*[Soalan No. 17 – Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]*

**18. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan jumlah geran diperuntukkan kepada pertubuhan-pertubuhan sosial atau bukan kerajaan (NGO) dalam RMK-9 bagi melaksanakan program-program sosial pembangunan masyarakat terutamanya bagi masyarakat minoriti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diperuntukkan geran pembaikan dan pembelian peralatan kepada pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar dengan jabatan adalah sebanyak RM9,211,820. Di samping itu geran tahunan juga diperuntukkan di bawah dasar sedia ada kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

Secara anggaran purata adalah sebanyak RM32 juta setiap tahun bagi tujuan menampung sebahagian kos pentadbiran Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Elaun khas bagi kanak-kanak cacat yang berkeperluan perbelanjaan khas serta penyelenggaraan makan minum penghuni yang tinggal di institusi ataupun di pusat-pusat jagaan harian Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Bantuan geran berkenaan adalah merupakan bantuan yang diberikan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan tanpa mengambil kira kumpulan etnik. Justeru itu, bantuan geran ini merupakan suatu penghargaan atau sokongan kerajaan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan dalam memenuhi keperluan sosial negara dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan kepada golongan sasar kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ya. Saya mendapat maklum balas bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa proses untuk menelaah dan juga meluluskan peruntukan-peruntukan yang diminta oleh badan-badan sukarela adalah memerlukan jangka masa yang panjang. Kadang-

kadang empat lima enam bulan. Baik, bagaimanakah mekanisme untuk meluluskan ini dapat dipercepatkan supaya kumpulan sasaran yang ditunjukkan itu dapat manfaat dan keduanya berapa banyak kah NGO yang terlibat dalam dengan izin *bridging the digital divide* (BDD) program untuk memperkasakan golongan-golongan yang kurang berada dalam program pembangunan wanita dan juga masyarakat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Cameron Highlands. Masalah-masalah untuk meluluskan atau makan masa yang panjang untuk meluluskan beri bantuan geran kepada NGO-NGO atau pusat jagaan kebajikan termasuk, pertama ada yang mereka bila mereka membuat permohonan dengan kementerian, kita dapati mereka belum didaftar dengan ROS iaitu *Registrar of Society*. Tetapi mereka di daftar di bawah ROC. Oleh itu kalau dia didaftar di bawah ROC, dia tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Kedua, ada juga pusat-pusat jagaan kita dapati kepadatan penghuni di dalam pusat jagaan itu terlalu banyak.

Oleh itu apa yang perlu kita laksanakan ialah bantu mereka untuk memindahkan separuh atau penghuni mereka pergi ke pusat-pusat jagaan yang lain supaya mereka memenuhi syarat dan ini adalah sebab mengapa dan juga ada yang bila mereka buat permohonan, mereka hantar sahaja surat tetapi tidak pergi ke pejabat-pejabat Jabatan Kebajikan Daerah untuk mengisi borang dan juga beri satu laporan yang teliti. Inilah masalah dan untuk program-program kepada wanita dan juga kumpulan sasaran, sebenarnya tiap-tiap tahun kita ada RM30 juta peruntukkan iaitu bantuan khas untuk NGO-NGO untuk menganjurkan program. Mengenai program digital dan semua ini, saya mohon beri jawapan secara bertulis kerana tidak ada angka. Terima kasih.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya nak bertanya di samping NGO ataupun badan-badan bukan kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini, terdapat juga badan-badan bukan kerajaan yang di bawah kementerian lain seperti Belia dan Sukan, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sebagainya yang boleh membantu pihak kementerian dalam menjalankan aktiviti bagi membantu orang-orang yang kurang upaya dan sebagainya. So apakah perancangan apakah tindakan kementerian ini dalam menyelaraskan peranan-peranan NGO di kementerian-kementerian yang lain ini. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Okey, untuk jawab soalan Yang Berhormat. Biasanya kalau dia adalah pertubuhan di bawah kementerian yang lain, kita menggalakkan mereka untuk buat permohonan melalui kementerian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi satu contoh kalau ada sesebuah pertubuhan belia, mereka menjalankan program yang selaras dengan objektif yang ditetapkan oleh kementerian kami dan mereka beri bantuan atau kursus-kursus kemahiran kepada kumpulan sasar di bawah kementerian kita, kita juga akan timbang dan kita benar juga beri bantuan kepada mereka. Terima kasih.

**[Soalan No. 19 – Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) tidak hadir]**

20. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan mengapa kerajaan masih gagal melaksanakan suatu sistem pengangkutan awam termasuk perkhidmatan bas dan teksi yang efisien di negeri Pulau Pinang dan bagaimana Tabung Pengangkutan Awam digunakan setakat ini.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kerajaan menyedari masalah pengangkutan awam di Pulau Pinang khususnya pengangkutan bas berhenti-henti dan teksi. Sungguhpun kerajaan telah pun menyusun semula dan melancarkan sistem pakej bagi meningkatkan mutu perkhidmatan bas di Pulau Pinang mulai bulan April 2006, tetapi para pengusaha masih gagal untuk memberikan perkhidmatan yang dapat memenuhi aspekasi orang ramai.

■ 1120

Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

- (i) perkhidmatan bas tidak mematuhi sistem laluan yang telah disusun;
- (ii) perkhidmatan bas tidak mengikut jadual perjalanan dan masa yang ditetapkan;
- (iii) keadaan bas yang usang dan uzur;
- (iv) amalan pajakan dan sewaan kenderaan yang tidak beretika; dan
- (v) serta mematuhi syarat pelesenan kenderaan perdagangan.

Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan memutuskan untuk mengambil alih perkhidmatan bas berhenti-henti di Pulau Pinang melalui penubuhan Syarikat Rapid Penang Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Rapid KL Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Pada masa ini, syarikat tersebut sedang membangunkan sistem pengangkutan awam yang baru di Pulau Pinang dan Seberang Perai dan dijangka akan memulakan operasi pada bulan Ogos 2007.

Kerajaan juga sedar bahawa perkhidmatan teksi di Pulau Pinang masih tidak dapat memenuhi keperluan dan kehendak orang ramai. Kementerian menerusi LPKP telah mengeluarkan jumlah lesen teksi yang mencukupi serta memberikan kadar tambang yang lebih tinggi kepada pengusaha teksi Pulau Pinang berbanding dengan kadar tambang teksi di bandar-bandar utama yang lain.

Namun demikian, perkhidmatan teksi masih tidak memuaskan disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

- (i) keengganan pemandu menggunakan meter semata-mata untuk meraih keuntungan yang lebih; dan

- (ii) sikap segelintir pemandu yang kurang beretika dan bersopan-santun terutama semasa memberi perkhidmatan kepada pelancong.

Sehubungan dengan itu, kementerian menerusi LPKP sentiasa mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia bagi menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dari masa ke semasa. Sehingga ini LPKP telah membatalkan sebanyak 32 lesen teksi dan menggantung sebanyak 23 lesen atas kesalahan tidak menggunakan meter. LPKP juga akan memperkenalkan sistem kupon perkhidmatan teksi di lokasi-lokasi yang tertentu bagi meningkatkan perkhidmatan teksi kepada orang ramai di Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta kepada Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam pada tahun ini bagi memberi pembiayaan mudah kepada pengusaha pengangkutan awam sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan kepada orang ramai. Tabung tersebut dikendalikan melalui Bank SME dan telah pun dilancarkan pada 22 Mac yang lalu. Sehingga kini Bank SME telah pun menerima sebanyak lapan permohonan dan kini dalam proses untuk dibuat keputusan.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah kementerian sedia untuk menjemput badan-badan bukan kerajaan dan orang awam yang berminat bersama-sama untuk menentukan perkara-perkara seperti laluan jadual apabila Rapid Penang memerlukan perkhidmatan di Pulau Pinang. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah pengusaha-pengusaha bas awam yang kini beroperasi, apakah mereka akan terus diberi lesen untuk mengendalikan perkhidmatan bas dan sama ada bagaimana memastikan mereka akan gugurkan sistem pajakan yang digunakan pada masa ini yang menimbulkan pelbagai masalah. Sekian.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya input dan maklumat daripada orang ramai telah pun didapati semasa pihak kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan melaksana dan menjayakan pelan pengangkutan awam di Pulau Pinang. Berasaskan kepada pelan pengangkutan awam itulah, maka perkhidmatan pengangkutan awam khususnya bas di Pulau Pinang dibahagikan kepada tiga pakej.

Apabila syarikat-syarikat yang sedia ada gagal untuk memenuhi perancangan yang dilakukan melalui tiga pakej itu yang dilahirkan berasaskan kepada pandangan NGO dan orang ramai, maka atas sebab itulah pihak Rapid Penang diwujudkan untuk mengendalikan perkhidmatan pengangkutan awam. Oleh itu, soal mendapat input dari segi laluan dan sebagainya sudah berlalu iaitu sebelum pelan itu dilahirkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang.

Keduanya apabila Rapid Penang diwujudkan dan mengendalikan pengangkutan bas berhenti di Pulau Pinang, bas yang sedia ada masih lagi boleh terus beroperasi. Mereka akan

wujud dalam keadaan persaingan antara satu dengan yang lain tetapi sudah tentulah mana-mana syarikat yang memberikan perkhidmatan yang berkesan, yang efisien dan sebagainya akan dapat berjaya dan terus digunakan oleh orang ramai. Jadi ini merupakan satu perkara yang perlu diambil kira oleh syarikat-syarikat tersebut. Ianya tidak bermakna apabila Rapid Penang diwujudkan, lesen mereka dibatalkan. Itu tidak akan berlaku.

Tetapi apabila tempoh lesen mereka tamat, dalam soal mereka mohon untuk menyambung perkhidmatan, kita akan ambil kira sekiranya mereka banyak melakukan kesalahan, mereka lemah dalam memberi perkhidmatan apatah lagi jika didapati mereka syarikat yang memajakkan bas dan tidak jalankan sendiri. Dalam keadaan itu, sudah tentulah lesen mereka tidak akan diperbaharui.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada kaedah untuk kita mencekapkan lagi, menambah keberkesanan sistem pengangkutan awam kita ialah dengan menggalakkan pemilik-pemilik pengangkutan awam ini untuk menggunakan teknologi. Di Jepun dan Korea, mereka telah menggunakan ITIS – Integrated Traffic Information System ini, di dalam kereta mereka diberitahu mana-mana jalan yang sesak dan tidak sesak. Soalan saya, kemudahan ini ada di negara kita. Adakah pihak kementerian bersedia untuk mengarahkan semua pemilik-pemilik pengangkutan awam ini untuk menggunakan alat-alat GPRS dan ITIS. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Sememangnya saya mengakui bahawa teknologi akan membantu bukan sahaja dari segi soal produktiviti atau kecekapan tetapi juga dari segi memudahkan perjalanan. Teknologi yang dimaksudkan ada dua, satu yang melibatkan soal infrastruktur lalu lintas, itu di bawah kementerian lain. Tapi bagi teknologi yang sewajarnya digunakan oleh syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam, sewajarnya kita sedia maklum bahawa teknologi itu bukannya murah. Teknologi itu kosnya memang mahal dan soalnya ialah kemampuan syarikat untuk membeli dan menggunakan teknologi itu. Ini bergantung pula kepada hakikat sama ada perkhidmatan pengangkutan awam itu merupakan satu perkhidmatan yang sudah diterima oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Ia isu *chicken and egg*.

Kalau ramai rakyat menggunakan pengangkutan awam dan ada pulangan, maka dengan sendirinya syarikat mampu untuk beli teknologi itu. Tetapi jika masalahnya masyarakat kurang pengangkutan awam dan kita mengharapkan syarikat pengangkutan awam untuk melabur, mereka akan mendapat kerugian yang akhirnya semuanya akan gagal, perkhidmatan gagal, kenderaannya tidak seberapa dan sebagainya. Kita tidak mahu teknologi dipakai dalam bas tetapi bas buruk, tiada *air-condition*, kerusi berlubang dan sebagainya. Jadi inilah keadaan-keadaan dilema yang dihadapi oleh pengangkutan awam dalam negara kita.

*[Soalan No. 21 – Y.B. Datuk Juslie Ajirol (Libaran) tidak hadir]*

**22. Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kes-kes pembuangan haram sisa-sisa toksik berjadual yang telah pun dikesan oleh pihak kementerian dalam tempoh tahun 2000 hingga tahun 2006. berapakah bilangan kes-kes tersebut dirujuk ke mahkamah dan apakah keputusan mahkamah tentang kes-kes itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes pembuangan haram sisa toksik berjadual yang telah dikesan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam tempoh 2000 sehingga 2006 adalah sebanyak 125 kes. Manakala bilangan kes yang telah dihadapkan ke mahkamah adalah sebanyak 60 kes di mana 22 kes telah didapati bersalah dan tindakan denda dikenakan. 27 kes telah dilepaskan dan 11 kes lagi masih dibicarakan.

■ 1130

Jumlah denda yang dikutip di antara tahun 2000 sehingga 2006 adalah sebanyak RM1,920,909. Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Pembuangan haram sisa-sisa toksik berjadual ini memang masalah yang serius. Walaupun ianya dua ataupun tiga kes setahun pun serius kerana ini adalah sisa-sisa toksik yang menyebabkan pencemaran alam dan juga jika terkena manusia mungkin mengganggu kesihatan. Saya melihat kes-kes yang tertentu seperti kes toksik dari Taiwan yang dijumpai di Johor. Seorang *flying squad staff* kena tikam oleh *scrap metal dealers*. Bilik fail Johor terbakar, treler toksik waste di Perak yang tidak diambil tindakan dan mungkin banyak lagi kes yang lain. Adakah terjadi kepada kes-kes ini. Adakah kes ini sudah dihadapkan ke mahkamah sedangkan tempoh sekian lama dan apakah langkah-langkah yang lebih baik diguna pakai sekarang oleh kementerian untuk menangani masalah pembuangan sisa-sisa toksik haram ini.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat. Di antara kes-kes yang disebut tadi ada beberapa kes telah pun berada di dalam mahkamah seperti kes toksik di Johor dan sebagainya. Dan ada beberapa kes yang tidak mempunyai bukti yang lengkap dan kukuh untuk kita membawanya ke mahkamah. Jadi ini berlaku.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa meminta bantuan daripada pihak orang ramai untuk memberi maklumat-maklumat tertentu terhadap pembuangan sisa-sisa toksik tersebut sebab sememangnya kita mengetahui kementerian tidak mencukupi kakitangan yang secukupnya untuk menjaga setiap inci negara kita ini. Jadi kita bergantung kepada maklumat daripada orang ramai. Saya ingin memberi nombor telefon kepada orang ramai. Sekiranya mereka mendapat maklumat berkenaan dengan pembuangan sisa toksik bolehlah

menelefon kepada 1-800-88-2727. Saya ulang 1-800-88-2727. Saya harap Ahli-ahli Parlimen dapat masukkan nombor ini dalam telefon bimbit mereka.

Satu lagi yang kita buat ialah penubuhan Ahli Jawatankuasa Alam Sekitar di peringkat Parlimen dan di peringkat DUN-DUN yang fasa pertama ini terhadap kawasan-kawasan yang kita tahu yang mempunyai banyak kilang yang boleh mencemar alam sekitar kita. Akan dilancarkan dalam masa terdekat ini, insya-Allah. Terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setiap kali apabila surat khabar menghebohkan berkenaan dengan penemuan pembuangan sisa toksik ini kita akan dapat maklum balas daripada kementerian, tak cukup kakitangan, tak cukup peruntukan dan tindakan yang biasa diambil ialah pinda undang-undang atau tubuhkan jawatankuasa. Apakah pihak kementerian ada mengenal pasti bagaimana sisa-sisa toksik terutamanya dari luar negara ini boleh dengan senangnya dibawa masuk ke dalam negara ini. Apakah wujud kelemahan dalaman sendiri kakitangan atau pegawai yang terlibat bersama dengan orang-orang asing yang membawa masuk toksik-toksik ini. Dalam aspek ini adakah pihak kementerian ada meneliti keadaan ini.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Yang Berhormat, kita bersikap proaktif terhadap apa-apa yang berlaku. Kita seharusnya bersyukur kalau tak ada Jabatan Alam Sekitar saya ingat di Malaysia ini lagi teruk, macam-macam boleh masuk. Jadi apa yang kita sudah buat ini mengikut kemampuan yang kita ada memang sudah mencukupi. Cuma kita menambah baik lagi perkhidmatan kita. Memang akan ada kes-kes yang berlaku. Kita buat cara mana pun gantung penjenayah alam sekitar ini pun akan ada orang yang melanggar peraturan dan undang-undang.

Jadi saya rasa pihak pembangkang pun hendak kena proaktif jugalah. Saya tak pernah dengar pun ada pihak pembangkang yang membawa kes kepada kita yang membantu kita selain daripada cuma pandai kritik, pandai komen, pandai cakap-cakap. Tak ada pun cakap kepada kita tangkap orang itu tangkap orang ini. Ini cakap kerajaan tak buat kerja, tak buat kerja, tak buat kerja. Saya rasa pembangkang yang tak buat kerja sebenarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, setakat itu sahajalah sesi jawab lisan pada pagi ini.

***[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]***

**USUL**  
**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN**  
**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesebelas”. **[28 Mac 2007]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Semalam Yang Berhormat bagi Kuala Pilah mula bercakap ya. Silakan.

**11.35 pagi**

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Bismillahhirahmanirrahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pagi ini dalam Dewan yang mulia ini saya berterima kasih kerana diberikan ruang dan peluang membahaskan titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Dalam titah ucapan tuanku ada menekankan soal Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang membawa negara kita menuju ke arah sebuah negara maju pada tahun 2020.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya melihatnya sebagai satu gagasan ekonomi yang berwawasan. Kalau dilihat gagasan ekonomi kali ini ianya merupakan satu pakej yang komprehensif bagi permulaan Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini bermakna tahun pertama Bajet 2007 di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dilihat sebagai satu permulaan yang holistik bakal memacu negara ke arah sebuah negara yang berwawasan.

Sesuatu permulaan itu penting, a *good start* kerana ia mencerminkan di mana hala tuju yang hendak dituju atau disasarkan. Jadi saya melihat gagasan ekonomi berwawasan di dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda ini menyajikan suatu juadah yang cukup padat berisi kental dan sebagainya.

Justeru itu saya melihat ruang-ruang kosong perlu dimantapkan lagi bagi membolehkan kek ekonomi dapat diagihkan lebih adil, saksama dan berkembang pesat. Ada ruang kelemahan yang ditegur perlu diperbaiki. Ada ruang yang kita selalu suarakan demi kepentingan rakyat teramai perlu dihayati dan dicari jalan cara macam mana Rancangan Malaysia Kesembilan ini benar-benar menepati dan benar-benar tersasar kepada rakyat majoriti. Ini harapan kita dan sesungguhnya titah ucapan duli yang maha mulia tuanku itu memang besar maknanya sebagai satu landasan kita ke arah negara maju 2020.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu yang ingin saya bangkitkan dan isu pertamanya ialah tentang trend ataupun prestasi pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Kita maklum dengan hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang mendapat dukungan padu rakyat terutama Rancangan Malaysia Kesembilan perlu dilaksanakan dengan sempurna dan mengikut jadual demi kebajikan rakyat dan pembangunan negara RMK-9 sudah hampir satu atau dua tahun dilaksanakan. Sebahagian projek pembangunan yang dirancang sedang rancak dilaksanakan. Banyak perubahan telah dan sedang dilakukan dalam sektor pendidikan, perkhidmatan, kewangan dan pembangunan infrastruktur.

Pihak pemaju, pihak pemborong, pihak pembekal, pihak perunding dan kontraktor sibuk dengan pelbagai projek dan program sama ada yang dibiayai oleh pihak kerajaan atau pihak swasta. Kita lihat di mana-mana orang bercakap daripada peringkat paling akar umbi membawalah kepada Dewan Parlimen yang mulia ini kita melihat bahawa kerancangan pembangunan sedang giat dilaksanakan di negara kita. Alhamdulillah.

Walau bagaimanapun, kita juga sering kali dimaklumkan bahawa masih ada lagi lompong, masih ada lagi kesulitan di sana sini dari segi pelaksanaan yang perlu diperbaiki dengan segera. Saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang sebelum ini membincangkan dan menyuarakan ketidakpuasan hati mereka baik daripada kawasan mereka ataupun kawasan-kawasan jiran yang berkaitan ruang-ruang, lompong-lompong dan kelemahan-kelemahan yang begitu jelas dilihat oleh kita semua itu. Jadi saya bersama-sama dengan rakan menyetujui bahawa ini harus kita terima sebagai satu hakikat yang sebenarnya dan dicari jalan teguran mereka itu di mana silapnya yang sebenar.

■ 1140

Kawan-kawan banyak menyebut soal sistem penyampaian. Memang benar, dari segi hasrat kerajaan, dari segi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dari segi dasar yang telah digubal, cantik, molek dan sebagainya. Tetapi dalam bab pelaksanaan inilah timbul beberapa persoalan oleh rakan-rakan kita Yang Berhormat. Ramai yang menyebut, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Jasin dan lain-lainlah kawan-kawan menyebutkan sistem penyampaian.

Kerana inilah sebenarnya berjaya atau tidaknya program yang dirancang itu. Soal sistem penyampaian, soal kelewatan, soal banyak perkaralah yang telah ditimbulkan. Oleh

sebab itu, lompong yang ini harus diisi, harus diperbaiki supaya kita melihat, 2020 negara kita bertambah maju dan rakyat mendapat nikmat daripada rancangan ini.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengemukakan beberapa isu dan persoalan pembangunan di kawasan luar bandar yang menjadi salah satu teras dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ada beberapa perkara yang saya hendak lihat yang kita harus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran. Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Yang Berhormat Maran, Sila sahabat saya.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kuala Pilah. Kita membicarakan masalah *delivery system*, sistem penyampaian ini. Sudah sembilan rancangan Parlimen Malaysia. Boleh kata tiap-tiap tahun kita membicarakan ini, bukan sahaja di Parlimen ini bahkan di Dewan Undangan dan juga di forum-forum yang lain di peringkat daerah dan sebagainya. Saya ingat mungkin Yang Berhormat mempunyai cadangan yang khusus yang dalam fikiran Yang Berhormat? Bagaimana kita hendak mencadangkan kepada kerajaan, supaya pendekatan yang lebih realistik, yang lebih sesuai dapat kita pastikan supaya pelaksanaan ini dapat berjalan dengan baik? Sila, terima kasih.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih sahabat dari Maran. Saya bersetujulah suara-suara yang telah mengemukakan, saya juga sering kadang-kadang berbisik dengan kawan-kawan. Kita telah menyuarakan banyak perkara dan suara yang kita zahirkan ini merupakan hasrat rakyat yang sebenar. Antaranya, misalnya dari segi pengisian jawatan. Kita telah bercakap banyak kali dalam Dewan dan juga pernah ditimbulkan dalam sesi penggal Parlimen yang terdahulu daripada ini. Kita berpendapat ada baiknya kalau bolehlah, lain kali besok, hari ini, tiap-tiap soalan kita, kita dibagikan jawapan lisan begini.

Saya mencadangkan besok, kita senaraikan. Yang Berhormat bagi Johor Bahru mencadangkan dia pernah menegur ini, ini dia... Kita hendak tahu pula status teguran mereka. Saya pernah bertanya kepada soal JPA, pengisian jawatan. Sampai hari ini, berpuluh-puluh tahun dari segi struktur organisasi ada dalam organisasi jabatan. Dari segi peruntukan kewangan pun ada. Kenapa ini juga tidak diisi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Ya, banyak ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau banyak lagi, saya cadangkan Yang Berhormat perlu pandai, pandailah... nanti saya akan tegur minta Yang Berhormat gulung tidak lama lagi.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Ya Yang Berhormat Puchong, ini sahabat..

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Mengenai sistem penyampaian ini memang kita sudah bercakap banyak mengenainya. Tetapi satu perkara sedarkah Yang Berhormat di Malaysia, kita ada lebih kurang satu juta kakitangan perkhidmatan awam. Daripada *ratio* dia, kita ada 26 juta rakyat Malaysia. Ini bermakna 26 orang daripada penduduk di sini, seorang adalah kakitangan awam. Kalau jika dibandingkan dengan negara Jepun, mempunyai 120 juta penduduk dia. Tetapi *ratio* dia ialah 1 kepada 34 atau 35. Ini bermakna saya ingat kuantiti itu tidak begitu penting. Yang penting ialah kualiti. Kualiti perkhidmatan, prosedur dia, macam mana birokrasi dia, bagaimana boleh kita meningkatkan kecekapan dia? So saya hendak bertanya sedikit..?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Puchong, nanti adakah Yang Berhormat hendak minta berucap?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Belum lagi. Saya berucap nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nanti saya boleh sampaikanlah...  
[Ketawa].

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah ini adakah itu kualiti itu lebih penting daripada kuantiti? Apakah cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Pilah?

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Kedua-duanya penting Tuan Yang di-Pertua. Kuantiti dan juga kualiti. Maknanya kalau kita kualiti baik, kekurangan kakitangan pun menimbulkan masalah. Jadi sebab itu, saya cadangkan kalau boleh, pada sesi esok kita ada soalan dia. Teguran daripada Yang Berhormat bagi Johor Bahru ini dia, apa status masa kini, apa tindakan telah diambil? Supaya kita dapat input yang benar-benar berkesan demi pentadbiran sistem penyampaian kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional telah menetapkan bahawa kawasan luar bandar merupakan keutamaan dalam senarai pembangunan dari segi pendidikan, infrastruktur dan aspek sosioekonomi yang lain.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, biaya yang besar telah diperuntukkan menerusi pelbagai kementerian dan agensi. Namun demikian masih ada lagi keluhan dan rungutan orang kampung termasuklah di kawasan saya di Kuala Pilah tentang ketidakseimbangan aktiviti pembangunan. Itu belum lagi soal Wilayah, Sabah, Sarawak dan sebagainya. Walau bagaimanapun ketidakseimbangan ini jelas dilihat dari segi kegiatan ekonomi penduduk luar bandar di kawasan-kawasan terbabit di mana peluang ekonomi dan pekerjaan masih terhad. Untuk menyara hidup di kawasan luar bandar, ada yang memanfaatkan hasil tempatan, sumber ekonomi tempatan. Ada yang duduk di kampung tetapi bekerja di luar ataupun ada juga yang mereka berhijrah terus ke tempat yang lain.

Jadi pola pembangunan yang saya sebutkan di atas tadi telah lama wujud di Malaysia. Saya pasti sejak awal zaman kemerdekaan, itulah antara alternatif yang ada untuk kemajuan kerjaya seseorang individu khususnya di kalangan mereka yang berpendidikan. Sehubungan ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian yang terbabit, apakah ada strategi lain untuk membolehkan kawasan luar bandar ini dimajukan?

Apakah insentif fiskal dan kewangan yang diberikan ketika ini kepada pihak pelabur, pemaju dan pengusaha untuk meneroka peluang membangunkan kawasan luar bandar ini? Apakah insentif tersebut telah dinilai semula bagi membolehkan kawasan luar bandar dimajukan dengan lebih seimbang bagi mengurangkan kesan migrasi ke bandar. Apakah usaha Kementerian Pelajaran untuk menempatkan guru-guru terlatih yang berjiwa besar untuk mendidik anak bangsa di kawasan luar bandar mendapat sambutan? Apakah insentif kewangan dengan pemberian elaun khas kepada guru terlatih berkhidmat di kawasan luar bandar ini merupakan langkah penyelamat atau tindakan proaktif?

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan yuran peperiksaan UPSR, PMR, SPM atau setaraf dengannya serta STPM di semua sekolah kerajaan melalui sesi persekolahan 2007 amat dialu-alukan oleh rakyat. Sejak diumumkan, saya mendapati rakyat cukup berasa lega dan selesa dengan keprihatinan yang ditunjukkan oleh kerajaan. Rakyat yang berkeluarga besar, tidak kiralah berpendapatan rendah, sederhana dan menengah menyifatkan pemansuhan yuran peperiksaan boleh mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh mereka. Langkah proaktif ini saya lihat amat penting dalam mewujudkan satu masyarakat penyayang di negara kita. Dengan pemansuhan yuran peperiksaan ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*. Sikit sahaja.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Minta maaflah ye, saya ada banyak, ada problem..*[Ketawa]*.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Sikit sahaja.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Minta maaf. Lain kali lah. Ada masa... Dengan pemansuhan yuran peperiksaan ini, tiada alasan bagi setiap pelajar yang datang daripada isi rumah atau keluarga yang daif atau miskin bagi meneruskan pengajian masing-masing. Saya melihat usaha ini adalah ke arah mewujudkan masyarakat celik ilmu. Saya amat berharap tiada lagi rakyat Malaysia yang buta ilmu dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Malah Rasulullah S.A.W. bersabda, yang bermaksud, "Sesiapa yang berkehendakkan ilmu, sesiapa yang berkehendakkan dunia, maka dia hendaklah berilmu. Sesiapa yang berkehendakkan akhirat, maka dia hendaklah berilmu. Dan sesiapa yang berkehendakkan kedua-duanya, maka dia hendaklah berilmu".

Jelaslah di sini bahawa penguasaan ilmu adalah satu tuntutan fardhu ain yang wajib dilakukan oleh umat Islam. Dalam hal ini, kerajaan amat menitikberatkan aspek pelajaran dan pendidikan kepada rakyatnya tanpa mengambil kira fahaman politik, agama dan sebagainya. Kesungguhan kerajaan dalam memastikan rakyat mampu menguasai pelbagai ilmu menjadi teras yang perlu ditekankan kerana tanpa ilmu nescaya umat Islam dan rakyat negara ini akan mundur, mudah ditindas dan diperkotak-katikkan oleh orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ini sokong tak sokong? Ini sokong, sokong?

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Bukan, ini jemputlah saya bagi peluang.

■ 1150

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang telah menyebut hadis Rasulullah s.a.w. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi bagaimana boleh membawa satu ungkapan yang begitu mulia daripada Rasulullah s.a.w., "Siapa yang menghendaki dunia dengan ilmu, siapa yang menghendaki akhirat dengan ilmu dan siapa yang menghendaki kedua-duanya sekali dengan ilmu." *[Menyebut dalam bahasa Arab]* Untuk penyempurnaan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat.

Tinggal lagi bagaimana Yang Berhormat, kita dimaklumkan bahawa kerajaan memansuhkan yuran peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), tetapi pada masa yang sama kerajaan masih lagi mengekalkan yuran peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Agama. Jadi, bagaimana kalau kerajaan memansuhkan kedua-duanya sekali, setidaknya-tidaknya bagi menyemarakkan lagi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang hadis Rasulullah s.a.w. sebentar tadi. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Soalan itu sukar bagi saya untuk menjawabnya. Saya serahkan soalan itu untuk pihak kerajaan menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat di negara maju seperti Jerman, Perancis dan Sweden sistem pendidikan mereka berlandaskan kemahiran dan pengkhususan dari peringkat rendah, menengah sehingga universiti. Maknanya pelajar yang meminati bidang kejuruteraan atau muzik sejak berumur tujuh atau lapan tahun mereka berpeluang mengikuti program yang disediakan sejak dari peringkat rendah hingga ke peringkat Ph.D sekalipun.

Jadi, saya melihat sistem pendidikan negara yang berorientasikan pendidikan British perlu diubahsuai dalam menyediakan pelajar yang pakar dalam bidang yang disukai sebelum memulakan kerjaya masing-masing selepas tamat pengajian, bermaksud budaya pakar ini perlu diterapkan dari sekolah lagi. Maksudnya kalau dalam hal muzik dari peringkat awal lagi minat ini telah disuburkan, telah didedahkan sehinggalah mereka sampai kepada peringkat universiti. Budaya pakar ini perlu kita terapkan dalam sistem pendidikan negara kita.

Dalam bidang pendidikan terdapat tujuh hingga sembilan kecerdasan yang boleh dikembangkan. Tetapi jika dilihat dalam sistem pendidikan negara sebahagian besar kecerdasan yang ditumpukan ialah kecerdasan akademik sahaja. Malah banyak lagi kecerdasan-kecerdasan lain yang boleh diterokai seperti kecerdasan *psycho-motor* iaitu berkaitan dengan anggota badan seperti bersukan atau reka cipta ataupun kecerdasan bahasa; menulis, *public speaking* atau pun kecerdasan kreatif dalam soal seni bina, muzik, lukisan dan juga kecerdasan matematik. Jadi, Kementerian Pelajaran mengeksploitasikan setiap kecerdasan itu sudah pasti keciciran pelajaran boleh dikurangkan seminima yang mungkin.

Bagi memastikan wujudnya elemen minda kelas pertama saya juga ingin membangkitkan soal tahap profesionalisme guru itu sendiri. Adakah guru baru yang baru keluar dari maktab perguruan sesuai untuk mengajar atau memegang kelas pelajar tahun satu ataupun hari pertama mereka didedahkan dalam pelajaran secara formal di sekolah? Ataupun patutkah mereka ini diberikan tanggungjawab mengajar subjek tertentu sahaja sebagai permulaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Saya mendapat banyak maklumat bahawa sebahagian besar guru baru ini masih terpinga-pinga bagi mengendalikan murid walaupun sudah menjalani praktikal. Sebagai contohnya, tidak mungkin seseorang lepasan graduan terus menjadi majistret atau hakim sebelum bekerja sebagai peguam untuk beberapa tahun. Atau seorang graduan komunikasi terus menjadi seorang pengarang sebelum bekerja menjadi seorang wartawan. Terutama berlaku dalam pelajar tahun satu di mana guru-guru ini baru ini sudah diberikan tanggungjawab yang besar bagi memegang atau mengendalikan satu kelas tetapi kesudahannya mereka gagal mentadbir 30 hingga 40 murid dalam satu kelas. Tiada pengalaman dan lebih teruk lagi tiada bimbingan dari guru senior atau penolong kanan dan guru besar. Tidakkah Kementerian Pelajaran mempunyai satu prosedur ataupun standard prosedur dan mekanisme untuk membimbing atau memberi garis panduan kepada guru-guru baru ini.

Seperkara lagi saya ingin menyuarakan seperti juga kawan-kawan lain yang menimbulkan soal rancangan dan usaha pihak Kementerian Pelajaran untuk meletakkan Pegawai Tadbir dan Diplomatik di dalam Jabatan Pelajaran. Adakah selama ini para guru gagal dalam menguruskan aspek pentadbiran, kewangan dan pengurusan? Kalau ya, saya mengesyorkan supaya golongan guru-guru yang dilantik ke bahagian pentadbiran, kewangan dan pengurusan diberikan kursus yang berterusan dan mantap terutama dalam pengurusan perbelanjaan dan kewangan. Hasrat ini nampaknya ada mendapat tentangan daripada pihak. Jadi kita mengingatkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya benar-benar berhati-hati dan bersungguh-sungguh untuk hendak meletakkan ini kerana saya takut rasa tidak puas hati ini dipendamkan di dalam kerana golongan guru juga merupakan satu golongan yang majoriti.

Saya takut nanti pendam perasaan tidak puas hati ini disuarakan pada tempat-tempat yang tidak sepatutnya berlaku. Jadi, saya mengingatkan balik rakan-rakan dari Kementerian Pelajaran supaya melihat ini sebagai satu suara kita yang kutip daripada akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah berkenaan dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Perkara yang terakhirlah.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** *Point* yang akhir. Saya patuh arahan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Terima kasih.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Kenaikan taraf akademik Tentera Malaysia menjadi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia merupakan satu lagi usaha terbaik kerajaan bagi meningkatkan pembangunan modal insan. Malah Titah Ucapan Seri Paduka Baginda telah memuji prestasi yang ditunjukkan oleh Angkatan Tentera Malaysia di dalam misi pengaman dan pemerhati di peringkat antarabangsa. Maka itu saya melihat penubuhan universiti berkenaan telah melambangkan sektor pertahanan negara berada di paras kemajuan yang baik. Kewujudan universiti itu dikira tepat pada masanya memandangkan pelajar ATMA mempunyai keupayaan akademik yang setanding dengan pelajar-pelajar IPTA yang lain.

Cuma yang ingin saya bangkitkan ialah sejauh mana dengan permohonan yang diterima terutamanya golongan wanita yang ingin memasuki universiti berkenaan. Saya sentiasa memperjuangkan soal status wanita di Dewan ini, dulu, sekarang dan Insyallah pada masa yang akan datang. *[Tepuk]* Setakat ini berapa ramai terutama wanita yang mengikuti ATMA. Walaupun menyedari untuk memasuki universiti berkenaan bukan setakat pintar sahaja di akademi tetapi ia memerlukan ketahanan fizikal dan mental. Malah kita telah melihat contoh terbaik di dalam Angkatan Tentera Malaysia sendiri yang telah mempunyai Brigedier Jeneral wanita yang pertamanya.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana pengurusan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia peka terhadap soal ini, kemasukan wanita dalam universiti tersebut. Takut nanti adanya ketidakseimbangan yang besar dari aspek pengambilan pelajar. Satu kajian ada menunjukkan bahawa golongan wanita juga pintar dalam menjalankan soal strategis dan taktikal apatah lagi membuat percaturan dalam keadaan kritikal.

Saya mahu sambung lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana menghormati, kerana budi baik Tuan Yang di-Pertua saya sama-samalah menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup baik. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Kalabakan selalu pendek, jadi 10 minit sahajalah.

**11.59 pagi**

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk bersama rakan-rakan membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan pada 19 hari bulan. Saya cuba untuk meringkaskan tajuk-tajuk yang saya ingin dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian memang banyak disuarakan dalam Dewan - kelemahan-kelemahan yang ada. Sistem penyampaian ini mungkin dianggap bahawa ia projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sahaja. Sebenarnya sistem penyampaian ini luas yang merangkumi keseluruhan, semua kementerian. Saya bagi contoh, kelemahan-kelemahan sistem penyampaian yang kita ada. Misalnya permohonan tanah, surat nikah cerai, tawaran kerja atau *works order*, tuntutan elaun dan lain-lain banyak, Tuan Yang di-Pertua, bukan setakat projek-projek yang mega sahaja.

**■ 1200**

Jadi, kita dapati bahawa Yang Amat Berhormat telah menubuhkan dua buah jawatankuasa pemantau. Yang pertama Jawatankuasa *High Powered*, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat dan timbalan pengerusinya ialah Timbalan Perdana Menteri. Jadi, persoalannya sampai mana jawatankuasa ini boleh pergi ke akar umbi, meneliti semua beribu macam masalah yang ada di luar bandar yang ada di bawahan, di *grass root*.

Kedua, ada lagi jawatankuasa yang dipanggil Pemudah. Ini pun mungkin tidak dapat memantau semua projek, semua masalah yang perlu dipantau. Jadi, saya fikir kalau kita lemah dalam sistem kita seperti; permohonan tanah, tawaran kerja, *work order*, dilambat-lambatkan, ini mengakibatkan peluang-peluang untuk mendapat wang sogokan, korupsi. *Work order* ditahan tidak dikeluarkan, sudah mendapat kelulusan daripada atas hingga ke bawah, bawahan tahan maka di sana memanggil supaya pegawai-pegawai tertentu itu menerima wang sogokan.

Jadi, ini mesti dipantau oleh jawatankuasa yang tertinggi ini. Kita ada empat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, satu jaga projek pembangunan, EPU dan lain-lain. Sampai mana Menteri ini boleh pergi sampai ke akar umbi? Apa cara pemantauan yang dibuat? Saya sampai sekarang belum nampak cara-cara pemantauan yang dibuat untuk kita menyampaikan hasrat ini ke bawahan. Saya percaya kalau kita tidak serius, Tuan Yang di-Pertua, kita akan gagal.

Apabila kita gagal, rakyat akan menghukum kita nanti. Jadi, ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Kita minta supaya satu mekanisme lain, bukannya setakat jawatankuasa di atasan. Kita mahu satu mekanisme yang jawatankuasa ini dari bawah, Ahli-ahli Parlimen. Ini kerana sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak mengadu, kepada siapa saya mengadu. Kepada siapa saya mahu mengadu kawasan-kawasan saya yang projek bertahun-tahun tidak dijalankan. Kepada siapa saya mengadu?

Takkan saya ambil telefon, telefon Perdana Menteri atau telefon Timbalan Perdana Menteri. Tentu sekali tidak boleh saya buat. Jadi, kita mahu mungkin ada satu mekanisme, jawatankuasa ini di peringkat Parlimen ada jawatankuasa dan pengerusinya ialah Ahli Parlimen itu sendiri di bawa ke atasan untuk melapur kepada siapa. Kalau sekiranya negeri Sabah, mungkin melapor kepada satu badan yang bertanggungjawab. Kalau ia Kerajaan Persekutuan, mungkin Federal punya peruntukan, mungkin kita mengadu kepada Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah bertindak untuk melaksanakan projek-projek dan lain-lain kelemahan yang kita ada ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, itu sistem penyampaian. Pembangunan luar bandar, kalau kita banding Sabah dengan Semenanjung ia diibaratkan bumi dengan langit dari segi pembangunan luar bandar. Ketinggalan sama sekali di Sabah dan Sarawak. Tidak tahu di Sarawak tetapi saya sebut Sarawak, tetapi yang di Sabah sebenarnya kita ketinggalan. Kita mesti ingat bahawa Sabah ini merdeka tahun 1963, 44 tahun hingga sekarang ini banyak kemudahan-kemudahan belum ada di Sabah. Di luar bandar, kemudahan air, jalan raya, sekolah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya malu. Kalau saya bercerita di sini saya malu kerana kita nampak ada sekolah-sekolah yang keluar di dalam TV, di luar bandar, apabila hujan budak tidak boleh belajar. Ini kerana bangunan sekolah dan bilik darjah mereka bocor. Ini bukan omong-omong kosong. Kementerian Pelajaran sepatutnya ada jawatankuasa pemantau untuk pembangunan di luar bandar. Kita tidak perlu bangunan, sekolah RM30, RM50 juta, tidak perlu. RM5 juta satu sekolah. Yang penting, budak-budak selesa belajar, tidak ada gangguan kalau ada masalah hujan dan lain-lain. Jalan raya ke sekolah, budak-budak sekolah kalau mahu ke sekolah waktu hujan terpaksa gulung seluar, buka kasut, jalan dalam lumpur untuk pergi ke sekolah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita malu, kita merdeka begitu lama, ada perkara-perkara seperti ini masih ada di luar bandar di Sabah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak projek mega, berbilion yang dibuat. Bagi rakyat di luar bandar, mereka tidak perlu dengar projek mega. Bikin apa, dia bukan untung, dia tidak untung. Kenapa mahu projek mega? Yang penting bagi mereka jalan kampung, lampu, air, sekolah dan lain-lain kemudahan asas ini dibagi kepada mereka. Bukannya projek mega.

Kalau kerajaan tidak ada kewangan mungkin kita boleh gunakan wang daripada Tabung Haji, daripada EPF, yang ada berbilion-bilion. Pinjam! Kerajaan pinjam dan buat pembangunan di luar bandar ini. Jangan kita gunakan wang EPF untuk menyelamatkan syarikat-syarikat mega yang besar. *[Disampuk]* Ini ada bukti, wang EPF digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar, wang kerajaan digunakan untuk menyelamatkan MAS.

Orang kampung, Tuan Yang di-Pertua, bikin apa dia dengar ini semua, bukan jadi kebanggaan kepada mereka. Mereka mahu projek-projek yang ada di luar bandar, kemudahan

untuk mereka. Ini penting. Jadi, kita tidak mahu mungkin ada kementerian kata, tahun 2007 Kementerian Pelajaran membelanjakan RM2 ribu juta, RM3 ribu juta. Mana wang ini pergi? Ke mana perginya wang ini? Kita tidak tahu, rakyat pun hairan. Ribu-ribu juga tetapi tidak nampak projek-projek ini dibuat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya kerajaan meneliti semula sistem-sistem yang kita ada untuk memperbaiki keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang lagi mendukacitakan, sewaktu Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri jawab pasal kecurian logam-logam, tiang-tiang telefon dan elektrik, dikatakan akta ini tidak sampai ke Sabah, akta ini tidak sampai ke Sarawak. Bukankah kita satu negara. Janganlah cerita Sabah, Sarawak, satu negara Malaysia merangkumi Sabah dan Sarawak.

Bukan orang kata ini negeri Sabah, ini negeri Sarawak, negara Malaysia yang satu ini patut semua akta penguatkuasaan ini sampai ke Sabah dan Sarawak. Ini kalau kita kata, dia kata ini akta tidak sampai ke Sabah dan Sarawak. Ini memalukan kita. Kalau orang luar, pelawat-pelawat luar dengar, bukankah kami satu negara, kenapa sampai begini. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kita minta semua sistem yang ada sampai ke Sabah dan Sarawak.

Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok banyak kenderaan-kenderaan menggunakan cermin gelap. Cermin gelap yang kita tidak nampak siapa dalam kereta. Kita pergi tinjau tetapi tidak ada penguatkuasaan, mungkin undang-undang yang ada di Semenanjung ini tidak boleh digunakan di Sabah dan Sarawak. Jadi, kita minta supaya sistem yang kita ada ini digunakan untuk keseluruhan, kalau ada sekiranya kenderaan-kenderaan yang menyalahgunakan cermin gelap ini, tarik, bagi amaran. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

Kita mahu supaya satu negara, satu sistem, kita tidak mahu satu negara ada sistem untuk Sabah, ada sistem Sarawak. Kalau kita tidak ubah ini, kita akan ketinggalan, Sabah akan ketinggalan, Sarawak akan ketinggalan.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

■ 1210

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Saya tidak ada masa lagi ini Tuan Yang di-Pertua. Baik, okay lah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, rasa saya Yang Berhormat juga perlu makluman sedikit bahawa di antara negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak ini, mereka juga mempertahankan enakmen negeri masing-masing iaitu mereka kadang-kadang tidak mahu mempersetujui sistem yang cuba di *adopt* daripada Persekutuan. Jadi ini masalah juga. Mungkin Yang Berhormat ingin memberi cadangan kepada kerajaan-kerajaan negeri Sabah dan Sarawak ini supaya menerima pakai sistem seluruh negara. Kalau tidak, inilah bercelaru.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Yang saya cakap ini, sistem ini bukannya rampas tanah. Bukannya rampas tanah Sabah dan rampas tanah Sarawak. Rampas hak Sabah dan rampas hak Sarawak. Tetapi penguatkuasaannya untuk kebaikan bersama yang saya cadangkan ini. Untuk kebaikan bersama.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Dalam menceritakan sistem pentadbiran, sama ada dari segi perundangan dan dari segi perkhidmatan awam di negara ini, kita ini dipandu dengan Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan-perlembagaan negeri. Negeri Sabah ada perlembagaannya dan negeri Sarawak ada perlembagaannya.

Oleh sebab itu, ada perkara-perkara yang terdapat di negeri Sabah tetapi tidak terdapat di negeri-negeri lain. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya untuk memperhalus sistem penyampaian kerajaan, jentera pentadbiran ini harus diadakan kajian dari masa ke semasa, pertemuan-pertemuan di antara negeri dan persekutuan supaya perkara-perkara yang seperti ini dapat diperhalusi, itu satu.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam pembentukan Malaysia dahulu, Sabah dan Sarawak ini telah diberikan satu keistimewaan iaitu kita mempunyai sistem Kabinet di Sabah dan Sarawak. Sistem Kabinet ini sehingga pada hari ini, selagi sistem Perlembagaan Negeri Sabah dan Perlembagaan Negeri Sarawak itu ada di situ, ia akan berterusan. Di sinilah barangkali letaknya kadang-kadang terdapat percanggahan dari segi kepentingan negeri dan persekutuan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya katakan tadi, yang mana hak tidak boleh diganggu, kita tidak ganggu. Tetapi kebaikan yang kita mahu, yang ada undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di Sabah, kita mengalu-alukan dan juga sepertimana kata Yang Berhormat bagi Tuaran, kita mempunyai sistem Kabinet Persekutuan, Kabinet Sarawak, Kabinet Sabah, bukankah kita muafakat di antara satu sama lain? Muafakat, apa perkara yang patut kita muafatkan, kita muafakat supaya cara kita untuk mengimplementasikan projek pembangunan dapat sampai di bawah. Ini Tuan Yang di-Pertua ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Ya. Misalan projek JKR, peruntukan datang daripada JKR pusat. Sampai di Sabah, projek kewangan semua sudah dibagi kelulusan, tetapi tidak dimulakan kerja, jadi apa macam? Siapa punya kuasa ini untuk mengatakan projek ini harus dijalankan? Tentu sekali bila datang peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan yang berhak mengatakan projek ini mesti

dijalankan dalam masa terdekat. Kita tidak boleh biarkan JKR negeri untuk sendiri menentukan bila projek ini mahu dibuat. Inilah cara-cara yang saya ingin cadangkan. Kalau peruntukannya datang daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuanlah yang memantau. Mereka mesti pantau, bila dibagi kelulusan dan berapa lama. Ini kadang kala ada setahun projek sudah lulus, tidak dijalankan projek ini. Jadi ini bermasalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati masa. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### **12.14 tgh.**

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang bercakap dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Negara kini sedang memasuki fasa Rancangan Malaysia Kesembilan di samping pelaksanaan Pelan Induk Industri Ketiga (PII-3). Kita mengakui betapa pentingnya kedua-dua perancangan ini dalam memastikan penjana pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Namun begitu adalah menjadi keperluan supaya perancangan seumpama ini bukan hanya sekadar slogan atau retorik politik semata-mata bahkan perlu dilaksanakan dan direalisasikan dalam konteks yang sebenar. Bagi mencapai hasrat tersebut, disyorkan Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dan PII3 ini mengambil kira penglibatan pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan, pimpinan pembangkang, golongan korporat, ahli akademik dan sebagainya bagi tujuan menilai sejauh mana tahap kejayaan rancangan ini.

Tindakan sedemikian adalah penting kerana kepercayaan kepada sistem pemantauan projek-projek dan perbelanjaan yang tinggi telah merosot. Pada masa ini, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) didakwa terlibat dalam rasuah. Ini merupakan suatu dakwaan yang serius. Walaupun kita masih menunggu hasil dari siasatan pihak polis, pada pandangan rakyat sepatutnya Ketua Pengarah BPR seorang yang dengan izin, *above all whispers of suspicion* dengan sifat-sifat ketelusan, kejujuran dan bebas dari skandal.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang amat mengecewakan sehingga hari ini pihak kerajaan tidak berani mengambil tindakan yang tegas seperti meminta Ketua Pengarah BPR mengambil cuti sehingga siasatan polis selesai. Tindakan sebegini adalah satu tindakan di negara-negara maju seperti di Korea Selatan, Hong Kong dan India. Saya menyeru kepada kerajaan untuk bersifat lebih tegas dan serius menangani masalah rasuah. Jika kita meneliti kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Korupsi, negara kita yang akan meraikan kemerdekaan yang ke-50 pada tahun ini semakin merudum daripada kedudukan ke-39 pada tahun 2005 kepada kedudukan ke-44 pada tahun lepas.

Usaha menghapuskan rasuah, penyelewengan dan mengembalikan integriti perlu disegerakan dengan langkah yang lebih serius termasuklah mendakwa pimpinan tertinggi dan beberapa pegawai BPR sendiri yang terlibat serta telah terbukti kesalahannya. Oleh itu adalah dicadangkan supaya Badan Pencegah Rasuah diletakkan di bawah kuasa Parlimen dan bersifat bebas, telus dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dana rakyat – suatu yang membimbangkan adalah keputusan pembelian kumpulan perbankan RHB dengan izin, oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini merupakan satu keputusan yang menimbulkan perasaan bimbang kerana KWSP merupakan dana persaraan untuk sembilan juta pekerja dan harus dilabur secara bijak, konservatif, berisiko minimum dan cermat.

Pembelian RHB oleh KWSP baru-baru ini kelihatan pengalihan peranan asal KSWP sebagai pengurus dana rakyat yang seharusnya memastikan pulangan kepada ahli-ahlinya dalam jangka masa panjang kira-kira 25 hingga 30 tahun. Pelaburan jangka masa panjang biasanya tidak terbuka kepada risiko yang tinggi walaupun pulangannya sederhana tetapi tetap dan dijamin.

Semasa tempoh awal penubuhan KWSP sekitar tahun 50an, KWSP telah ditetapkan untuk melabur 70% asetnya dalam sekuriti atau bon kerajaan. Pada 80an, bon kerajaan berkurangan apabila dasar penswastaan diperkenalkan dan ini menyebabkan KWSP terpaksa mengalihkan pelaburannya ke dalam ekuiti tetapi masih bersifat seperti pelabur yang pasif.

Namun sejak tahun 90an pelaburan KWSP dalam bon kerajaan telah berkurangan kepada 30% manakala pelaburan ekuiti telah meningkat dari 2% pada tahun 1990 kepada 19% pada tahun 2005. Sebagai sebuah pengurus dana yang normal adalah tidak wajar untuk KWSP memiliki lebih daripada 10% dalam pelaburan ekuiti. Lebih penting bagi KWSP adalah untuk mengekalkan fungsinya semata-mata melabur dan bukannya dalam pengurusan mana-mana syarikat terutamanya di dalam sebuah bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan Ahli Dewan Rakyat bahawa pelaburan KWSP dalam *Malaysia Building Society Berhad (MBSB)* telah mengakibatkan kerugian yang teruk.

■ 1220

Hari ini MBSM merupakan syarikat yang memegang rekod *non-performing loan* yang teruk dalam sektor perbankan iaitu setinggi 62% pada tahun 2002. Dalam tahun 2005 pula ia mencapai tahap 34% pula walaupun purata sektor ini hanya 4%. Jika Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Azlan Zainol sendiri telah mengakui bahawa KWSP tidak mempunyai kepakaran dalam industri perbankan. Mengapa KWSP terdesak untuk membeli 75% kepentingan RHB yang jelas menanggung hutang sebanyak RM3.4 bilion pada bulan Ogos 2006. Akhirnya rakyat yang menanggung beban hutang yang begitu besar. KWSP seharusnya mencontohi prinsip dan cara pelaburan *Warren Edward Buffett* seorang pelabur berjaya dan orang kedua paling

kaya di dalam dunia. Pendekatan *Buffett* ialah melabur dalam *security* bernilai rendah yang menjamin pulangan dan tidak campur tangan dalam pengurusan syarikat. Ini membolehkan KWSP melakukan penjualan atau penukaran ekuiti tanpa sebarang ikatan.

Oleh yang sedemikian, saya menyeru pembentukan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk mengkaji semula keputusan KWSP di mana rakyat dan pakar-pakar pelaburan dan perbankan boleh memberi pandangan dan nasihat atas tindakan KWSP. Sebuah jawatankuasa merupakan mekanisme yang paling sesuai kerana KWSP merupakan hak milik rakyat dan bukan kerajaan atau swasta. Ini merupakan wang saraan kita, termasuk Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini dan rakyat harus diberi peluang dan ruang untuk menukar pelaburan yang berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, iltizam yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda dalam membasmi kemiskinan patut dan perlu dilihat sebagai satu saranan yang wajar diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Usaha yang berterusan dan berkesan perlu diambil di samping memastikan tiada wujudnya ruang ketirisan dan keterobosan sumber dalam menangani perkara ini. Kerajaan wajar mempertimbangkan dan mengkaji kegagalan dan kelemahan dasar-dasar yang dijalankan sebelum ini dalam usaha membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang antara kaum dan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Pendidikan diiktiraf sebagai suatu alat pengukur oleh negara-negara membangun untuk membasmi kemiskinan dan juga ia merupakan satu alat yang efektif untuk mengurangkan jurang antara kaum, *gender* dan *class*. Oleh yang demikian pendidikan merupakan salah satu faktor utama bagi menimba ilmu. Menjana minda kritikal menyediakan sumber manusia untuk pembangunan negara dan menjamin masa depan yang lebih baik untuk generasi yang akan datang. Tetapi malangnya, keadaan sistem pendidikan dan mutu pendidikan negara kita semakin merosot. Ini berlaku di peringkat universiti dan juga di peringkat persekolahan. Walaupun keputusan SPM menunjukkan lebih banyak penuntut mencapai berbelas-belas A1, A2, namun ramai yang masih tidak boleh menulis, membaca dan mengira. Tidak dinafikan kerajaan dan Kementerian Pendidikan menyedari hal ini.

Justeru itu Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Sri Hishammuddin telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan (PIPP). Pelan ini mempunyai lima tujuan. Antaranya merapatkan jurang, membentuk perpaduan dan mencemerlangkan sekolah kebangsaan. Kementerian mengakui jurang etnik semakin lebar mengikut jenis sekolah. Cuma 7% bukan Melayu di sekolah kebangsaan dan hanya 7% Melayu di sekolah jenis kebangsaan. Banyak cadangan dibuat untuk merapatkan hubungan antara kaum antaranya mempelajari bahasa dan merayakan sambutan hari Kebangsaan.

Hari ini saya terbaca dalam surat khabar *The Star* mengatakan bahawa integrasi antara kaum tidaklah wujud dengan baiknya. 52% sahaja antara satu kajian yang dibuat oleh Prof John Arul Phillips daripada Universiti Malaya mempunyai rakan yang bukan sesama kaum. Ini

adalah satu kajian antara 4,400 pelajar-pelajar di Tingkatan 4 di seluruh negara. Dalam segi pengetahuan pula, kalau dikata pengetahuan am 58.4% sahaja budak-budak Tingkatan 4 ini mengetahui bahawa Parlimen mengandungi Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Hanya 23.3% sahaja mengetahui bahawa Perdana Menteri Singapura ialah Lee Hsien Loong. 43.3% mengetahui bahawa Bill Gates ialah *President Microsoft* dan 81% kenal bahawa Manchester United iaitu ialah Kelab Sukan *Football England*. Jadi nampak gayanya ramai yang tahu fasal bola daripada mengetahui lain-lain perkara yang boleh menolong dalam ilmu. Ilmu bola pun okey juga tetapi janganlah hanya kita tahu ilmu itu sahaja.

Dalam penelitian ini juga, 8.8% biasa mengambil dadah. 16.6% - merokok. Jadi saya hendak tanya, apa sudah jadi dengan Kempen Tak Nak? Satunya memang bahasanya kita tidak kata tak nak tapi memang sudah buat kempen seluruh negara. Apa sudah jadi? Kalau tingkatan 4, budak-budak tingkatan 4, 16.6% menghisap rokok. 10.7% - tidak pernah bersarapan pagi, 8%, kalau kita hendakkan celik komputer antara anak-anak kita yang muda yang generasi yang akan 8% tidak pernah memegang atau menggunakan komputer.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan di sini kita hendak buat *cluster school* dengan izin apa-apa pun mesti mengambil kira bahawa yang telah diperlakukan selama ini, menilai semula dan membuat satu rancangan yang fokus dan menandatangani masalah yang timbul. Pendidikan diiktiraf, minta maaf, mereka mengakui juga tentang jurang di antara sekolah-sekolah yang lebar masih terdapat sekolah yang usang. Tidak ada peralatan pembelajaran yang lengkap, kurang guru terlatih, tidak mempunyai bekalan elektrik dan air paip. Di Sarawak, saya biasa lalu dan dikatakan bahawa satu sekolah begitu cantik dan kemas tetapi tiada air, tiada bekalan air. Bagaimanalah budak-budak itu hendak istinja pun susah. Ramai penuntut terpaksa berjalan kaki jauh ke sekolah dan tidak mempunyai makanan yang cukup serta berzat. Kita tidak seharusnya lebih prihatin apabila pihak pendidikan sekolah jenis kebangsaan melaporkan kepada Perdana Menteri dan di Dewan yang mulia ini mengenai keadaan di sekolah-sekolah tersebut. Namun tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan tidak memuaskan. Bukankah bantuan kerajaan diutamakan dan diarahkan kepada sekolah-sekolah yang berada di kawasan-kawasan mundur supaya pendidikan anak-anak tidak akan terjejas.

Untuk mengatasi kemerosotan mutu pendidikan dan memacu kecemerlangan sekolah, supaya mencapai taraf dunia, *world class* dengan izin. Kementerian akan memperkenalkan sekolah *cluster*. Sekolah *cluster* diberikan autonomi. Saya ingat *cluster* ini bahasa, bahasa apa ya? Saya tidak pernah dengar. Itu *cluster* bahasa orang putihkan? Adakah bahasa yang boleh diguna dalam bahasa kebangsaan kita? Sekolah *cluster* diberi autonomi dalam hal-hal seperti pengutipan dana, pemilihan dan latihan guru-guru, cara mengadakan penilaian serta peperiksaan dan lain-lain. Sebenarnya masalah jurang sosial ekonomi bertambah lebar dan polarisasi kaum yang semakin ketara dalam masyarakat tidak dapat diselesaikan dengan

perubahan pendidikan sahaja walaupun dengan PIPP. Masalah ini adalah akibat daripada dasar dan pelaksanaan dasar kerajaan sendiri yang terbiar untuk tempoh yang terlalu lama.

Dasar ekonomi kerajaan sebenarnya membenarkan bahkan menggalakkan pemusatan kekayaan di tangan orang yang teristimewa sahaja. Melalui kronisme dan rasuah yang masih meluas. Kalau Ketua Pengarah sendiri ACA pun terdapat rasuah, apalah agak yang lain?

■ 1230

Begitu juga dasar politik yang masih bercorak perkauman dari segi anggota dan dasar. Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja lagi satu. Jadi sesuailah ditegaskan di sini bahawa selain dari mengambil tindakan melalui sistem pendidikan, kita memerlukan perubahan besar dari segi sistem serta dasar ekonomi dan politik yang benar-benar tulen supaya masalah jurang, sosioekonomi yang lebar, dan polarisasi kaum yang serius dapat diatasi. Yang diperlukan oleh sesebuah negara bukan sekolah kluster, tetapi lebih banyak sekolah berasrama yang boleh menampung pelajar-pelajar berlatarbelakangkan keluarga dari kawasan miskin, berpendapatan rendah mahupun berpendapatan sederhana.

Justeru itu, jika tidak dilaksanakan dan diuruskan dengan adil, sekolah kluster boleh menimbulkan masalah kaum. Sekiranya hampir semua guru besar, guru-guru dan penuntut yang dipilih terlalu menumpu kepada satu kaum tertentu, sudah tentu akan timbul pelbagai kegelisahan dan rasa tidak puas hati. Oleh yang demikian, kami mencadangkan supaya guru besar, guru-guru dan penuntut di sekolah kluster hendaklah dipilih dengan mencerminkan komposisi bilangan kaum negara kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana guru besar sekolah kluster mempunyai kuasa dan autonomi yang luas, maka tanpa pengawasan yang rapi bermacam-macam masalah lain boleh timbul. Antaranya korupsi, pembaziran, salah pengurusan dan sebagainya. Kami mencadangkan mesti ada mekanisme yang ketat serta tegas untuk mengawal daripada berlakunya segala masalah dan tindakan yang cepat serta berkesan yang boleh diambil kepada sesiapa yang melakukannya. Tetapi satu *observation* dengan izin, kalaulah sekolah-sekolah kluster ini nampak gayanya berautonomi lebih daripada sesetengah universiti. Itulah sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**12.32 tgh.**

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Yang Dipertuan Seri Paduka Baginda Agong. Satu perkara yang ingin saya sentuh tentang bil air.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu perkara sahajalah Yang Berhormat ya?

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Yang dihadapi oleh penduduk yang tinggal di kawasan *apartment*. Masalah yang timbul ialah bayaran bil air bagi penduduk *apartment* adalah bayar terus kepada pemaju di mana mereka dikenakan kos bayaran yang lebih tinggi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya bayaran bil air ditentukan oleh pemaju ialah satu meter padu, RM1.23 oleh pemaju. Tetapi SAJ hanya tetapkan RM1.18 sahaja yang dibandingkan bayaran air di kediaman rumah teres hanya RM0.60 sahaja. Mengikut penjelasan pemaju mengenakan bayaran yang tinggi kerana pemaju hendak menyediakan air tangki dan pekerja khas untuk menjalankan penjagaan ataupun pemulihan. Walau bagaimanapun, mengenakan bayaran yang lebih tinggi hampir satu kali ganda adalah satu dasar yang tidak patut. Saya juga dimaklumkan sekiranya kerosakan meter air berlaku, mereka akan dikenakan bayaran sebanyak RM150. Pihak SAJ menyerahkan tugas mereka kepada pemaju untuk kutipan bayaran bil air. Ini adalah tidak adil kepada penduduk kerana bayaran yang dikenakan adalah tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua penduduk yang tinggal di *apartment* berasal daripada keluarga kaya. Terdapat banyak adalah daripada golongan bawahan yang bergaji sederhana. Mereka telah membuat bayaran *maintenance* yang agak tinggi setiap bulan. Dasar ini telah menambah beban kepada mereka. SAJ seharusnya tidak menyerahkan tugas ini kepada pemaju berbanding dengan Tenaga Nasional Berhad, mereka menggunakan bayaran yang sama dengan penduduk di rumah teres. Saya berharap pihak SAJ mengambil balik tugas ini lalu mengenakan bayaran air yang berpatutan. Dan saya ingin menyeru pihak kementerian supaya mencari pendekatan untuk mengatasi masalah ini supaya hak penduduk *apartment* terjamin.

Perkara kedua tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk dari rumah pangsa kawasan Skudai, Johor. Rumah pangsa yang ada di kawasan Skudai telah mempunyai sejarah selama 20 tahun. Penduduk telah mendirikan sebuah Jawatankuasa Pengurusan yang bertanggungjawab mengutip yuran pengurusan untuk tujuan menjaga keindahan dan kebersihan rumah-rumah pangsa. Kita faham peranan yang ada dalam sesebuah jawatankuasa mengenai kuasanya. Dan satu peruntukan mengenai kuasa dan tindakan boleh diambil kepada mereka yang enggan membayar yuran pengurusan telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun lalu.

Soalan saya ialah sekiranya rumah pangsa tiada pertubuhan Jawatankuasa Pengurusan, siapakah yang bertanggungjawab untuk menubuhkan jawatankuasa ini? Dan jika penduduk bersikap degil dan tidak mahu membayar yuran, siapakah yang bertanggungjawab untuk mengejar dan meminta yuran daripada mereka? Saya berharap pihak kementerian dapat memandang serius terhadap perkara ini dan memberikan balasan tentang soalan yang saya kemukakan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat sudah habis Yang Berhormat.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Belum lagi, sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi saya ingin bangkitkan tentang masalah pemberian nafkah hidup suami kepada isteri selepas perceraian dijalankan. Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang wanita, saya memahami bahawa sekiranya perceraian berlaku, golongan wanita yang akan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah Yang Berhormat bererti lelaki tidak faham masalah wanita?

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Memang mereka tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan sangkaan jahat terhadap saya kalau kata demikian.

*[Dewan ketawa]*

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Kalau tidak, saya tidak akan bangkitkan banyak-banyak kali di Dewan yang mulia ini. Satu perkara ialah mengenai selepas perceraian berlaku, golongan wanita akan mengalami penderitaan dan kesusahan terutamanya dari segi meneruskan kehidupan. Kebanyakan suami tidak mahu menunaikan perjanjian pemberian nafkah kepada isterinya selepas perceraian. Sebahagian mereka hanya memberi perbelanjaan kehidupan pada bulan pertama atau kedua sahaja.

Masalah kewangan merupakan masalah yang utama dihadapi oleh ibu tunggal. Sebahagian besar mereka kerja di sektor tidak formal, menjadi buruh atau bekerja kilang. Keadaan ini lebih buruk apabila bekas suami tidak memberi nafkah hidup. Hal-hal perundangan, proses penghakiman dan penguatkuasaan keputusan-keputusan mahkamah mengenai memberi nafkah harta sepencarian, jagaan anak-anak dan lain-lain merupakan aspek yang banyak kali telah dibangkitkan. Kebanyakan suami enggan melaksanakan keputusan mahkamah dan ini menyebabkan kebanyakan ibu tunggal mengalami kesusahan.

■ 1240

Dalam keadaan ini, pihak wanita tersebut terpaksa membuat tuntutan daripada bantuan peguam untuk mendapat balik nafkah yang sepatutnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau tidak mampu bayar, jangan cerailah. *[Ketawa] [Disampuk]* Ya, jangan cerai, tidak mampu bayar.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Anak dia macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Pandangan dari Speaker macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Ha, siapa hendak jaga anak itu? Tuan Yang di-Pertua, mengikut prosedur kes tuntutan perkara ini memakan masa yang panjang untuk menunggu keputusan daripada mahkamah. Kadangkala ini memakan masa selama tiga hingga empat tahun untuk menunggu kes dibicarakan.

Saya amat berharap pihak berkuasa dapat mengubah akta atau undang-undang mengenai hak pemberi nafkah harta supaya perkara ini dapat dipertingkatkan, diperkukuhkan serta dikuatkuasakan demi kepentingan keluarga ibu tunggal dapat dijamin. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan pihak kementerian supaya mengubah akta atau undang-undang mengenai hal ehwal pemberian nafkah harta sekiranya pihak suami tidak menunaikan perjanjian memberi nafkah dalam tempoh yang ditetapkan, mereka akan dijatuhkan hukuman terus tanpa melalui prosedur yang terlalu rumit dan lama. Perkara ini haruslah dipertingkatkan serta dikuatkuasakan demi kepentingan keluarga ibu tunggal dapat dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu bukan semua wanita yang bekerja di luar sahaja dianggapkan memberi jasa khidmat kepada negara, suri rumah tangga juga berperanan penting kerana mereka memainkan peranan dalam mengasuh dan mendidik anak Malaysia di mana mereka akan menjadi pemimpin pada masa yang akan datang. Oleh itu saya ingin juga mengambil peluang ini untuk mencadangkan bahawa suami adalah berhak membuka akaun KWSP iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk isterinya serta memindahkan sebahagian yang diberi oleh majikan ke dalam akaun isterinya. Biasanya majikan akan mengeluarkan sebanyak 11% daripada gaji pekerja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** ...untuk disimpan dalam KWSP.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, yang berkahwin lebih daripada satu isteri, kena lebih akaunlah.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Ha, tidak apalah. *[Ketawa]* Apa salahnya kalau itu *legal*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading kena buka lebih daripada satu.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Ha, buka dua akaun. *[Ketawa]* Ya. Dia tidak ada ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah, cukuplah.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Okey, sedikit lagi ya, sedikit lagi. Sekiranya mereka dapat membahagikan sebahagian daripada wang kepada golongan wanita yang tidak bekerja, saya percaya kepentingan golongan wanita tersebut terjamin. Saya harap pihak

kementerian dapat menimbangkan cadangan saya atau mencadangkan cara yang lain untuk meningkatkan kepentingan kaum wanita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat bagi Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehkah saya minta Yang Berhormat bagi Sri Gading balik ke tempat dia? *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak apa dia duduk sini, kawan. Sini panas sedikit, dia sejuk di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Langgar Peraturan Mesyuarat. *[Ketawa]*

**12.44 tgh.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Bintulu menyokong penuh Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam sesi pembukaan Dewan tempoh hari yang menekankan usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa serta meningkatkan integriti setiap masa sentiasa diperkuatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mahu soal beberapa perkara yang penting dan haraplah kementerian-kementerian boleh ambil perhatian dan dapat diambil tindakan. Di sini saya mahu sentuh satu isu mengenai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Penubuhan Telekom adalah untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi ke seluruh pelosok kawasan rakyat negara ini dan haruslah mempunyai kemudahan telekomunikasi terbaik di negara kita, moden dan canggih serta berteknologi tertinggi.

Pada tahun 1984 iaitu lebih kurang 20 tahun yang lalu, Telekom telah dikorporatkan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya di dalam sistem moden kemudahan telekomunikasi seperti penggunaan teknologi maklumat ICT, *Multimedia Super Corridor*, penggunaan komputer dan *internet* di sekolah-sekolah dan juga meluaskan perkhidmatan telekomunikasi di luar bandar.

Tetapi saya di sini ingin menyentuh sampai hari ini apa Telekom sudah buat untuk kawasan pedalaman di Sarawak dan Sabah. Apa yang sudah dibuat? Saya mahu tanya, contoh di Bintulu ini, kita mahu tahu perkhidmatan *Streamyx* sampai mana? Dari bandar sampai ke mana? Berapa kilometer dari bandar ada *Streamyx*? Berkali-kali saya tanya Telekom, dia kata peruntukan tiada. Tetapi saya nampak Telekom boleh ada bilion-bilion ataupun *multi* bilion beli bangunan di seluruh negara kita.

Sekarang saya mahu tanya Telekom dia meniaga apa? Telekomunikasi ke ataupun sekarang sudah meniaga *property*? Saya di sini mahu bertanya Telekom melalui kementerian,

silalah tolong jawab, berapa bangunan yang Telekom ada di seluruh negara kita? Berapa yang kita guna sendiri? Berapa yang kita bagi sewa? Berapa yang belum disewa?

**Beberapa Ahli:** Jawab, jawab.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya haraplah sampai masa itu menteri jawab ianya atas main angin sahaja. Ini perkara yang serius. Rakyat di luar bandar itu sudah cukup marah. Hari-hari kita cerita ICT, cerita teknologi, berkali-kali saya turun ke kawasan pedalaman, rakyat tanya sama saya, "Dato', Yang Berhormat, ini telefon daripada Telekom memang kita nampak seronok, cantik, tidak payah pakai wayar tetapi kita mahu guna telefon macam ini, mana ada *line*? Mana? Lari sini, lari sana. [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak boleh pakai.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Rakyat kata ini hendak buat senang hati, buat seronok untuk rakyat, kasi tutup mulut rakyat. Mana punya teknologi kata ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tipu rakyat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya haraplah Telekom ambillah perkara ini dengan serius.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Pasal Telekom, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seharusnya sebagai seorang wakil rakyat, kita mesti tinggal di dalam kawasan. Rumah saya di kampung, 50 kilometer dari bandar raya Kuching. 50 kilometer bukan jauh itu, 45 minit sudah sampai rumah di kampung. Saya tidak tinggal di kampung sebab tidak ada *fixed line telephone* sebab kita ini menggunakan komputer setiap masa. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat supaya Telekom menyambung telefon di kawasan yang sangat dekat, di Kuching, tidak ada telefon ini termasuk di rumah saya di Padawan?

**Seorang Ahli:** Lulus, lulus.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Minta pandangan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itulah saya harap Telekom ambil serius perkara ini, ambil tindakan terus. Janganlah pura-pura cakap sama satu dunia, kita ada teknologi yang hebat, *codeless phone* tetapi dalam masa perkhidmatan langsung tidak boleh diguna.

■ 1250

Mahu pakai *internet* tidak boleh, memang daripada apa Yang Berhormat bagi Mambong sebut, memang betul. Kalau saya punya kawasan, taman-taman memang banyak masalah. Ramai rakyat yang tinggal di sana marah. Apa punya *cordless phone*, mahu guna *internet* tidak boleh. Telekom ini janganlah...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jangan bisinglah, nanti dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Telekom, Telekom, tentang Telekom. Yang Berhormat bagi Mambong, tidak payah kata, tempat 50 kilometer dari Bandar Kuching dalam Bandar Kuching sendiri, dalam Bandar Kuching sendiri *housing estate* yang baru, kalau mahu pohon sambung telefon mesti bayar Telekom. Mengenakan *charge commitment fee* RM1000 lebih satu pintu. Saya ada dapat jawapan daripada Menteri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** .. yang maksimum RM300 *only*, kenapa ada percanggahan sebegitu?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, saya pun hendak sebut perkara yang sama. Kita tahu masalah ini. Itulah yang saya kata tadi, Telekom harus mengambil perhatian apa yang kita persoalkan dalam Dewan yang mulia ini. Janganlah masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Ataupun saya harap pegawai-pegawai jangan tidur. Perkara ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara kedua?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belum lagi habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah dekat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Janganlah, baru lima minit. Satu lagi masalahnya ialah, Telekom sekarang sudah jadi macam bank, semua hendak *charge*. Orang tidak minta mesej servis, Telekom automatik masuk. Kalau masuk servis, satu berapa sen kena *charge*, pasal apa kita kena bagi? Tanyalah pengguna sama ada dia mahu atau tidak. *Messaging service*, kalau kita tidak mahu, tidak usahlah. Janganlah automatik semua, orang-orang kampung terima bil telefon, mereka terkejut. Kenapa saya kena *charge* macam-macam? Negara kita sekarang sudah tidak payah hendak berniagaakah? Semua hendak *charge* sahajakah?

Saya berharap dalam perkara ini, Telekom boleh mengurangkan *investment* atas sektor *properties*. Janganlah sekali-kali kita membuat pelaburan atas *property*, kalau kita sudah kerugian, lusa bagi tahu hendak naikkan bil Telekom lagi. Rakyat lagi kena.

So, perkara kedua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Ini atas masalah polis. Kita memang senang hati kerana Polis telah sambut ulang tahun yang ke-200, tetapi rakyat merasakan masih lagi banyak kelemahan dan perubahan diperlukan terutama di dalam pengalaman, disiplin, sikap, dan lain-lain. Contohnya pasukan polis di atas siasatan CID *Department*, ada yang langsung tidak mempunyai pengalaman. Kadang-kadang apabila rakyat pergi lapor, dia tanya balik kepada rakyat, "Mana satu akta saya mahu *charge*?"

Beg orang kena rompak, dia kata “Orang yang merompak itu sudah lari, apa guna *you* lapor?” Tindakan apa lagi saya kena ambil? Adakah polis yang begitu bodoh? Sebab itulah saya hendak bertanya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, macam mana kita boleh ambil masuk kakitangan yang sebegini? Polis kita sekarang, kualiti tidak ada. IGP kita sekarang, seorang yang baik, dia menjalankan tugas dengan baik, rajin, telus. Tetapi saya tidak nampak apa-apa perubahan pada kakitangan bawahan. Walaupun dia kata orang-orang politik tidak boleh campur tangan, tetapi itu saya memang tidak bersetuju. Kita mesti tengok perkara apa yang boleh campur tangan dan sebaliknya. Kalau pihak polis tidak menjalankan tugas, dan orang politik tidak boleh campur tangan, maka siapa yang harus bertindak? Memang kita sebagai orang politik, kita dilantik oleh rakyat, kita mesti berkuasa *check and balance*.

**Beberapa Ahli:** Sokong... betul...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita mahu tolong rakyat menyelesaikan masalah. Bukannya apabila rakyat pergi melaporkan kepada polis, buat laporan, setengah jam, tiga jam, sudah lima jam pun kes itu masih tidak dapat diselesaikan. Habis ambil laporan. Semalam di kawasan saya, baru berlaku, saya pergi lapor pada pukul 11.00, sampai pukul 7.00 malam, Polis Inspektor, baru empat bulan, belum *confirm* lagi. Rakyat kompelin saya telefon, “Inspektor ‘Wan’ apa masalah kita?” Dia jawab, “Apa you bising, saya banyak kerja, tunggulah”. Macam inikah perangai polis? Macam mana orang ini boleh jadi inspektor?

Ini naik pangkat, ini bahagian memang ada kongkalikungkah di sana? Contoh lagi satu, macam Inspektor ini, dari *Chief Inspector* ‘Mohd Fadir Adun Bin Abdullah’ boleh naik pangkat ASP, ‘Danish Munia’ dinaikkan pangkat *Chief Inspector* dan *Chief Inspector* ‘Udi’ dinaikkan ASP. Pegawai-pegawai inilah di seluruh Sibu, seluruh rakyat tahu mereka ini adalah kawan baik. Kongkalikung dengan ahli kongsi gelap. Tetapi mereka boleh naik pangkat, sepuluh kali saya buat laporan, sepuluh kali tidak ambil tindakan. Apa masalah dia? Saya memohon kepada IGP supaya mengambil tindakan yang serius, sampai kita di Sibu boleh terima bom mortar, sampai pun cakap tidak ada “*no life threatening, no problem*”. Kenapa tidak *charge*? Bom mortar ini dari mana? Bukan Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bagi Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah Yang Berhormat Yang Berhormat cakap...

[Ketawa]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bom mortar itu boleh... runtuh bangunan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .. Yang Berhormat cakap baik-baik.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya hendak bertanya kepada kementerian, tindakan apa yang telah diambil? Saya hendak bertanya kepada *Inspector General of Police* (IGP) kita, apakah tindakan yang telah diambil. Saya nampak *Commissioner of Police* di Sarawak, beliau mengambil ringan terhadap perkara ini. Saya difahamkan *Commissioner of*

*Police* di Sarawak *background* dia pun tidak baik. Dia kena buang kerja dan dihantar ke sana. Jangan jadikan Sarawak sebagai mangsa. Kalau tidak bagus, kita buang kerja teruslah. Saya memohon di Dewan yang mulia ini, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan IGP kita mengambil perhatian dan menukarkan *Commissioner of Police* di Sarawak serta-merta. Maka IGP tahulah, rakyat cukup marah, Sibu yang serius. Pasal apa saya menyoalkan ini, saya sebagai parti yang menjaga Sibu. Hormatnya rakyat disampaikan semua masalah di Sibu, mereka *control* habis. Satu tong gas naik RM2, sebiji telur naik RM0.20. Siapa mahu berniaga? Memanglah telur betul, bukan *you* punya telur. *[Ketawa]*

Sekarang bos dia kena tangkap, semua sudah turun harga. Kita sebagai polis boleh jelaskan kepada rakyat, kenapa dahulu polis semua tidak tahu, mana perginya *special branch*? Tidurkah? Macam mana kita tahu? Benda ini bukannya berlaku sekarang, tetapi sudah beberapa tahun benda ini berlaku. Tidak ambil tindakan, kongkalikung semua pegawai ini. Duduk dan minum bersama-sama, pergi kelab, pergi disko, pergi pub, bersama-sama dengan gengster. Inilah kerja mereka, memang betul. Rakyat jadi mangsa. Berapa kali rakyat Sibu rumah dibom dan dibakar? Mana polis siasatan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada lagi?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, lepas tengah hari baru masuk sambung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 ptg.***

■ 1430

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat bagi Bintulu untuk menyambung ucapan beliau, saya minta Yang Berhormat Menteri kerana ada usul.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.32 ptg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 2 April 2007”.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat faham tak apa pasal kita punya mesyuarat kena ditangguhkan? Kerana ramai hendak berucap.**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh tambah panjang sikitlah?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya mahu menyambung isu polis. Mengenai ini...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]***Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belum *start* lagi. *[Ketawa]***Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bintulu, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada dia.**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia belum berucap lagi.**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tak, yang berucap tadi. Yang dia berucap tadi saya tidak sempat bangun. Jadi saya hendak minta penjelasan kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bintulu, saya dah berucap minggu sudah kes yang sama. Kerana pada masa itu, orang tidak menghantar saya surat lagi. Saya hairan seolah-olah apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu, dekat negeri Sarawak sekarang ini ada dua kerajaan. Satu kerajaan yang dipilih oleh rakyat, satu lagi kerajaan gengster. Saya pun hairan

Tuan Yang di-Pertua. Surat Khabar *Sin Chew Daily* dengan bom mortar dia, bukan Bong Mokhtar, bom mortar dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, fahamkah apa yang ditulis? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bercakap dalam bahasa Mandarin][Ketawa]* Dan yang hairannya itu, yang hairan ketua polis negeri dia kata, "Ini mortar dah tak ada belerang lagi". Kita pada hari ini pergi ke Golok Tuan Yang di-Pertua, beli *lighter* berupa pistol bawa balik pun kena tangkap, salah. Ini mortar boleh main-mainkah? Bom Tuan Yang di-Pertua! Saya takut esok jangan sampai ada kongsi-kongsi gelap, gengster dekat Sarawak tertangkap dan masuk dalam lokap dekat balai polis, ketua gengster ini mortarkan pejabat polis, baru polis ambil tindakan! Cukuplah Tuan Yang di-Pertua, dalam surat khabar ini saya baca... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baca, cuba baca.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cuba baca.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Nantilah saya baca. *[Ketawa]* Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, bagaimana rakyat Sibu diperas menjual getah mesti melalui dia, harga yang lebih rendah. Kalau tidak jual dengan dia, rumah dibakar. Telur tadi kena beli RM2 lebih satu papan, mesti melalui dia. Dia berleluasa di kawasan pedalaman, di Sibu merata-rata dia berleluasa. Saya hairan, saya menghormati penuh Polis Diraja Malaysia sehingga dalam ucapan saya pun saya akui Polis Diraja Malaysia ini satu badan pasukan polis yang nombor satu di Asia.

Saya menghormati integritinya dan sebagainya. Selama di dalam Dewan Rakyat ini, saya terkenal sebagai penyokong pasukan polis. Saya berharap Ketua Polis Negara ambil tindakan terhadap perkara ini yang mana pada hari ini menyusahkan rakyat Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat, cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Apa pendapat Yang Berhormat bagi Bintulu?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Memang maklumat itu cukup jelas, semua orang faham. Tetapi haraplah jangan sebahagian polis di Bukit Aman tak faham! Kenapa saya cerita tak faham? Contoh macam bahagian naik pangkat. Ada fulus, naik pangkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Fulus. Ada masuk, naik pangkat. Ada 'kautim' naik pangkat. Fahamkah Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini memang betul. Itulah tadi saya sentuh tiga orang. Semua orang tahu ini terlibat kongsi gelap tapi naik pangkat, orang pandai kerja hari-hari turun padang tangkap orang, siasat dan dapat tangkap orang itu, pun tak naik pangkat sampai hari ini. Pergi *interview* sepuluh kali tidak boleh naik pangkat. Apa pasal? Pasal fulus tiada. Fulus tiada. Ini satu perkara yang serius. Kita nampak sekarang polis naik pangkat ASP ke, *Chief Inspector* ke, jadi pegawai siasatan (IO) ke tetapi tiada kualiti.

Undang-undang bukan faham sangat. Apa masalah pusat latihan kita? Apa sudah jadi? Kita sepatutnya lulus daripada pusat latihan, pegawai atasan itu memang dia cukup pengalaman. Sekarang cukup pening kepala rakyat kata. Tanya sepuluh kali, sekali sahaja boleh jawab. Apa guna kita mengadakan pegawai polis ini di negara kita. So, saya haraplah sekali lagi saya minta Ketua Polis Negara kita yang begitu baik, dia menjalankan tugas dengan begitu tegas, saya haraplah ambil satu tindakan yang serius ke atas mana-mana balai polis di negara kita yang mana ada masalah, contohnya macam di Sibul sekarang sudah tukar OCPD itu. Dia menjalankan tugas pun baik, tetapi di bawah dia ada lagi hantu-hantu belum lagi diselesaikan.

Sekali-sekali lagi banyak tikus lagi boleh masuk. So, saya haraplah perkara ini boleh diselesaikan. Saya mahu contoh satu lagi. Baru-baru ini berlaku, 16 Mac 2007 orang ditangkap pergi balai, dua kumpulan yang bergaduh bawa pergi Balai Polis Bau. Dua-dua kumpulan ini di balai polis, satu kumpulan membuat laporan.

■ 1440

Seorang dari kumpulan lain telah mengambil besi dan memukul kepala dari belakang. Di depan polis, di dalam balai polis, polis pun hanya berdiri dan tengok sahaja dan akhir sekali kumpulan tersebut tolong hantar pergi ke hospital kerana polis tidak ambil tindakan. Kumpulan itu bawa kereta dan langgar kumpulan satu lagi dan orang tersebut mati. Polis baru datang dan menjaga kedua-dua kampung. Ini masalah polis tidak ambil perhatian. Mahu tunggu orang sudah 'terbang', barulah pening. Jadi saya mahu bertanya ini apa sudah jadi dengan Balai Polis Bau? Mana pergi semua pegawai? Perkara ini bukan berlaku waktu malam tapi siang.

Jadi isu satu lagi mengenai *illegal immigrant* – pendatang haram. Di Sarawak ini adalah satu negeri yang bersempadan dengan Kalimantan. Tetapi hantulah sempadan tidak bayar, lalu *check point*, dia semua boleh masuk dan keluar dengan senang dan sewenang-wenangnya. Kerana banyak 'jalan tikus'. Bagaimana pihak polis tidak tahu, imigresen tidak tahu? Ada orang kata, "*Oh sempadan panjang sangat, bagaimana hendak selesai*". Kalau kita beri penjelasan sebegini kepada rakyat, rakyat setuju atau tidak? Rakyat sokong atau tidak. Rakyat kata ini hak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau tidak selesaikan, siapa mahu selesaikan?

Kenapa orang asing tahu 'jalan tikus' itu? Kenapa polis tidak tahu? Kerana baru-baru ini Bintulu ada tiga wanita kena *by forced*, dengan izin. Minta dia datang ke Bintulu cari

*prostitute*. Akhir sekali dia lari, saya pun ada di Bintulu dan bertanya bagaimanakah dia boleh datang. Dia beritahu semua macam mana hendak lalu 'jalan tikus', kasi lukis lagi. Macam mana polis tidak tahu? Mana naik kereta, mana turun kereta, pukul berapa semua? Itulah tadi saya kata mana kita punya *special branch*. Sepatutnya *special branch* ambil maklumat-maklumat untuk pasukan polis. Tapi mana mereka semua pergi? Inilah....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan lagi. Kita di dalam Dewan ini didendangkan bahawa pihak imigresen akan menggunakan biometrik yang mana pendatang-pendatang tidak boleh masuk kerana apabila hendak dihantar balik ada biometrik di mana cap jari telah diambil. Kita juga didendangkan bahawa orang yang membawa masuk pendatang haram dan juga menampung pendatang haram ini akan dirotan. Saya hendak tahu juga Yang Berhormat bagi Bintulu, berapa ramai yang sudah kena rotan? Itulah sebabnya bila undang-undang diadakan tidak dilaksanakan, jawabnya berlarutan lah pendatang-pendatang asing tanpa izin dalam negara kita. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Bintulu?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Itulah saya masih ingat lagi jawapan daripada Timbalan Menteri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu sekarang ini kita ada teknologi yang cukup hebat, yang canggih, terbaik, kita guna cop jari. Tetapi saya nampak itu 'bapak ayam' 10 kali cop jari pun boleh masuk keluar dan pakai pasport, masuk keluar, tukar pasport sahaja, boleh? Tetapi jari tidak tahulah macam mana boleh tukar? Jadi saya minta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri siasatlah sendiri apa sudah terjadi dengan kita punya teknologi ICT yang terbaik, terancang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulunglah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, ini masalah yang melibatkan wakil rakyat kemungkinan termasuklah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tak payah libatkan sayalah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah masuk era yang ke-50 tahun kemerdekaan. Rakyat bertanya kepada saya. Pertama sekali, rakyat kita berkahwin dengan orang asing. Setiap kali mahu cop pasport, 'fulus' baru dapat cop. Kalau kurang sikit, cop memang lambat ataupun sedang diproses. Apa masalahnya kita bagi PR, bagi PR kepada mereka, bukan mereka boleh mengundi. Memang hak kerajaan tapi kita mestilah timbang rasa. Pegawai daripada imigresen tidak boleh jamin anak kita nanti tidak boleh kahwin dengan orang tempatan. Apa susah sangat. Macam yang baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri umumkan orang berkahwin luar, boleh dapat lima tahun tetapi baru-baru ini saya diberitahu daripada rakyat dia pergi ke imigresen, imigresen kata belum turun arahan. Saya pun tidak faham sistem ini. Hari-hari kita kata hendak *up grade*, hendak *improve*. *Improve* pergi mana?

Kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cukup mengambil perhatian hendak bantu orang-orang susah, sudah bagi arahan, telah dikeluarkan di dalam surat khabar, laksanakanlah. Mana KSU Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri? Dia tidurkan di dalam kementerian? Tidak pandai bagi arahankah? Apa susah sangat? Mana pergi ketua imigresen? Ketua imigresen sepatutnya terus bagi arahan. Kalau tidak tahu, terus pergi memohon kepada menteri atau pun tanya KSU. Saya ingat dia pun fikirilah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri umum sahaja untuk buat senang hati kepada rakyat. Ini cukup tidak ambil tanggungjawab di dalam melaksanakan tugas.

Di sini saya mahu bertanya menteri di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adakah satu cadangan untuk orang-orang yang berkahwin daripada negeri lain, luar negara, bolehkah dapat PR? Kalau ini pun tidak boleh buat, rakyat akan berkata apa lagi hari-hari kita hendak ceritakan tentang kemerdekaan 50 tahun. Ini perkara yang senang. Kita mesti mahu tahu, di Singapore di mana-mana negara Dubai, kalau kita berkahwin mestilah dapat PR. Itu hanya *permanent resident* sahaja, bukan untuk lain-lain. Kalau dia sudah bercerai, kita boleh buat syarat dia kena baliklah, apakah, itulah kita kena buat kajian bagaimana hendak selesaikan. Jadi apa masalah? 50 tahun tidak boleh selesaikan kajian inikah?

Akhir sekali saya ucap ribuan terima kasih.

■ 1450

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Papar.

**2.50 ptg.**

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memulakan perbahasan dengan mengutarakan isu yang berkaitan dengan perkhidmatan kaunseling di negara kita. Akhir Februari yang lalu kita telah dikejutkan dengan kes pembunuhan dua orang kanak-kanak yang dilakukan oleh ibu kandung mereka sendiri. Hasil siasatan menunjukkan bahawa kes pembunuhan ini berlaku akibat tekanan jiwa yang dialami oleh wanita tersebut.

Tekanan terjadi boleh disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah masalah peribadi dan keluarga serta masalah di tempat kerja. Tidak ketinggalan faktor persekitaran juga menyumbang kepada tekanan jiwa di mana kehidupan masa kini memerlukan setiap individu bersaing antara satu sama lain untuk mencapai matlamat hidup. Pelbagai cara boleh digunakan untuk melepaskan tekanan namun begitu cara terbaik adalah berkongsi setiap masalah yang dialami itu dengan orang lain. Di sinilah berfungsinya perkhidmatan kaunseling.

Walau bagaimanapun, berapa ramai di antara kita yang merujuk ke perkhidmatan kaunseling apabila berhadapan dengan masalah sama ada dari peringkat sekolah ataupun di rumah bagi mendapatkan khidmat nasihat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas penubuhan Rumah Nur di setiap negeri.

Dewan Nur yang berfungsi sebagai pusat aktiviti wanita turut menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi mengukuhkan aspek psikologi golongan wanita khususnya yang menghadapi masalah. Saya berharap agar pembinaan Dewan Nur di setiap kawasan Parlimen seperti yang telah diluluskan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Walau bagaimanapun, saya melihat perkhidmatan kaunseling ini masih kurang mendapat sambutan dan tidak diiktiraf oleh masyarakat di Malaysia ini sebagai sebuah badan yang dapat merungkai kekusutan yang dialami malahan masih ada ramai lagi rakyat Malaysia yang tidak mahu mengakui bahawa mereka mempunyai konflik dalam diri masing-masing. Tanggapan salah masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling perlu juga diperbetulkan. Perkhidmatan ini sering kali dianggap hanya untuk orang-orang yang mempunyai masalah mental dan mempunyai tingkah laku yang *deviant* atau merosak.

Sehubungan dengan itu saya mencadangkan agar pihak kerajaan memperbanyakkan lagi perkhidmatan ini dengan menubuhkan pusat kaunseling di setiap sekolah rendah dan menengah dan juga di setiap jabatan kerajaan. Saya juga ingin mencadangkan agar ditubuhkan satu pusat latihan atau *training centre* dengan izin bagi melatih mereka yang berminat untuk menjadi kaunselor agar dapat memenuhi sasaran satu keluarga satu kaunselor. Kempen-kempen kesedaran tentang kepentingan kaunseling ini juga perlu dijalankan dalam menjadikan perkhidmatan ini betul-betul berkesan dan diterima serta digunakan dengan sepenuhnya oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya kita mengiktiraf perkhidmatan kaunseling ini sebagai satu keperluan yang efektif dalam menangani tekanan dan ianya perlu dilaksanakan dengan serius, terancang, komprehensif serta menyeluruh di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Integriti Nasional yang telah dilancarkan pada tahun 2004 menetapkan lima sasaran utama yang telah dikenali sebagai Tekad 2008. antaranya ialah mengurangkan gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian sistem perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi serta meningkatkan kualiti hidup dan juga kesejahteraan masyarakat. Namun begitu, suatu yang amat mendukacitakan adalah selepas hampir empat tahun pelancaran pelan ini dan tatkala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersungguh-sungguh untuk menekankan tentang integriti serta membanteras penyalahgunaan kuasa masih terdapat lagi permasalahan yang wujud khususnya dalam jabatan perkhidmatan awam yang membabitkan masalah penyalahgunaan kuasa ini.

Ada segelintir pengarah jabatan kerajaan yang ditempatkan di negeri-negeri telah menyalahgunakan kuasa dan tidak telus dalam melaksanakan tugas yang diberi. Kononnya

atas tuntutan jawatan mereka menghantar laporan sulit ke peringkat atasan dengan memburukkan pemimpin dengan tujuan untuk menjatuhkan pemimpin tersebut dan laporan yang dikatakan sulit ini juga sebaliknya telah disebarikan sehingga ke peringkat akar umbi dengan harapan pemimpin yang diburukkan ini tidak mendapat sokongan daripada masyarakat yang diwakilinya.

Di dalam laporan ini juga mereka telah mempertikaikan tugas-tugas Ahli Parlimen yang tidak berada di kawasan ketika sidang Parlimen berlangsung. Ke kerapannya Ahli Parlimen ke luar negara untuk mewakili Parlimen Malaysia sehinggalah ke suku kaum bangsa pemimpin tersebut dan juga kesetiiaannya kepada parti turut dipertikaikan dan dipersoalkan bagi menjatuhkan kredibiliti pemimpin itu. Sebagai seorang pegawai kerajaan mereka ini seharusnya tahu dan memahami setiap skop bidang tugas Ahli Parlimen yang bukan sahaja tertumpu di kawasan malah wajib menghadiri setiap sidang Dewan Rakyat dan juga sesekali perlu keluar negara untuk mewakili negara.

Fakta-fakta yang tidak tepat dan salah mengenai tugas-tugas Ahli Parlimen telah dibuat atas sangkaan jahat dan mereka ini juga telah dijadikan oleh pihak tertentu sebagai senjata politik untuk menjatuhkan pemimpin lain yang tidak disukai oleh pemimpin yang mereka sokong. Ini jelas menunjukkan terdapat agensi kerajaan telah terkeluar daripada skop tugas mereka dengan mengikut telunjuk individu yang tertentu. Sepatutnya mereka inilah yang lebih memahami bidang tugas Ahli-ahli Parlimen yang menjadi satu tanggungjawab mereka untuk menjelaskan dan menerangkannya kepada rakyat dan bukan berperanan sebagai duri di dalam daging.

Untuk itu saya mencadangkan agar kerajaan menggerakkan lagi semua sektor di seluruh negara dan masyarakat supaya dapat bekerjasama dalam melaksanakan pelbagai program Pelan Integriti Nasional (PIN) ini dan menjadikannya satu kenyataan. Sebagai usaha berani, saya juga ingin mencadangkan agar pegawai-pegawai kerajaan yang mudah dibonekakan oleh pihak-pihak tertentu ini digantikan dan ditukarkan dengan mereka yang lebih berintegriti, serius dan adil dalam mendaulatkan agenda negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan di atas penubuhan Majlis Penyelaras Dasar Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak ataupun Permata Negara. Penubuhan projek ini bertepatan dengan konsep modal insan yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu. Jelas dapat dilihat bahawa dasar Permata Negara ini meliputi matlamat dan strategi pendidikan awal bagi kanak-kanak yang berusia enam tahun ke bawah yang mana menitikberatkan proses pembangunan modal insan dari peringkat usia yang rendah.

Kanak-kanak merupakan aset negara yang akan menjadi pemimpin generasi masa depan. Besar harapan kita untuk melihat barisan pewaris kemerdekaan negara ini akan

menjadi generasi yang mempunyai modal insan berminda kelas pertama dengan nilai murni dalam diri yang mana mereka inilah yang akan menjana pembangunan negara bagi mencapai kejayaan yang lebih tinggi dalam merealisasikan Wawasan 2020 dan meneruskan misi 2057.

Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia diselaraskan di seluruh ataupun di semua taman bimbingan kanak-kanak sama ada Tadika KEMAS, Tadika Perpaduan mahupun tadika swasta agar ianya dirangkum menjadi satu dan mempunyai silibus pelajaran yang sama. Ini adalah untuk memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan yang sama rata dan tiada perbezaan bermula seawal peringkat asas pendidikan. Penekanan disiplin diri dan juga asas nilai-nilai murni perlu dalam mendidik anak-anak ini agar mereka ini akan menjadi generasi pemimpin masa depan yang kuat dan bersedia menghadapi apa jua rintangan dalam meneruskan perjuangan membangunkan negara kelak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu yang keempat dan terakhir saya ingin memperkatakan tentang kem penempatan pelarian Filipina di Kinarut, Papar, Sabah. Isu ini telah dibawa ke Dewan yang mulia ini sejak tiga tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada sebarang maklum balas atau keputusan yang tetap daripada mana-mana pihak yang berwajib tentang cadangan untuk menutup ataupun memindahkan penempatan Kinarut yang terletak di kawasan saya ini seolah-olah perkara ini tidak penting.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Saya telah memohon kerjasama daripada pihak jabatan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Papar. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa masa depan penempatan Filipina di Kinarut dan juga penempatan di lima tempat lagi satu di Telipok, satu di Sandakan, di Lahad Datu, di Tawau dan juga di Labuan.

Kesemuanya ini berkait rapat dengan proses penyelesaian masa depan pelarian Filipina yang berada di Sabah dan perkara ini di bawah kawal selia Biro Majlis Keselamatan Negara dan sehingga hari ini setelah kita telah membawa perkara ini berkali-kali di Dewan yang mulia ini jawapan standard yang kita dapat daripada pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini tidak ada apa-apa masalah pada negeri Sabah.

■ 1500

Dan berkali-kali kita nyatakan, itu juga jawapan dia. Bererti dia tidak melihat perkara ini sesuatu masalah sedangkan tempat ini adalah mengakibatkan pelbagai masalah sosial. Jadi sebagai wakil rakyat di kawasan tersebut, apakah sebenarnya pendirian Yang Berhormat dan juga rakyat di Papar tentang penempatan ini? Mohon penjelasan, terima kasih.

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Tuaran. Saya bersetuju tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Tuaran tetapi saya kurang bersetuju jika dikatakan bahawa mungkin perkara ini tidak akan diselesaikan.

Saya mengharapkan dengan apa yang dimajukan oleh Yang Berhormat daripada Tuaran dan saya sendiri dan beberapa rakan-rakan daripada negeri Sabah, Insya-Allah kerajaan akan dapat mengambil satu keputusan yang tepat mengenai bagaimana kita harus menangani masalah ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sebenarnya pihak yang bertanggung jawab selain daripada Bahagian Keselamatan Negara, ada beberapa agensi yang seharusnya terlibat di dalam melaksanakan atau memastikan permasalahan ini dapat diselesaikan dengan kadar segera.

Kita sebagai pemimpin-pemimpin bawah, wakil-wakil rakyat juga sebenarnya memainkan peranan kita sendiri dan diharapkan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuaran tadi bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain pastinya perkara ini bukan sahaja mendapat perhatian tetapi mendapat satu kenyataan yang bakal dilakukan oleh menteri yang bertanggung jawab bagaimana kita harus menangani masalah yang bukan sahaja menjadi masalah yang besar kepada negeri Sabah, juga kepada negara secara khususnya. Saya sambung ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi kah?

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Tak banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas peluang. Saya telah memohon kerjasama daripada pihak Pejabat Daerah dan juga pihak Polis Diraja Malaysia Daerah Papar mengenai isu ini. Saya merasakan isu kem pelarian ini merupakan satu isu yang tidak boleh dipandang dengan remeh seperti yang kita katakan tadi. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kem Penempatan Pelarian Filipina Kinarut, ini sebenarnya terletak di tanah seluas 40 ekar berhampiran dengan Kampung Laut Kinarut. Ia telah dibina pada awal tahun 80an oleh Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pelarian ataupun UNHCR. Walau bagaimanapun, UNHCR telah lama memberhentikan pembiayaan kos sara hidup untuk penghuni kem ini. Ia telah mengakibatkan ramai pelarian yang menempati kawasan ini terpaksa bekerja untuk meneruskan kehidupan mereka. Kini kem pelarian ini telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada masalah sosial dan juga kes-kes jenayah di daerah Papar.

Rekod jenayah yang melibatkan penghuni kem ini antaranya adalah penyalahgunaan dadah jenis syabu serta kes-kes jenayah yang lain seperti rompakan, judi haram, dan sebagainya dan kes ini telah menular ke kawasan-kawasan yang lain dan hasil siasatan jelas menunjukkan ia berpunca daripada kem pelarian ini. Operasi penangkapan telah kerap

diadakan oleh pihak polis dan terdapat tangkapan penduduk luar daerah yang datang berurusan untuk membeli syabu ini.

Ini jelas menunjukkan kawasan kem ini telah menjadi sarang syabu terbesar di daerah Papar dan sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera, tidak mustahil ia akan menjadi sarang syabu yang terbesar di negeri Sabah sendiri pada masa akan datang. Jadi saya difahamkan juga kawasan kem ini tidak dibenarkan untuk ditambah Tuan Yang di-Pertua, atau untuk diubah struktur rumah dan bangunan di dalamnya. Begitu juga tiada sebarang kebenaran untuk penambahan bilangan penghuni di dalam kawasan ini.

Walau bagaimanapun saya ingin membawa realiti sebenar ke pengetahuan Dewan yang mulia ini, kawasan Kem Pelarian Kinarut pada ketika ini sudah terlalu padat dengan rumah yang telah dibina secara tidak terkawal. Begitu juga dengan sistem infrastruktur asas yang tidak teratur. Saya amat yakin bahawa masalah ini sedikit sebanyak telah menjejaskan imej daerah Papar sebagai dengan izin '*tourism belt*', dan juga merosakkan pemandangan sekitar kawasan. Ini kerana kawasan penempatan ini terletak di tepi jalan dan ia merupakan laluan utama bagi masyarakat setempat dan juga para pelancong dalam dan luar negara untuk ke kawasan Parlimen yang lain seperti Sipitang, Beaufort, Kimanis dan juga Kota Kinabalu. Masalah-masalah yang timbul dari kem pelarian ini pastinya telah menyekat peluang untuk membangunkan kawasan Kinarut ini.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar satu kata putus diambil untuk menutup terus Kem Pelarian Kinarut ini. Manakala pelarian-pelarian yang menjadi penghuni kepada kem ini, kalau proses menghantar mereka pulang ke tempat mereka mengambil masa yang agak lama, sukacita saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya mereka-mereka ini dapat di tempatkan di sebuah pulau seperti yang pernah kita lakukan kepada pendatang-pendatang tanpa izin Vietnam sementara proses penghantaran semula mereka-mereka ini dapat dilakukan oleh kerajaan.

Dengan yang demikian, usaha kami untuk membangunkan kawasan Kinarut di daerah Papar ini dapat dilaksanakan dengan baik dan pastinya sambutan 50 tahun usia kemerdekaan negara kita dapat diraikan dengan penuh semangat patriotisme oleh penduduk daerah Papar tanpa ada lagi sebarang masalah sosial dan juga kes-kes jenayah yang berpunca dari kawasan kem penempatan ini. Dengan yang demikian Tuan Yang di-Pertua..

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukup, cukuplah..

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Okey..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selesai ya?

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Hmmm....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah selesai ucapan?

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Sudah selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sudah selesai, tak apalah. Terima kasih.

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya. Saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun].**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramai nak berucap ya? Yang Berhormat, saya memang rasa susah hati sedikit lah. Sebab banyak surat yang dihantar kepada saya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Surat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan cuba memberikan kepada semua. Hari Isnin ada satu hari lagi. Ada kata, ada mesyuarat tergepar. Ada telefon panggilan, saya kena balik kawasan. [Ketawa]. Ada pesawat akan berlepas pukul 6.00.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Belon, belon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada macam-macam lah. Ada seorang kawan kita sakit gigi. [Ketawa]. Semakin petang, semakin sakit dan sebagainya. Jadi, saya akan cuba dan akan pastikan semuanya diberi peluanglah. Jadi ini, Yang Berhormat Ampanglah.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Wah, sakit gigi, Ampang sakit gigi. Ampang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, bukanlah. Kecuali, kecuali sesiapa yang sanggup, boleh kata dia boleh selesaikan ucapan dia dalam 5 minit, boleh buat permintaan dia kepada sayalah. Saya boleh berikan keutamaanlah, 5 minit boleh selesai. Ampang, tetapi dia bukan sakit gigi, ya. Bukan.

#### **4.08 ptg.**

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas menyokong Usul Menjunjung Kasih yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Yang di-Pertua, proses urbanisasi ataupun perbandaran merupakan fenomena global yang mana Malaysia tidak terkecuali. Secara teorinya, kewujudan pusat-pusat bandar ini menyumbang sebagai pusat pertumbuhan ekonomi negara malah juga boleh menyumbang sebagai pertumbuhan ekonomi serantau dan antarabangsa. Pusat-pusat bandar juga merupakan pusat perkembangan teknologi dan sumber manusia. Kerajaan memperuntukkan bajet yang besar untuk membasmi kemiskinan melalui pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar. Terlalu sedikit penekanan diberikan untuk menangani kemiskinan bandar secara khusus sama ada dari segi peruntukan mahupun mekanisme yang berkesan.

Memang diakui bahawa kawasan-kawasan pendalaman di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan luar bandar yang memerlukan perhatian segera bagi mengurangkan ketidakseimbangan antara negeri dan wilayah. Walaupun kemiskinan bandar belum sampai ke tahap membimbangkan dari sudut bilangan orang yang terlibat iaitu di sekitar 2.3% sahaja sekarang ini, tetapi kesannya adalah lebih serius seperti pengangguran, peningkatan kadar jenayah dan masalah sosial. Kos sara hidup yang tinggi di bandar memaksa kebanyakan mereka yang berkeluarga terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk kedua-dua suami dan isteri keluar bekerja. Ramai yang terpaksa bekerja lebih masa dan kadang-kadang mengambil kerja tambahan. Ini bukan sahaja memberi tekanan ataupun *stress* kepada orang bandar yang boleh menimbulkan pelbagai penyakit, *Stress Induce Diseases* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, malah kualiti kehidupan berkeluarga juga merosot. Ini juga boleh menyumbang kepada pelbagai masalah sosial di kalangan remaja bandar kerana kurangnya penyeliaan dari ibu bapa.

■ 1510

Tuan Yang di-Pertua, indeks garis kemiskinan telah disemak semula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu RM687 untuk luar bandar dan RM698 untuk kawasan bandar. Manakala kemiskinan tegar ataupun *hardcore poor* ditakrif sebagai pendapatan isi rumahnya separuh daripada indeks garis kemiskinan. Tetapi golongan berpendapatan rendah di bandar adalah mereka yang berpendapatan dalam lingkungan gaji RM1,200 hingga RM1,500 sebulan. Ini sudah tentu tidak dianggap miskin ataupun tidak *qualify*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengguna pakai indeks garis kemiskinan yang sedia ada. Hakikatnya mereka ini sebenarnya miskin, hidup cukup makan dan pakai sahaja di bandar ini. Sewa rumah sahaja memakan separuh daripada gaji mereka. Ini adalah kajian yang dibuat, sewa rumah memakan separuh daripada gaji mereka.

Kadang-kadang mereka ini cuba tinggal di *outskirt*, dengan izin, luar sedikit daripada pusat bandar tetapi masih bekerja di bandar sebab sewa rumah di kawasan *outskirt* dengan izin, adalah lebih murah. Masalahnya sekarang pengangkutan awam kita tidak mencapai tahap yang memuaskan. Oleh itu mereka terpaksa juga membeli kenderaan dan ini juga menambahkan lagi kos sara hidup golongan berpendapatan rendah di bandar.

Mereka juga terpaksa menghantar anak ke taska atau menggaji pembantu rumah kerana kedua-dua suami isteri harus keluar bekerja kerana *dual income family*, dengan izin adalah suatu yang boleh dikatakan kemestian di kawasan bandar kerana pendapatan tidak cukup. Untuk membuat pinjaman dari bank juga bukanlah mudah, maka gejala meminjam daripada Ah Long merupakan satu gejala yang cukup berleluasa di kawasan bandar-bandar besar dan ini menimbulkan masalah jenayah dan sosial.

Ada dua skim yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah. Pertama ialah Skim Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB dan kedua

adalah skim pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kedua-dua skim ini mensyaratkan pemohon berpendapatan RM1,000 ke bawah. Oleh itu ramai orang miskin di kawasan bandar tidak layak. Manakala Skim Rumah Mesra Rakyat pula memerlukan pemohon membina rumah di tanah sendiri, sedangkan kebanyakan penduduk bandar adalah mereka yang berhijrah ke kawasan bandar. Sudah tentu mereka tidak bawa sekali tanah mereka di kampung ke kawasan bandar. Apa yang mereka perlu ialah bekerja di bandar, tinggal di bandar dan memerlukan bantuan kewangan, pertolongan daripada pihak kerajaan untuk memiliki rumah sendiri di bandar.

Oleh itu saya mencadangkan, saya minta untuk dikaji semula syarat kelayakan bagi penduduk bandar di dalam kedua-dua skim ini supaya ditingkatkan sedikit kepada RM1,500 atau RM2,000 ke bawah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Sila.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ampang. Saya khusus kepada Rumah Mesra Rakyat. Program ini ditujukan untuk membantu rakyat yang mempunyai pendapatan sederhana. Yang Berhormat bagi Ampang mengkhususkan kepada kajian supaya dibuat bagi pemohon di bandar. Saya juga berharap supaya kajian dibuat juga kepada penduduk-penduduk luar bandar. Kalau mengikut syarat itu sebenarnya diikat supaya dalam satu kawasan tanah ataupun lot tidak boleh dibina lebih daripada satu buah rumah. Jadi, oleh kerana itu kelonggaran harus diberikan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kalau benar-benar kerajaan hendak menolong rakyat yang berpendapatan sederhana. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Tetapi oleh kerana saya merupakan wakil rakyat kawasan bandar, saya fokus khusus kepada membela nasib rakyat miskin di bandar. Sebenarnya saya baru sahaja mendapat jawapan soalan lisan saya daripada Kementerian Kewangan tentang Skim Rumah Mesra Rakyat ini dan jawapannya ialah mereka tiada cadangan untuk mengkaji. Jadi, saya merayu sekali lagi untuk mengkaji kenapa harus dibezakan juga antara orang golongan bandar dengan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, penghijrahan golongan berpendapatan rendah daripada kawasan luar bandar termasuklah ibu tunggal dan kemasukan pekerja asing bersaing mendapatkan pekerja dan sebagainya menyumbang kepada kemiskinan bandar. Ini terus memberi cabaran kepada perkhidmatan awam kita seperti; infrastruktur dan pengangkutan, perumahan, ameniti sosial, persekitaran, jenayah dan masalah sosial. Oleh itu *mapping exercise*, dengan izin, bagi

saya haruslah disegerakan. Kita perlu ada satu pemetaan ke atas kawasan kemiskinan bandar baik dari segi mereka yang terlibat ataupun dari segi profil lengkap mereka ini. Begitu juga indeks garis kemiskinan khusus kepada penduduk bandar harus dikaji semula supaya mereka ini tidak tercalar dari mendapat perhatian dan bantuan kerajaan dan terus hanyut dibelenggu kemiskinan dalam arus pembangunan pesat di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong dalam Titah Baginda melahirkan harapan supaya pembangunan wanita terus dimantapkan dan supaya semua dasar dan undang-undang yang mendiskriminasikan wanita dikaji semula. Perlu disebut bahawa dalam pasaran pekerjaan 47.3% adalah terdiri dari wanita dan peratusan wanita dalam pekerjaan bergaji tinggi adalah lebih jika dibandingkan dalam pekerjaan bergaji rendah jika dibandingkan dengan waktu-waktu dahulu.

Begitu juga, saya ingin menyebut juga bahawa 75.6% daripada kerja tanpa bayaran sebenarnya dilakukan oleh wanita. Oleh itu wanita merupakan sumber modal insan yang penting yang mana kepentingan mereka harus dijaga. Kaum wanita sebenarnya bersyukur kerana pada September 2001 perkataan 'gender' telah dimasukkan dalam perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang mana ia memberi impak bahawa tidak ada diskriminasi berdasarkan alasan gender. Begitu juga kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempengerusikan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender pada tahun 2004 yang mana perspektif gender disepadukan dalam usaha dan penggubalan dasar dan pelaksanaan program. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa peraturan dan undang-undang dalam negara ini yang masih mendiskriminasikan wanita.

Juga wujudnya kepincangan dalam peraturan yang sedia ada. Saya bagi contoh yang pertama ialah kes Beatrice Fernandez lawan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang mana Beatrice telah kalah kerana perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan tidak boleh diguna pakai dalam kes ini oleh sebab perjanjian kolektif yang dipersetujui oleh Beatrice dengan Syarikat Penerbangan Malaysia bukanlah satu undang-undang. Ia tidak ditakrif sebagai undang-undang.

Perjanjian tersebut memaksa seseorang pramugari berhenti kerja jika dia mengandung dan membenarkan syarikat itu memecatnya jika dia tidak berhenti kerja. Sistem Penerbangan Malaysia juga menetapkan umur persaraan yang tidak sama bagi lelaki dan wanita. Contohnya, bagi pramugari adalah 40 tahun, manakala pramugara adalah 50 tahun. Tidak adil!

Saya berharap Kementerian Sumber Manusia melihat perkara ini kerana amatlah membimbangkan jika sekiranya sesetengah pihak dibenarkan membuat satu perjanjian yang jelas mendiskriminasikan wanita dan jelas bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan itu sendiri.

Contoh yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah peraturan Imigresen. Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa wanita Malaysia yang melahirkan anak di luar

negara tidak boleh mendapatkan kewarganegaraan Malaysia kepada anaknya. Anak itu haruslah mengikut kewarganegaraan ayahnya sahaja. Maknanya warganegara ibu tidak penting, menurut perkara 14(1)(b) ini. Saya sendiri melahirkan anak di luar negara. Nasib baiklah suami saya orang Malaysia. Kalau tidak tak tahulah apa nak jadi. Seolah-olah sumbangan ibu ini, wanita ini tidak diambil kira. Tidak penting. Jadi saya rasa ini semua undang-undang lapuk yang telah mendiskriminasi wanita dan harap dikaji semula.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan wanita asing yang suaminya warganegara Malaysia memohon mendapatkan taraf penduduk tetap, tetapi kes sebaliknya tidak disebut dengan jelas. Maksudnya tidak ada peruntukan yang diberikan kepada lelaki warga asing yang isterinya merupakan wanita warganegara Malaysia untuk permohonan tersebut. Sekali lagi seolah-olah kepentingan wanita tidak diambil kira. Selama ini lelaki warga asing yang berkahwin dengan wanita Malaysia perlu memperbaharui pas lawatan sosial setiap tahun tetapi alhamdulillah baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan bahawa pas itu diperbaharui setiap lima tahun.

Tetapi baru sahaja saya dengar perdebatan daripada Yang Berhormat bagi Bintulu mengatakan bahawa di peringkat bawah, di peringkat kementerian benda ini belum dilaksanakan sedangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menguar-uarkan dalam surat khabar. Mengapakah ini mengambil masa yang cukup lama untuk mengimplementasikan apa juga keputusan kerajaan. Ini akan memburukkan lagi pemimpin-pemimpin politik dan menghilangkan keyakinan orang awam terhadap kita punya sistem penyampaian ataupun *delivery system*, Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, saya hendak *reserve* sedikit. Saya mohon diperbetulkan kenyataan saya mengenai perkara 15(1) ini kerana sekiranya ia merupakan hanya persepsi akibat layanan berbeza daripada layanan berbeza daripada pegawai imigresen itu sendiri.

■ 1520

Ini kerana bagi kes yang mana isteri adalah warganegara dan suami adalah warganegara asing, tidak disebut secara jelas dalam Perkara 15(1) ini. Jadi, kita tidak mahu oleh kerana ia tidak disebut maka pegawai-pegawai merasakan tidak boleh memohon untuk penduduk tetap. Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan perintah nafkah merupakan satu masalah besar apabila bapa tidak bertanggungjawab. Penguatkuasaannya tidak tegas dan bapa yang ingkar kepada perintah mahkamah ini tidak diambil tindakan. Ibu tunggal terpaksa bersusah payah berulang alik ke mahkamah untuk proses penguatkuasaan. Walaupun Mahkamah Syariah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, saya ingin mencadangkan supaya di peringkat Kerajaan Persekutuan ditubuhkan Agensi Penguatkuasaan Khas Nafkah Anak ataupun dalam bahasa Inggerisnya *Child Support Agency* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seperti di Britain.

Agensi ini adalah untuk penyelesaian jangka panjang. Agensi ini berfungsi sebagai pemerhati terhadap bapa dalam soal pembayaran nafkah anak dan boleh memaksa bapa membayar nafkah jika dia bersikap lepas tangan. Sementara itu, diharapkan apabila sesuatu kes tuntutan nafkah telah diputuskan di Mahkamah Syariah hendaklah dikeluarkan perintah memotong gaji, memotong pencen, membekukan wang KWSP atau tabung pencen bagi pembayaran nafkah isteri dan anak.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Sila.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya menyokong semua apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ampang. Ini kerana itu memang sudah ada di dalam ucapan saya, nanti saya tidak payah berucap. Tetapi apa yang dikatakan di dalam unit untuk menguruskan nafkah, saya cadangkan ia diperuntukkan untuk orang yang bukan Islam juga.

Ini kerana orang yang bukan Islam juga menghadapi masalah yang sama. Saya berpendapat bahawa masalah nafkah ini *across the board*. Ia tidak kira sama ada orang Islam atau orang bukan Islam. Jadi, saya hendak mencadangkan supaya kerajaan mengadakan dan menerima cadangan Yang Berhormat bagi Ampang tetapi ia untuk semua rakyat. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Ampang?

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan terima kasih kerana menyokong saya. Saya tidak sebut pun agensi ini untuk orang Muslim sahaja. Cuma tadi oleh kerana saya menyebut tentang Mahkamah Syariah, maka saya sebut sepatutnya Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi, maknanya *it's a centralize*, dengan izin, satu agensi berpusat.

Okey, saya teruskan. Akhir sekali, saya tidak berucap panjang, Tuan Yang di-berpusat. Akhir sekali saya ingin menegur tentang ketiadaan maklumat berpusat di peringkat Persekutuan mengenai pendaftaran dan perceraian di Malaysia. Sehingga kini, tidak ada sistem pendaftaran perkahwinan dan perceraian berkomputer di seluruh negara. Apa yang ada sekarang ialah sistem manual bagi setiap negeri.

Dalam laporan *New Straits Times* pada 21 Mac 2007, seorang pemandu teksi Omar Tahir disabitkan atas kesalahan sumbang mahram apabila berpoligami dengan adik iparnya sendiri. Ini nasib baik adik ipar satu emak dan satu bapa, kadang-kadang bapa itu banyak isteri, jadi tidak tahu adik-beradik atau tidak adik-beradik. Omar Tahir berkahwin dengan Halimah pada 16 Jun 1960 di Alor Gajah, Melaka. 16 tahun kemudian iaitu pada April 1976, dia kahwin pula dengan Mahaya, adik kepada Halimah di Kuala Lumpur. Jabatan Agama Wilayah Persekutuan hanya mengetahui hubungan adik-beradik ini pada tahun 2003.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan perkara seumpama ini berlaku, suatu sistem berkomputer pendaftaran perkahwinan dan perceraian perlu diwujudkan di peringkat Persekutuan dan dihubungkan kepada jaringan rangkaian seluruh negara kepada jabatan-jabatan agama Islam di setiap negeri-negeri. Ini membolehkan pihak berkuasa agama mendapat maklumat mengenai taraf perkahwinan seseorang pemohon. Apabila pemohon-pemohon memberi maklumat palsu, mahkamah bolehlah membuat keputusan menolak permohonan perkahwinan tersebut. Maknanya untuk berpoligami, perkahwinan kali kedua atau seterusnya, bolehlah ditolak awal-awal lagi dan mengambil tindakan yang sepatutnya ke atas kesalahan menipu dalam permohonan mereka.

Itu sahaja sedikit sebanyak isu yang ingin saya sentuh di dalam waktu yang singkat ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Maran. Boleh pendekkan ucapan, selepas itu jumpa Yang Berhormat bagi Ampang, doktor gigi.  
*[Ketawa]*

**3.25 ptg.**

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya untuk mengucapkan selamat datang kepada pemimpin-pemimpin daripada Parlimen Pekan. *[Tepuk]*

Assalamualaikum w.b.t. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi izin kepada saya untuk turut serta memanjatkan ucapan junjung kasih di atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perasmian baginda untuk Persidangan Parlimen Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas baru-baru ini. Saya juga mengucapkan tahniah di atas pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan kali ini adalah merupakan Titah Ucapan Baginda yang pertama di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memanjatkan penuh syukur kepada Allah S.W.T. kerana kita telah diberikan dengan berada dalam sebuah negara Malaysia yang penuh dengan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang tidak ada pada negara-negara lain. Keadaan aman, selamat, makmur dan membangun ini tidak datang dengan sendiri. Ia semua adalah hasil daripada perjuangan dan pengorbanan yang dimainkan oleh pejuang-pejuang dan pemimpin-pemimpin kita yang dahulu.

Sebab itulah saya bersama meminta supaya seluruh warganegara Malaysia dan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini termasuklah pembangkang, memanjatkan syukur kita kepada Allah S.W.T dan kepada Tuhan kerana Allah memberikan kita berada dalam sebuah negara seperti Malaysia ini dan kita telah menikmati kemerdekaan ini hampir 50 tahun.

Sempena dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada negara kita dan kepada kerajaan kerana telah dapat mengekalkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara kita. Ucapan tahniah juga kepada dua tokoh pimpinan utama kita iaitu Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana telah berjaya mengekalkan keamanan dan kesejahteraan yang ada di dalam negara kita ini.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, sempena sambutan hari kemerdekaan yang ke-50 ini supaya kita mengadakan satu program yang khusus bagi mereka yang masih hidup pada hari ini yang pernah memperjuangkan keamanan dan kemakmuran negara kita. Mereka sebenarnya telah memperjuangkan bukan sahaja harta benda, nyawa dan juga anak pinak mereka, tetapi mereka sebenarnya tidak menikmati keamanan dan kemakmuran yang ada pada hari ini, sebaliknya kitalah sebenarnya yang merasai itu semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan, polis, tentera dan lain-lain yang telah banyak mengorbankan jiwa dan tenaga mereka semata-mata memperjuangkan keamanan negara. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan polis kerana sambutan Hari Polis yang ke-200 tahun pada baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pasukan yang banyak berjasa kepada negara dan bangsa kita, maka wajarlah kita memberikan penghormatan yang sebaik-baiknya kepada pasukan polis. Bukan sahaja dari segi perkhidmatan mereka, bahkan dari segi apa sahaja kemudahan yang boleh dimiliki oleh pasukan keselamatan ini. Saya juga berasa kecewa di atas sebahagian sikap termasuk penduduk di negara kita dan pemimpin-pemimpin yang lain terutamanya pembangkang yang sering memperkecil-kecilkan peranan dan perjuangan yang dimainkan oleh pasukan polis. Sedangkan keamanan yang kita ada pada hari ini adalah sebenarnya pengorbanan dan perjuangan yang diberikan oleh pasukan polis.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bersetuju dan menyokong usaha yang dibuat oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan yang meminta supaya pihak kerajaan mengkaji semula gaji pasukan polis dan dinaikkan serta diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Saya yakin bahawa kenaikan gaji yang melibatkan pasukan polis di semua peringkat ini bukan sahaja memberikan faedah kepada pasukan polis tersebut tetapi sebenarnya memberikan faedah kepada orang lain termasuklah pegawai-pegawai awam yang lain. Ini kerana sebahagian daripada isteri pasukan polis ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai awam.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita sokong mengenai cadangan kenaikan gaji pihak polis supaya boleh dapat emolument yang lebih lumayan dan menambah baik syarat perkhidmatan mereka. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa cadangan IGP akan dapat lebih sokongan daripada orang ramai kalau pihak polis boleh tukar pendirian dan sokong dengan kuatnya cadangan Suruhanjaya Diraja mengenai penubuhan *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* (IPCMC) untuk mengelakkan segala salah kuasa dan korupsi di kalangan pihak polis?

## ■ 1530

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kesilapan dan kesalahan kepada polis ini bukannya kepada semua pasukan polis hanya sebahagian sahaja, jadi tidak sewajarnya kita menyalahkan keseluruhan perkhidmatan polis sehingga kita hendak mewujudkan suatu suruhanjaya yang baru bagi mengkaji perkhidmatan polis.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Kita amat menyokong di atas kenaikan gaji anggota polis kerana kita tahu anggota polis ini adalah merupakan nadi terpenting kepada perkhidmatan dan pentadbiran negara.

Tetapi pada waktu yang sama adakah Yang Berhormat bersetuju tentang tuntutan semakan yang dibuat oleh CUEPACS yang mana mereka telah pun menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kepimpinan CUEPACS ini dan mereka merupakan sebahagian besar daripada kakitangan perkhidmatan awam yang merupakan juga nadi terpenting bagi menentukan kelicinan dan pentadbiran negara kita ini.

Adakah Yang Berhormat setuju supaya semakan tentang kenaikan gaji ini juga turut diberikan perhatian yang khusus dan walau bagaimanapun tidak menjejaskan kedudukan kewangan negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Larut. Saya masukkan sebagai ucapan saya.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Di samping kenaikan gaji, saya minta juga supaya pihak kerajaan memberikan perhatian kepada kemudahan-kemudahan lain yang melibatkan pasukan polis termasuklah dari segi perumahan, dari segi perhubungan, kereta dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berapakah jumlah ibu pejabat polis daerah di seluruh negara yang usianya lebih daripada 20 tahun dan terdiri daripada bangunan kayu yang telah usang. Contohnya seperti di Ibu Pejabat Polis Daerah Maran yang telah terlalu lama dan tidak sesuai lagi untuk digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Maran yang baru telah dibina tetapi telah terbengkalai beberapa lama. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan kemajuan projek ini telah 70% tetapi telah pun dibatalkan. Saya hendak bertanya bilakah projek ini akan disiapkan. Apakah kerajaan bercadang untuk membatalkan terus projek ini dan apakah cadangan baru untuk dilaksanakan.

Jika kerajaan tidak meneruskan pelaksanaan projek ini saya memohon kerajaan memberikan peruntukan tambahan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Maran bagi kita meningkatkan kemudahan-kemudahan termasuklah memperbaiki bangunan-bangunan yang telah

usang dan rosak bagi menjamin keselamatan dan perkhidmatan yang baik kepada pasukan polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberikan satu lagi perkara dalam perbahasan ini di mana kemudahan perhubungan, tempat tinggal, bekalan air, api, jalan raya dan sebagainya adalah merupakan keperluan asas kepada masyarakat. Taraf jalan raya di negara kita ini telah semakin baik. Saya ingin bertanya kepada kerajaan berapakah jumlah panjang seluruh jalan raya mengikut kategori yang telah dibina di negara ini termasuklah lebuh raya, jalan persekutuan dan negeri, jalan tempatan, jalan luar bandar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru kita telah didedahkan dan dimaklumkan dengan pencapaian yang besar dalam kutipan tol di negara kita di mana tahun lepas sahaja sejumlah RM23.65 bilion tol telah dikutip di seluruh negara di sepanjang 18 lebuh raya di negara kita. Salah satu atau dua daripada kutipan tol ini ialah Lebuh Raya Pantai Timur yang telah mengutip sebanyak RM160 juta dan Lebuh Raya Karak-Kuala Lumpur telah mengutip sejumlah RM780 juta.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, saya sebagai warga Pantai Timur yang lalu tiap-tiap hari di Lebuh Raya Karak-Kuala Lumpur dan juga Pantai Timur merasakan kecewa dan sedih kerana keadaan kedua-dua lebuh raya ini amat mengecewakan. Lebuh Raya Karak-Kuala Lumpur umpamanya sampai sekarang dan boleh dikatakan sepanjang masa dibaiki. Tidak habis-habis dibaiki. Saya tidak tahu apa masalahnya dan saya minta penjelasan daripada kerajaan bilakah lebuh raya ini akan diselesaikan pembinaannya.

Begitu juga dengan Lebuh Raya Pantai Timur Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua melalui lebuh raya ini bukan sahaja kita melompat seperti seekor katak, tetapi lebih daripada itu kerana kualiti jalan yang telah rosak walau pun lebuh raya ini baru sahaja dibina dalam satu dua tahun. Saya telah ditemui oleh ramai penduduk di kawasan saya Parlimen Maran khususnya telah melahirkan rasa kecewa mereka. Mereka membayar tol yang lebih tetapi sebaliknya mereka tidak mendapat perkhidmatan yang baik semasa melalui lebuh raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang hendak saya sentuh ialah tentang pembangunan Koridor Pantai Timur. Saya suka mengucapkan tahniah kepada kerajaan di mana dalam usaha kita mengimbangkan pembangunan antara bandar dengan luar bandar termasuklah wilayah ini kerajaan telah melancarkan maklumat Rancangan Malaysia Kesembilan tiga koridor pembangunan iaitu koridor pembangunan selatan yang dikenali dengan Koridor Pembangunan Iskandar, Koridor Utara dan juga Koridor Pembangunan Pantai Timur.

Negeri-negeri di selatan koridor dan juga pantai barat sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, merupakan negeri-negeri yang telah banyak membangun berbanding dengan negeri-negeri di Pantai Timur seperti Pahang, Kelantan dan Terengganu dan ramai daripada rakyat-

rakyat Kelantan, Terengganu dan Pahang ini adalah terdiri daripada mereka yang miskin yang perlu dibela sebaik-baiknya.

Sebab itulah saya ingin bertanya pihak kerajaan saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian yang serius sebelum kita melaksanakan koridor Pantai Timur ini kita hendak memastikan supaya kawasan-kawasan kemiskinan, kawasan-kawasan luar bandar termasuk saya Parlimen Maran, Parlimen Pekan dan sebagainya akan termasuk dalam pakej pembangunan koridor Pantai Timur ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan saya yang hari saya sampaikan kepada Dewan ini dan saya berharap juga supaya pembangunan-pembangunan ini akan diseimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor-faktor yang boleh menyokong pembangunan sesuatu bandar ialah sistem perhubungannya seperti melalui udara (kapal terbang), melalui darat (lebuhraya dan juga kereta api dan juga laut) iaitu melalui perkapalan. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan ingin bertanya bilakah sebenarnya laluan kereta api yang dicadangkan oleh kerajaan daripada Kuala Lumpur ke Pantai Timur melalui Maran, Pekan dan Kuantan akan dilaksanakan kerana saya merasakan bahawa dengan adanya sistem ini di samping lebuhraya yang baik dan perhubungan udara dan juga laut, saya yakin bahawa pembangunan yang kita hendak bawa ke Pantai Timur ini akan dapat kita percepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya meminta supaya Kerajaan Persekutuan apabila melaksanakan program pembangunan koridor Pantai Timur ini yang akan dilaksanakan oleh Petronas hendaklah memastikan kita bincangkan betul-betul dengan kerajaan negeri. Sama ada negeri Pahang, negeri Kelantan dan negeri Terengganu, saya tidak mahu sebahagian sahaja daripada negeri-negeri ini akan mendapat faedah daripada koridor pembangunan Pantai Timur ini. Inilah harapan saya kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebut .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata banyak, banyak satu lagi?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sedikit lagi, bila dia satu lagi, satu lagi, dia campurlah. Rupanya Tuan Yang di-Pertua apabila bercakap ini, hilang sedikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sakit sudah hilangkah?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Boleh sambung lebih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang agak serius yang perlu saya sebut ialah tentang pembangunan masyarakat Orang Asli. Dua tiga hari lepas telah dilahirkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin) yang telah merasakan kurang senang tidak puas hati beliau di atas pencapaian pendidikan masyarakat Orang Asli di seluruh negara di mana 34.3% pelajar-pelajar Orang Asli tercicir ke tingkatan satu dalam tahun 2005.

Sementara itu, 39.89% tidak dapat melanjutkan pelajaran ke tingkatan lima. Inilah realiti yang sebenarnya berlaku. Apakah ini Tuan Yang di-Pertua membuktikan bahawa kita sebenarnya telah membangun. Saya tidak mahu kerajaan mengetepikan masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli adalah masyarakat negara kita dan ia sebahagian daripada kita. Sebab itulah saya hendak minta kerajaan meneliti balik apakah Akta Orang Asli – Akta 134 yang saya kira memberikan banyak faedah kepada Orang Asli ini tidak relevan lagi bagi mereka.

Kalau perkara ini tidak relevan, saya minta pihak kerajaan mengkaji semula dan berikan kekuatan yang terbaru bagi kita memastikan supaya masyarakat Orang Asli ini juga membangun bersama masyarakat-masyarakat lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup masa Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak sebut ialah tentang keselamatan jalan raya.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun] [Menyampuk]* Mencilah sikit.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya masa tidak ada, sedikit ya? Silakan sahabat saya.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya tertarik dengan tahap pencapaian Orang Asli tadi. Sebenarnya kalau kita melihat terutamanya macam dalam daerah Lipis apabila di campur contohnya dalam peperiksaan UPSR apabila di campur peratus kelulusan itu selalunya dia akan duduk di bawah sekali kerana sekolah-sekolah Orang Asli ini.

■ 1530

Jadi kalau kita hendak membina ataupun menambah baik pencapaian Orang Asli ini saya amat menyokong penuh. Dan akan memberi sokongan yang padu. Bagaimanapun apa jadi dengan sekolah-sekolah pedalaman yang kurang murid, yang terdiri daripada orang-orang Melayu terutamanya di tepi-tepi sungai ini. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara tersebut.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah sebut awal tadi, bahawa apabila kita gambarkan kekecewaan ataupun pencapaian prestasi pendidikan Orang Asli, apakah ini sebenarnya realiti yang berlaku dalam pembangunan luar bandar. Sebab itulah saya kira apa juga yang berlaku dalam masyarakat Orang Asli dari segi pendidikannya dan berlaku dalam sekolah-sekolah kebangsaan luar bandar adalah sama perlu kita ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang di sebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Lipis tadi, sebenarnya masih terdapat anggapan sebahagian sekolah bahawa prestasi kejatuhan sekolah-sekolah mereka adalah akibat daripada Orang Asli. Inilah satu anggapan

saya tidak mahu dengar. Kerana mereka juga adalah masyarakat di negara kita. Mereka jugalah menyumbang kepada pembangunan negara kita. Dan apakah peranan yang perlu kita buat, apakah tindakan yang sewajarnya perlu kita ambil supaya masalah perbezaan pembangunan ini dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada perkara yang terakhir ialah tentang keselamatan jalan raya. Kita didedahkan dengan banyak insiden-insiden atau peristiwa keselamatan jalan raya yang cukup menakutkan kita. Dalam Ops 12, Ops Sikap 12, beribu-ribu kemalangan telah berlaku. Dan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua dan Dewan ini, satu pasukan daripada kawasan saya telah mengalami kemalangan jalan raya di Kedah di Sungai Petani. Di mana dua orang telah meninggal dunia dan 18 orang cedera. Jalan-jalan raya ini walaupun kualitinya baik mungkin tetapi ada sebahagian daripada jalan-jalan yang tidak baik yang boleh membawa kepada kemalangan. Ditambah pula dengan sikap-sikap *driver*, pemandu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat negeri Pahang dan kawasan Parlimen Maran saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Menteri Besar Perlis, dan seluruh masyarakat Kedah dan Perlis dan pemimpin-pemimpin lain yang telah memberikan kerjasama yang sungguh baik kepada kita Parlimen Maran semasa kita menghadapi bencana ini baru-baru ini pada 2 hari bulan. Begitu juga ucapan saya kepada pasukan polis, keselamatan, bomba, kesihatan dan sebagainya, dan juga Hospital Sungai Petani, yang telah memberikan perkhidmatan yang baik. Saya kira Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyebutkan satu persatu mereka yang telah memberikan perkhidmatan kepada kita. Saya doakan supaya jasa dan perkhidmatan yang tuan-tuan berikan akan di balas oleh Allah S.W.T. Cuma, satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebut di sini yang dibangkitkan oleh satu dua orang yang terlibat dalam kemalangan itu. Kerana di katakan bahawa semasa kemalangan itu berlaku terdapat pasukan bomba di kawasan itu lambat perkhidmatannya.

Di mana dikatakan salah sebuah *machine* yang pemotong besi ini, tidak berperanan setelah 6 kali di *start*. Dan begitu juga satu lagi yang saya dimaklumkan ketika pasukan ambulans datang tidak terdapat cukup oksigen yang di bawa dalam ambulans berkenaan. Jadi saya tidak mahu menyalahkan kedua-dua pasukan ini bomba dan juga ambulans ini. Tetapi, saya ucapkan terima kasih kerana selama ini Tuan Yang di-Pertua jasa pasukan-pasukan keselamatan ini telah besar kepada kita tidak boleh menafikan. Tapi saya minta kepada Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan supaya kita pastikan peralatan-peralatan yang kita bawa ini bagi memberi bantuan kepada apa juga malapetaka, pastikan supaya berada dengan baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat masa cukup.  
[Menyampuk].

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** ... kerana saya tidak mahu nanti petugas-petugas, pegawai yang berada dalam kenderaan tersebut disalahkan kerana kesilapan kita sendiri daripada kerajaan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak dan dengan itu saya mohon menyokong terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pontian.

#### 4.44 ptg.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas kesempatan untuk membahaskan usul menjunjung kasih yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Dua perkara yang ingin di bangkitkan di kesempatan ini, dan kedua-dua perkara ini dirangkumkan di bawah satu perkara iaitu mengurus persepsi. Saban tahun banyak perkara yang berbangkit, ada pihak mengatakan bahawa ia adalah hanya persepsi masyarakat. Bukan sesuatu yang benar, bukan sesuatu perkara atau perkara yang diuar-uarkan yang menjadikan ianya di luar kawalan kita.

Pertama sebagai contoh, satu ketika kita berhadapan dengan pelbagai tuduhan bahawa kerajaan mengabaikan tanggungjawab mereka untuk menyelaras projek-projek pembangunan sama ada yang dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya sama ada ianya di tadbir urus oleh pihak perunding swasta atau pun mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap memastikan bahawa setiap projek pembangunan itu dilaksanakan dengan sempurna, dilaksanakan mengikut perancangan yang dibuat. Walau bagaimanapun seperti mana yang saya katakan tadi persepsinya ialah bahawa terdapat penyalahgunaan kuasa, kelalaian dipihak kerajaan tidak melaksanakan kewajipan mereka dengan bersungguh-sungguh.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini kita haruslah kita cari jalan untuk mengatasinya. Seperti mana yang tertera dalam akhbar mengenai kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi, bahawa dengan terlantiknya kontraktor yang tidak berkemampuan dengan wujudnya kontrak-kontrak yang melampaui tempoh masa siap kerja dengan terdapatnya kos projek yang melebihi daripada kos asal. Terdapatnya projek-projek yang gagal. Maka kerajaan merasakan bahawa banyak pengajaran yang berharga telah dipelajari dan ini bererti bahawa beberapa pendekatan juga telah dikenal pasti untuk mengatasi masalah ini. Maka satu kaedah ia ini pembentukan jawatankuasa yang kita ringkaskan sebagai PEMUDAH adalah bertujuan untuk memastikan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi dapat kita atasi.

Walaupun bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa kita kena mencari jawapan kepada persoalan, mengapakah projek-projek yang dibina oleh kerajaan menghadapi begitu banyak masalah seperti kualiti kerja, seperti mutu pengawasan projek-projek pembangunan, seperti mengawal kos pembangunan, memastikan dan mengelak daripada kelewatan siap kerja. Berbanding dengan projek-projek swasta. Kita

jarang mendengar projek-projek yang dibina oleh swasta menghadapi masalah yang serupa yang dihadapi oleh projek-projek yang dibina oleh kerajaan.

Sedangkan itulah juga pengalaman yang ditimba oleh kontraktor-kontraktor ini, itulah juga piawaian yang digunakan oleh perunding-perunding sama ada projek yang dilaksanakan oleh kerajaan mahupun projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta. Tetapi begitu banyak, apalah beza sangat bangunan MATRADE sebagai contoh, dengan bangunan katakan *One KL* yang betul-betul berhampiran dengan KLCC. Dua bentuk bangunan yang memerlukan struktur yang agak luar dari biasa. Oleh sebab *One KL* akan membina 95 kolam renang. Dan terdapat 94 unit. Ini bererti setiap unit rumah yang dibina walaupun ia sehingga mencecah 30 tingkat tetapi ia memiliki dan mempunyai kolam renang bagi setiap unit yang dibina.

Ini bererti bahawa struktur bangunan tersebut memerlukan sedikit keistimewaan dari segi reka bentuknya. Maka dengan ada keistimewaan, kalau dibandingkan dengan *One KL* dengan MATRADE, bangunan MATRADE tidak ada beza. Tetapi yang berbezanya ialah satunya projek akan siap dalam tempoh masa yang ditentukan dan satu lagi projek ia telah lewat hampir 10 tahun. Ini adalah satu perkara yang saya kira yang saya harap bahawa kerajaan akan mengambil faktor ini sebagai perkara yang dinamakan sebagai *lesson learnt* itu tadi.

■ 1550

Maka perlulah satu pendekatan dan juga satu persefahaman yang lebih menyeluruh dibentuk supaya perkara ini tidak berulang. Persepsi ini tidak menjadi sesuatu yang kekal di pemikiran masyarakat bahawa apabila projek itu dibina oleh kerajaan, peratus kegagalannya adalah tinggi, apabila projek itu dibina oleh kerajaan maka ini bererti bahawa kemungkinan kegagalan itu menjadi salah satu faktor yang akan berlaku di dalam pembinaan ataupun pembangunan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa kenyataan yang dibuat oleh *Malaysian Malay Businessman and Industries Association President* di dalam *News Straits Times* pada bulan awal Februari yang lalu, beliau menyatakan bahawa konsultan adalah merupakan punca utama projek-projek yang ada di negara ini gagal. Dan apa yang berlaku kepada konsultan tersebut, saya quote "*these people the consultant are not incompetent*", kata beliau, "*they are just plain corrupt*". Saya sebaik sahaja membaca berita ini menunggu apakah reaksi daripada persatuan ataupun badan-badan yang bertanggungjawab untuk mengawal perjalanan konsultan-konsultan di dalam negara kita. Tidak ada satu kenyataan pun yang dikeluarkan oleh badan-badan profesional ini apabila anggota ahli mereka dituduh bahawa bukan hanya mereka ini tidak mempunyai kemampuan tetapi mereka juga adalah golongan rasuah semata-mata.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut bangun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya bersetuju tadi Yang Berhormat mengatakan kelewatan sesetengah projek pembangunan ini adalah disebabkan oleh konsultan. Barangkali juga timbul di sini ialah masalah yang timbul dalam menyebabkan projek-projek ini lambat dilaksanakan ialah tentang pemindahan setinggan. Kerana setinggan pada hari ini sudah pandai untuk menuntut kos kerana mereka ini kalau tanah mereka diambil, tempat mereka hendak dipindahkan, mereka hendakkan rumah siap dengan segala kelengkapan. Ini merupakan masalah kepada pemaju yang mungkin hendak memajukan projek-projek tersebut.

Barangkali Yang Berhormat bersetuju sekiranya yang ke depan ini kita minta supaya mana-mana tanah kerajaan, tanah-tanah yang tidak dibangunkan lagi dipastikan tidak ada mereka masuk untuk menjadikan tempat itu sebagai setinggan. Kalau tidak sampai bila-bila pun perkara ini tidak dapat diselesaikan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang masalah setinggan ini yang juga perlu kita lihat sebagai satu aspek yang penting dalam memastikan kelicinan projek pembangunan ini.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya kita melihat kepada perlunya perancangan yang rapi dan menyeluruh. Terlebih dahulu dilakukan sebelum sesuatu projek pembinaan itu dilaksanakan, kerana ini akan merugikan kerajaan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada projek yang bangunannya sudah siap tetapi jalannya tidak ada, jalan masuknya tidak ada. Ada projek yang sudah siap tetapi terpaksa tidak disiapkan atau jalan yang sudah siap itu dikorek semula oleh kerana tidak adanya koordinasi yang tersusun antara agensi-agensi yang terlibat. Maka saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut bahawa kerajaan perlulah memastikan bahawa projek-projek yang hendak dilaksanakan sama ada melibatkan setinggan, melibatkan status tanah ianya terlebih dahulu, kita tidak perlu hendak terkejar-kejar oleh kerana hendak mencapai sesuatu sasaran tetapi kalau perancangan itu tidak rapi. Akhirnya akan memberi satu kos *implication* dengan izin yang begitu besar kepada pihak kerajaan itu sendiri.

Jadi berbalik Tuan Yang di-Pertua kepada perkara yang saya bangkitkan lebih awal bahawa saya amat kecewa dengan badan-badan profesional ini yang tidak tampil ke hadapan untuk membela kedudukan dan juga tuduhan yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang tertentu terhadap ahli-ahli mereka apabila sesuatu ataupun apabila terdapat kegagalan dalam pelaksanaan projek. Saya harap pihak badan-badan ini tampil untuk memberi hujah-hujah yang kukuh seperti sebab dan musabab mengapa peranan konsultan berbeza-beza daripada satu projek kepada satu projek yang lain sekiranya ada. Dan sekiranya berlaku kesilapan, maka sebagai anggota profesional, mereka haruslah bertanggungjawab di atas apa juga bentuk kesilapan yang dilakukan.

Kita amat berasa berbangga dengan pihak Jabatan Kerja Raya sebagai contoh, sehingga kini, sehingga akhir tahun 2006 seramai 750,852 orang telah dilatih dalam pelbagai

bidang untuk menentukan kesempurnaan projek-projek pembangunan yang hendak dilaksanakan bukan hanya oleh Jabatan Kerja Raya tetapi juga oleh agensi-agensi lain di dalam kementerian-kementerian yang terdapat di dalam kerajaan pada hari ini. Yang mana agensi-agensi ini terlibat dalam soal pengawalan dan juga menyelia projek-projek pembangunan. Ini adalah satu peranan yang begitu elok sekali atau yang baik sekali dimainkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Tetapi saya ingin mengingatkan bahawa persepsi adalah begitu buruk, persepsi adalah begitu keadaannya mendesak untuk Jabatan Kerja Raya mengubah pandangan dan tanggapan yang serong oleh masyarakat terhadap kemampuan dan kebolehan pegawai di semua peringkat di Jabatan Kerja Raya terhadap mengawal selia dan mengurus projek-projek pembangunan di negara kita. Saya harap pihak kementerian dapat memperjelaskan kepada kita usaha-usaha yang dibuat, JKR perlu menjelaskan kepada kita apa bezanya projek swasta yang kurang kegagalan yang kita lihat berbanding dengan projek-projek yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Yang kedua dan terakhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah saya menyeru supaya pihak kerajaan mencari jalan supaya Akta Penyiaran ini ataupun program-program yang disiarkan di TV, di bawah komunikasi itu apabila ianya merupakan sesuatu penyiaran untuk tontonan awam yang mencerminkan budaya negara kita yang boleh merosakkan masyarakat generasi muda dalam negara kita perlulah kita memperkukuhkan garis panduan seperti apa yang termaktub di dalam Akta Kebudayaan ataupun apa yang termaktub dalam Akta Penyiaran. Apabila dalam Dewan yang mulia ini satu ketika, kementerian menjawab mengenai soal yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan tentang beberapa rancangan yang disiarkan melalui stesen berbayar ASTRO dengan alasan bahawa itu adalah satu stesen yang berbayar. Maka perkara yang ditonjolkan adalah tertakluk di bawah Kementerian Komunikasi.

Maka ianya bererti bahawa tidak ada persamaan dari segi mengawal bentuk penyiaran program-program yang disiarkan oleh ASTRO berbanding dengan pihak-pihak penyiaran yang lain. Saya amat bimbang apa yang berlaku di negara jiran, Singapura sebagai contoh anak mudanya apabila ditanya kalaulah boleh diubah masa ini ataupun kalaulah keadaan dia itu boleh diubah, apakah jenis manusia yang dia ingin jadi? Atau apakah jati diri yang dia ingin? Jawapannya ialah dia ingin menjadi seorang yang sama seperti masyarakat barat. Budaya ketimuran sudah hilang, untuk mengaku dan mengiktiraf bahawa budaya timurlah budaya yang sempurna, budaya yang elok jauh lebih sempurna, tidak lagi menjadi keyakinan kepada anak muda ini. Maka saya bimbang dengan pengaruh program-program yang ditayangkan oleh stesen-stesen swasta ini. Saya difahamkan ASTRO mempunyai 100 *channel*.

■ 1600

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** 100 *channel* itu saya tidak fikir bahawa ASTRO menggunakan keseluruhan *channel* ini. Bila orang lain hendak buka stesen

TV, MiTV tidak dapat hendak bernyawa. Tidak sampai berapa hari telah tutup oleh kerana tidak dapat menguasai keperluan pasaran dan sebagainya. Maka ASTRO ini saya kira telah memaparkan satu yang seolah-olah tidak ada kawalan yang pada hari ini menjadi *favourite* atau menjadi sesuatu yang diminati sungguh oleh generasi muda.

Mutu iklan-iklan sudah tidak ada *Made In Malaysia*, walhal dalam Akta Kebudayaan, Akta Penyiaran, sudah ada jika hendak buat iklan pegang cawan itu mestilah merupakan tangan orang Melayu atau orang Cina atau orang India. Tetapi kalau iklan itu modelnya tidak mempunyai hidung yang mancung, tidak kemek macam saya dan juga Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, tidak adalah peluang untuk hendak jadi model. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pontian. Sebenarnya isu berkaitan dengan perancangan ataupun penapisan kepada program TV ini sebenarnya telah dibangkitkan di Parlimen ini oleh pelbagai pihak kerana kebimbangan kita yang sama tentang budaya hiburan, budaya hedonisme yang melampau. Sebenarnya satu jawapan telah pun diberikan oleh Timbalan Menteri Penerangan bahawa menjelang akhir bulan Disember 2006, satu suruhanjaya bersama antara lima kementerian akan menentukan kriteria tentang penapisan ini.

Jadi apakah pandangan daripada Yang Berhormat supaya kriteria-kriteria ini dapat dihebahkan kepada semua Ahli Parlimen untuk kita sama-sama meneliti dan yang lebih penting daripada itu ialah supaya program ini harus ditapis dan diatur semula supaya minda anak-anak kita khususnya golongan muda ini tidak terlalu terdedah kepada hal-hal hiburan yang melampau. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Jangan takut hendak buat perubahan. Lupakan Jawatankuasa Bersama ini, pindahkan segala perkara yang bersabit dengan budaya, yang bersabit dengan penyiaran di bawah Akta Penyiaran. Tidak perlu ianya berada di bawah komunikasi. Pindahkan sebelum kita terlewat. Kita ingin melihat bahawa generasi muda kita ini tidak terpengaruh dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan identiti mereka. Kita bimbang pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan generasi muda di masa yang akan datang. Tidak perlu kita hendak takut. Kita hendak ubah. Kita merasakan Dewan yang mulia ini sebagai contoh, saya sudah bangkitkan kepada Menteri Belia dan Sukan, bila hendak meminda akta, sebagai contoh akta dalam Dewan ini pada sesi ini kita akan meluluskan, kita akan membincangkan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia.

Dahulu kita bukan main lagi kita gambarkan. Kita berbelanja beratus juta. Akhirnya keluarlah program yang dinamakan Rakan Muda, rakan itu dan rakan ini kerana ramai golongan muda yang melepak, ramai golongan muda yang menghisap dadah, ramai anak gadis kita yang membuang bayi, yang terlibat dengan gejala sosial, beratus juta kita belanjakan,

berpuluh juta kita guna untuk membuat iklan bagi menyatakan kepada masyarakat, kebimbangan kerajaan, kebimbangan negara kita terhadap budaya yang menular dalam masyarakat muda.

Akhir-akhirnya gambaran yang diberi apabila kita hendak membincangkan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia ini, kita katakan golongan itu hanyalah sebenarnya berbanding dengan populasi belia hanyalah sebilangan kecil. Tetapi kalau satu ketika kita merasakan kebimbangan yang begitu, berbelanja begitu besar dan akhirnya kita kata yang berpenyakit daripada kalangan belia itu, hanya segelintir sahaja, saya kira kita ragu dengan fakta-fakta, data-data yang hendak dikemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan ucapan Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Jadi kita harap perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, akan diambil iktibar bahawa kita harus melakukan sesuatu dengan segera, kita harus mempercepatkan usaha-usaha kita untuk mengelak golongan muda ini terjebak. Jadi saya harap supaya ASTRO ini segera diletakkan di bawah Akta Penyiaran supaya apa juga yang hendak dipaparkan ini, apa juga yang hendak ditonton oleh anak-anak muda kita ini akan merupakan sesuatu yang mempunyai nilai, sesuatu yang mempunyai kehendak negara kita, bukan kita mengikut kehendak orang lain.

Kita terbaca di akhbar satu ketika, pengacara TV3 kononnya hendak mengacara *Academy Award*, Tuan Yang di-Pertua, di Hollywood, tidak boleh hendak berbuat demikian oleh kerana beliau terpaksa berpakaian cara orang Hollywood, terdedah sana, terdedah sini. Maka apabila dia tidak dapat menuruti kehendak masyarakat tersebut, maka dia tidak dibenarkan. Mengapa harus kita yang ada cara kita, yang ada budaya kita, yang ada nilai kita, kita harus hendak berkompromi dengan nilai-nilai luar, perkara-perkara luar yang hendak masuk ke dalam negara kita? Kita ini seolah-olah terlalu banyak sangat, terlalu boleh dianggap lemah.

Sebab itu saya mengatakan hendak menguruskan persepsi ini kita harus berani membuat perubahan. Kalau tidak, walau sampai bila pun kita akan berada dalam keadaan yang terdedah, apa juga yang kita buat tidak akan menjadi betul, tidak akan dianggap betul...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat ya.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** ..dan ini akan menjadi masalah yang berlanjutan dari masa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ini. Saya dengan ini menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera dahulu.

**3.07 ptg.**

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan sidang Dewan ini yang saya kira merangkumi semua aspek. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan terutamanya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana walaupun baru diwujudkan, tetapi telah mampu untuk membawa Malaysia menjadi sebahagian kumpulan negara elit di dalam kumpulan *space player*.

Dalam ASEAN hanya tiga sahaja negara *space player* iaitu Thailand dan Indonesia dan di dalam ASEAN juga kita merupakan negara yang pertama yang berjaya untuk menghantar angkasawan ke angkasa lepas. Negara kita menjadi salah satu negara maju dari segi IT. Negara kita bergerak ke arah *paperless* dan *wireless*. Cuma yang kita takut, negara kita tidak mempunyai undang-undang yang cukup...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Lipis, hendak bagi jalan?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tidak mempunyai undang-undang yang cukup dan kita tidak mahu kita menjadi *lawless*.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Di sini pasal berkait dengan ucapan tahniah tadi, saya juga hendak mengambil kesempatan untuk kita juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang telah dapat menganjurkan Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam – Sains Melalui Zaman dengan jayanya. Jadi kalau kita lihat rata-rata penduduk yang menengok pameran itu merasakan bahawa pameran itu sangat baik dan kalau dapat dibawa ke kawasan Parlimen untuk ....

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih. Saya akan bawa cadangan daripada Yang Berhormat bagi Lipis kepada menteri. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kita mesti bergerak seiring dengan kemajuan negara. Saya menyebutkan tadi bahawa kita telah menjadi salah satu negara *space player* kerana syarikat swasta telekomunikasi kita telah berjaya menghantar tiga satelit.

■ 1610

Kerajaan telah pun menghantar TiongSAT dan tidak lama lagi akan menghantar RazakSAT dan kita juga akan menghantar angkasawan ke angkasa lepas. Tetapi persoalannya, adakah kita mempunyai cukup undang-undang di dalam isu angkasa lepas ini? Saya ingin tahu sejauh manakah kerajaan meratifikasi *treaties* angkasa lepas yang ada dan yang sebahagiannya telah pun ditandatangani oleh negara-negara angkasa lepas yang lain. Undang-undang apakah yang melindungi kita apabila kita menghantar satelit dan jika terjadi

kemalangan misalnya, jika terjadi letupan satelit dan menimpa negara lain, apakah perlindungan atau apakah ada undang-undang yang melindungi perkara ini?

Mungkin jawabannya ialah kita akan merujuk kepada undang-undang antarabangsa yang biasa tetapi sehingga ini saya percaya tidak ada satu undang-undang yang khusus mengenai perkara ini. Sedangkan sudah terdapat lima *treaty* angkasa lepas yang sangat penting. Misalannya *treaty* mengenai penggunaan angkasa lepas secara aman dan yang keduanya misalnya konvensyen mengenai *liabilities* berkaitan dengan angkasa. Saya dimaklumkan bahawa sehingga hari ini, kita masih belum mempunyai ataupun meratifikasi ataupun menandatangani *treaties* yang saya sebutkan tadi.

Jadi saya berharap supaya pihak kementerian dengan segera melihat perkara ini dan meratifikasi dan kalau boleh dengan segera menandatangani *treaties* angkasa seperti di negara-negara lain. Kerajaan juga mestilah mengkaji dengan segera untuk mewujudkan undang-undang domestik mengenai industri angkasa lepas seperti di negara-negara lain seperti di United Kingdom, di Russia, di United States of America, dan juga di negara Afrika Selatan untuk menguruskan *players* swasta di dalam industri ini. Saya ingin maklumkan walaupun pihak swasta yang menghantar satelit, tetapi yang bertanggungjawab adalah kerajaan kita.

Walaupun pihak swasta yang menghantar mikro satelit ke angkasa, tetapi apabila terjadi sesuatu kemalangan yang dipertanggungjawabkan bukan kepada syarikat swasta tersebut, tetapi adalah negara kerana permohonan untuk menghantar sesuatu satelit dibuat oleh negara berkenaan. Dengan itu, saya kira perlu untuk diwujudkan dengan segera polisi yang lebih jelas mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu yang lain. Saya pernah berucap dengan panjang lebar mengenai kecurian wang apabila kita menggunakan *electronic banking*. Pada hari ini, kecurian wang masih lagi berlaku. Jenayah kewangan melalui komputer merupakan satu masalah yang amat serius sekarang ini.

Pada Januari 2007 sahaja untuk seluruh dunia hampir 28,000 serangan ataupun *attack* ke atas komputer dilaporkan di seluruh dunia dan kebanyakannya ialah melibatkan institusi-institusi bank dan juga kewangan. Anggaran kerugian akibat daripada kehilangan wang melalui *e-banking*, pada setiap tahun ialah hampir mencecah USD1 bilion dan di Malaysia juga, kita tidak terlepas daripada perkara ini. Pada tahun lepas, seramai 14 orang ditangkap di negara kita kerana melakukan kecurian wang melalui komputer atau dipanggil *phishing* ini. Saya ingin maklumkan pada Mei 2005, daripada jumlah *phishing* seluruh dunia dilaporkan 3% daripada keseluruhan *phishing* yang berlaku di dunia berlaku di negara kita di Malaysia.

Di United Kingdom pada 2006, kegiatan *phishing* meningkat kepada 8,000% setahun. Ini jelas menunjukkan jelas bahawa isu ini adalah isu yang serius. Isu *phishing* ataupun mencuri wang melalui komputer ini merupakan isu yang amat serius. Pada hari ini, seperti yang kita tahu bahawa negara kita masih belum mempunyai apa-apa undang-undang untuk

menyekat perkara *phishing* berlaku. Di Amerika sudah ada *Anti-Fishing Act* telah pun ditubuhkan, telah pun digubal dan telah pun digunakan. Saya telah mencadangkan beberapa perkara kepada pihak bank dan saya hendak tahu daripada pihak kementerian jawapannya. Misalnya yang pertama saya mencadangkan pada sesi yang lepas supaya diwujudkan atau digubal undang-undang khusus mengenai perkara ini.

Adakah perkara ini dilakukan? Saya juga mencadangkan kepada Bank Negara supaya program pendidikan kepada pelanggan mengenai bahaya *phishing* ini dibuat dengan segera. Saya juga mencadangkan supaya pihak bank membuat *brochures* dan juga membuka *website* supaya pelanggan-pelanggan dapat melihat dan mengetahui dengan lebih jelas tentang perkara ini. Saya juga mencadangkan supaya diadakan *road show* mengenai *phishing* ini. Akhirnya saya telah mencadangkan supaya diwujudkan *double otification* ataupun otifikasi kedua supaya lebih menyusahkan penjenayah-penjenayah komputer di dalam mencuri wang daripada pelanggan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan adakah perkara ini telah pun dilakukan dan saya ingin tanya apakah yang terjadi kepada 14 penjenayah yang telah didakwa?

Di bawah undang-undang manakah mereka didakwa? Adakah di bawah undang-undang Kanun Keseksaan ataupun di bawah *Computer Crime Act*, kerana pada hari ini kita masih belum mempunyai undang-undang khusus mengenai *Phishing Act* ini. Saya juga banyak menyentuh pada waktu yang lepas tentang undang-undang Perlindungan Data Peribadi (*Personal Data Protection*) yang sehingga pada hari ini masih belum mendapat jawapan yang jelas. Saya sudah berucap hampir dua tahun mengenai isu ini. Pada hari ini belum ada lagi sebarang jawapan yang memuaskan. Perkara ini perlu disegerakan undang-undang *Personal Data Protection* ini perlu disegerakan kerana salah satu isu yang dibangkitkan di dalam rundingan FTA dengan Amerika ialah undang-undang kita tidak mempunyai *Personal Data Protection Act* ini.

Jika Malaysia ingin menjadi pusat *outsourcing* seperti India dan China, undang-undang ini mesti diwujudkan dengan segera. Malaysia juga telah memberikan komitmen untuk melindungi data peribadi ini dalam *APEC Privacy Framework* dan sehingga hari ini kita tidak nampak komitmen selain daripada komitmen yang dipersetujui di dalam mesyuarat tersebut. Telah banyak berlaku penyelewengan yang melibatkan data peribadi ini. Saya ingin memberi contoh, salah satu contohnya ialah apabila berlaku pindah milik tanpa kebenaran di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) baru-baru ini, sehingga hari ini tidak ada satu kawalan pun di dalam Pejabat Tanah dan Galian atau di mana-mana, tidak ada satu undang-undang pun yang menyekat akses oleh sesiapa sahaja untuk melihat data peribadi sesiapa di dalam mana-mana komputer.

Saya rasa rakan-rakan yang lain tentu seperti saya pernah menerima surat setiap minggu dan setiap bulan yang dihantar daripada seorang sami dari Siam daripada negara

Thailand, daripada utara Malaysia yang setiap bulan menghantar mengenai dia pakar ramalan nombor ekor. Saya rasa ramai yang menerima. Setiap bulan saya terima, siapa hendak kaya hendak nombor ekor, sami Siam itu boleh meramalkannya supaya menang. Saya bukan hendak suruh pergi jumpa sami Siam itu, cuma saya hendak memberitahu dari mana sami Siam ini mendapat nama setiap orang daripada kita, dengan alamat dan sebagainya. Tentu sahajalah sami Siam ini mendapat nama daripada data-data yang peribadi kita yang berada di dalam mana-mana komputer dan sebagainya.

■ 1620

Dan tidak ada tindakan boleh dilakukan kerana tidak adanya undang-undang khas mengenai perkara ini seperti *Data Protection Act* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan Yang Berhormat ucapan.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya ingin pergi Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya ada, lepas ini ada satu lagi isu yang sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, segerakan ya.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya ingin merujuk pergi, saya tak ada bunga-bunga lah terus pergi kepada isu yang sedang hangat diperkatakan pada hari ini. apabila kita menjadi negara maju, kita membuka negara kita tetapi akhirnya apabila kita menjadi begitu liberal tentang internet dan sebagainya, akhirnya internet telah menjadi satu medium untuk memfitnah pemimpin-pemimpin negara, untuk mengedar bahan-bahan lucah dan segala-galanya. Internet telah pun disalahgunakan.

Ramai pemimpin-pemimpin negara kita termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan baru-baru ini Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri juga tidak terlepas daripada fitnah-fitnah yang dibuat di dalam internet oleh *bloggers-bloggers* ini. Persoalannya ialah apabila kita menjadi maju dan kita terlibat dan membuka negara kita dengan internet dan sebagainya, apakah kita mempunyai undang-undang untuk menyekat perkara ini? Kita mempunyai banyak undang-undang untuk menyekat penyebaran secara lain.

Akhbar-akhbar perdana misalnya seperti *Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times, The Star* dan sebagainya begitu juga media elektronik terpaksa, terikat diri mereka dengan berbagai-bagai undang-undang seperti undang-undang *defamation*, undang-undang fitnah, undang-undang cetak, Akta Cetak dan sebagainya. Berbagai-bagai undang-undang yang menyekat mereka. Tetapi dalam masa yang sama, *bloggers-bloggers* tidak pernah dapat disekat. Rakyat akhirnya lebih mempercayai *bloggers* daripada akhbar-akhbar yang diberi kebenarannya oleh kerajaan.

Pada hari ini saya difahamkan terdapat sebuah akhbar yang mendapat surat daripada KDN apabila mengeluarkan cerita yang agak sensasi. Tetapi *bloggers-bloggers* terus

menyiarkan berbagai-bagai fitnah di dalam *blog* mereka dan saya tidak menyalahkan semua *bloggers* kerana ada *bloggers* yang bertanggungjawab seperti Kadir Jasin, Sang Kelembai, dia tulis nama dia. Tetapi ada *bloggers* yang tidak didaftarkan dan biasanya didaftarkan di luar-luar negara. Dan saya harap pihak kementerian mencari satu jalan penyelesaian, mencari satu cara untuk menyekat *bloggers-bloggers* ini terus berleluasa di dalam menyebarkan fitnah, menyiarkan gambar-gambar lucah dan sebagainya yang saya kira menjejaskan nama ramai pemimpin negara kita.

Akhir sekali Yang Berhormat,

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan, penjelasan. Kenapa Yang Berhormat semacam pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional lain begitu anti *blog*? Dan bukankah sebenarnya semua dan banyak majoriti *blog-blog* yang dikecam sekarang, mereka ada nama sendiri, *name blog blogger*. Bukan orang yang seperti sembunyikan. Mereka ada *blog* nama mereka dan kenapa tidak ada Ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada *blog* sendiri untuk jawab perkara dalam internet? Semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional takut ada *blog*! Kenapa?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Ketawa]. Ada marah ke? Saya dah sebut tadi bahawa ada *bloggers* yang bertanggungjawab. Saya dah sebut tadi ada Kadir Jasin, dia bertanggungjawab. Dia tulis nama dia. Yang saya kata ini *bloggers* yang tidak...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kenapa tak sebut Fong Po Kuan, Kula Segaran, saya pun. Kita pun ada nama!

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh. Lain-lain nama termasuklah yang disebutkan tadi. Yang saya sebut terdapat *bloggers* yang tidak bertanggungjawab, yang tidak mendaftarkan nama mereka di negara kita. Mereka daftar di Yahoo, Goggles dan sebagainya di luar daripada negara kita dan tidak menulis nama mereka sendiri. Dan kita tidak ada masalah kepada *bloggers* yang bertanggungjawab yang menulis nama dan tidak menyebarkan fitnah. Kalau ada fakta yang ditulis, tidak ada masalah. Tetapi kalau tidak ada nama, *bloggers* ini taraf dia sama sahaja dengan surat layang dan saya mengatakan tidak adil kepada akhbar-akhbar perdana. Yang mereka terpaksa disekat dengan pelbagai undang-undang sedangkan *bloggers* bebas untuk membuat apa sahaja yang difikirkan sesuai untuk mereka sedangkan bertentangan dengan undang-undang negara. Saya ingin...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan, satu sahaja yang terakhir. Adakah ini bererti bahawa Yang Berhormat sekarang bercadang bahawa kita mansuhkan *guaranty* yang kita ada buat *Multimedia Super Corridor* bahawa tidak ada *internet censorship*. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa kita membatalkan jaminan itu?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya cuma meminta supaya pihak kerajaan memikirkan cara yang paling sesuai untuk menyekat *bloggers* ini. Kalau perlu dibatalkan kepada kumpulan yang memfitnah ini, kalau perlu dibatalkan *guaranty* tersebut, saya kira tidak

ada masalah sebab bagi saya yang penting ialah mereka yang bertanggungjawab. Mereka yang tidak bertanggungjawab tidak berhak untuk dibiarkan secara terbuka memfitnah pemimpin-pemimpin negara dan sesiapa sahaja di dalam negara ini. Kita tidak mahu kebebasan di dalam internet itu digunakan, disalahgunakan yang akhirnya menjejaskan semua pihak. Kalau kita lihat banyak *bloggers*..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tiba-tiba mengadu domba perkauman di dalam *blog* mereka. Tiba-tiba isu yang ditimbulkan untuk melaga-lagakan hubungan antara agama. Adakah hanya kerana kebebasan *bloggers*, maka kita sanggup untuk membiarkan masalah perkauman, masalah anti agama merebak di dalam negara ini yang akhirnya mengancam keselamatan? Saya rasa kebebasan ini perlu ada had. Dan jangan kerana atas nama kebebasan, kita membiarkan isu ini boleh merosakkan hubungan yang baik di antara kaum dan agama negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya nak masuk sedikit sahaja. Saya rasa tak boleh saya tak masuk. Oleh kerana saya lihat di dalam *American Chronicle* pada tarikh 21 Mac, Bolton, bekas duta United States ke United Nation mengatakan bahawa untuk menghentikan nuklear Iran, kita mesti menukarkan kerajaan ini ataupun jika tidak gunakan secara kekerasan tentera. Iran saya kira berada di dalam keadaan yang tertekan kerana tekanan daripada Amerika Syarikat dan kuasa besar ini. Nampak dari segi caranya Amerika mungkin akan menggunakan kekuatan tenteranya untuk menyerang Iran dan sebagainya.

Saya lihat apa yang dilakukan oleh Amerika adalah mereka ke arah untuk menyerang Iran dan pada hari ini cuba membuat satu persepsi bahawa Iran merupakan satu negara yang bahaya. Amerika mengatakan Iran dan Korea Utara misalnya sebagai paksi kejahatan. Dan yang terbaru Hollywood mengeluarkan cerita sejarah Parsi yang begitu kejam dan mereka sedang ke arah untuk menukarkan persepsi bahawa Iran merupakan negara kejam yang perlu diserang dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Iran tidak pernah menyerang negara luar, Korea Utara tidak pernah...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sebentar Yang Berhormat ya, saya nak habiskan. Saya nak habiskan ayat saya. Iran tidak pernah menyerang sebarang negara luar. Korea Utara juga tidak pernah menyerang sebarang negara luar. Bagaimana mereka boleh dianggap sebagai paksi kejahatan? Sedangkan yang menyerang negara luar adalah Israel. Seluruh jiran mereka diserang. Jordan, Syria, Mesir, Lebanon diserang oleh Israel dan Israel mempunyai senjata nuklear. Amerika jelas merupakan negara yang menyerang banyak

negara. Amerika menyerang Afghanistan, Amerika menyerang Iraq, Amerika pernah masuk ke negara luar untuk menangkap pemimpin negara tersebut walaupun negara tersebut merupakan negara mereka.

Yang menjadi bahaya kepada dunia adalah Amerika. Yang menjadi negara yang berbahaya kepada dunia adalah Amerika dan Israel kerana mereka telah membuktikan kejahatan mereka. Yang sepatutnya dianggap sebagai paksi kejahatan adalah Amerika, Israel dan kuasa-kuasa besar yang lain. Amerika tidak boleh mengatakan bahawa dengan adanya kekuatan di Iran, maka Israel rasa tercabar dan rasa takut diserang dan sebagainya kerana tidak ada bukti Iran merupakan negara yang menyerang orang. Tidak ada alasan mengatakan Israel perlu ada kuasa nuklear kerana di kelilingi oleh negara Arab kerana negara Arab tidak pernah menyerang Israel dan sebagainya. Saya kira Iran perlu ada senjata nuklear kerana ancaman yang tidak henti-henti daripada Amerika selepas sahaja revolusi Islam di Iran.

■ 1630

Sejak daripada jatuhnya Kerajaan Shah di Iran, Iran tidak pernah henti-henti sejak itu diancam oleh Amerika dan sahabat-sahabat Amerika di sekitar negara Arab. Amerika pernah menggunakan Iraq untuk menyerang Iran selama 10 tahun di dalam perang di antara Iraq-Iran. Yang terasa terancam adalah Iran dan saya kira Iran perlu mempunyai senjata nuklear mereka sendiri.

Begitu juga dengan Korea Utara. Korea Utara tidak pernah menyerang. Tetapi jika dikatakan bahawa Korea Utara terancam, Korea Utara boleh mengatakan mereka terancam kerana tentera-tentera Amerika berada di Korea Selatan dan juga berada di negara Jepun, mereka terancam.

Akhirnya sebagai penutup, saya minta supaya kerajaan Malaysia mesti memainkan peranan yang lebih aktif dan menyerlah di dalam mengetuai Negara-Negara Dunia Ketiga terutamanya negara Islam terhadap mereka ini. Negara Islam pernah menggunakan kuasa minyak, cadangan supaya menggunakan dinar ataupun euro menggantikan wang Amerika perlu diberi perhatian. Dan juga kempen-kempen supaya kuasa *veto* dihapuskan dan memberikan undi, satu negara satu undi. Perkara ini perlu diteruskan, Malaysia mesti menjadi *champion*, mesti menjadi lebih aktif dan menyerlah supaya kita terus dihormati oleh semua negara bukan sahaja negara Islam tetapi negara di dunia. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat

**04.32 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus ke isu-isu berkaitan dengan masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam pembukaan Parlimen oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Ini adalah satu *function* yang sangat besar dan satu harapan yang baru kepada masyarakat di negara ini.

Pada hari itu beberapa orang kenamaan telah diundang datang ke Parlimen. Di antaranya adalah Ketua Hakim Negara. Yang menjadi aneh dalam 50 tahun tidak pernah satu Ketua Hakim Negara tidak hadir di pembukaan Parlimen. Ini saya rasa adalah satu perkara yang sangat serius. Apakah yang lebih penting kepada seorang Ketua Hakim Negara dari menghadiri di Parlimen. Lebih-lebih lagi ia pembukaan rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa itu adalah satu penghinaan bukan sahaja kepada masyarakat, kepada Ahli-ahli Parlimen, tetapi juga kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, dalam 50 tahun ini beberapa tahun dulu lebih kurang 12 hakim dipelawa datang ke pembukaan rasmi tetapi oleh kerana kekurangan tempat, ianya telah dikurangkan kepada 6, 5 dan sebagainya. Tetapi dalam 50 tahun ini tidak pernah satu *Chief Justice* membuat sedemikian dan itulah di antaranya dia perlu memberi satu sebab yang tertentu. Bukankah pembukaan Parlimen dan kehadiran beliau dengan izin, *constitutional monarchy* di mana *the head of the judiciaries is the King*. Apakah yang lebih mustahak dari menghadiri di Parlimen ini. Saya difahamkan dia berada di Sabah pada waktu tersebut. Walhal banyak kes-kes yang beliau sendiri telah menghadiri *he has created a Guinness Book of Records* pada tahun dulu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dalam internet, [www.kehakiman](http://www.kehakiman), tidak ada satu *written grounds of judgement*. Apakah satu Ketua Hakim Negara boleh buat atau tidak boleh berbuat sedemikian. Dia adalah satu simbol di mana *policy decision, policy judgement* yang dikeluarkan di negara ini. Tetapi bukan satu keputusan ditulis oleh beliau.

Lagi-lagi tidak hadir pada pembukaan Parlimen dan sekarang difahamkan dia sendiri telah mengatakan beberapa hakim di negara ini korup dan telah terlibat di dalam korupsi. Itulah sebab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa masa sudah datang supaya dia mengambil tindakan dan *resign* sebagai Ketua Hakim Negara.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah itu Ketua Pendaftar Kehakiman di negara ini? Setiap kali seorang yang dilantik sebagai Ketua Hakim, Ketua Pendaftar kerap kali selepas itu beliau dilantik sebagai *judicial commissioner* atau hakim. Ini kali pertama di antaranya di mana seorang bernama Sabariah. Walaupun beliau memegang jawatan tersebut difahamkan beliau telah dihina dan ditukar, dipindah ke satu jawatan yang kurang dari sebagai Ketua Pendaftar. Taraf dia telah dihantar sebagai hakim di Mahkamah Sesyen. Ini kali pertama. Sebagai ganti telah dilantik seorang bernama Ahmad Takarudin. Saya difahamkan bahawa Ahmad Takarudin Salleh walaupun telah dilantik sebagai Ketua Pendaftar, tidak berada di pejabat beliau. Kerap kali beliau hanya berada dengan Ketua Hakim Negara menolong beliau membuat kes-kes dan membuat *arrangement -arrangement* yang tertentu.

Tetapi yang kita hendak tanya, peguam-peguam di negara ini tanya kenapa dia diberi gaji sebagai Ketua Pendaftar tetapi tidak bekerja di sana dan lagipun dia adalah seorang *junior officer* dilantik ke jawatan tersebut, memegang jawatan itu dia lompat 10 orang di depan beliau, *who are much more senior* dan lebih *capable* daripada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Februari, *The Judicial and Legal Service Commission* telah mengadakan mesyuarat kenapa satu keputusan melantik Ketua Hakim Malaya tidak dibuat walhal ini kali pertama dalam sejarah Ketua Hakim Negara memegang jawatan sedemikian. Apakah terjadi pada mesyuarat tersebut pada 21 Februari. Dan ini juga..., *he has created a number of records*. Ini kali pertama di mana setiap kali ada mesyuarat di antara Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Pendaftar semua sekali gus tetapi beliau mengadakan mesyuarat-mesyuarat berasingan. Adakan satu mesyuarat di Kota Kinabalu untuk majistret, ada satu mesyuarat untuk Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Baharu, ada satu lagi mesyuarat Pendaftar di Pulau Pinang dan sebagainya. Ini bukan sahaja membuang, membazirkan wang tetapi juga mengambil masa setiap kali kes-kes mahkamah ditunda oleh kerana ini.

Tuan Yang di-Pertua, di naskhah buku Istiadat Pembukaan Penggal ke-4 Majlis Parlimen Malaysia yang Kesebelas. Di muka surat 7, dengan jelas menunjukkan bahawa kehadiran di antara kehadiran dif-dif yang mustahak adalah Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dan isteri. Bukankah dia diwajibkan. Apakah sebab dia tidak berada di sini?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu adalah pelantikan yang tidak telus, pelantikan hakim-hakim ke Mahkamah Tinggi. Tidak ada satu sistem walaupun syor-syor telah dibuat oleh Majlis Peguam, peguam-peguam dan lain-lain orang. Tetapi tidak ada satu sistem yang telus di mana pelantikan dan kenaikan pangkat boleh dikenali dengan senang sahaja. Sekarang nampaknya ia semua di *has been hidden* dengan izin.

Baru-baru ini pelantikan seorang *judicial commissioner* yang disebarkan oleh *New Straits Times* pada 17 Mac. Seorang yang bernama Doktor Badariah. Walaupun dia ada *credentials* yang tertentu, seorang yang sangat berkelayakan dari segi akademik, *academy qualification*. Tetapi dari segi undang-undang, hairannya pelantikan beliau dibenarkan. Dia tidak ada kelayakan-kelayakan yang diperlukan dari segi undang-undang.

■ 1640

Di antaranya dia tidak pernah menjadi seorang peguam cara atau peguam bela bertauliah yang diperlukan dan dimestikan sebelum satu pelantikan dijadikan dari segi perlembagaan. Kita tahu sebelum itu di mana dua pengerusi yang telah dilantik ke Mahkamah Perusahaan yang mana di sana diwajibkan seseorang perlu bertugas sekurang-kurangnya tujuh tahun. Mereka itu telah diarahkan meletak jawatan dan walaupun itu terjadi dan kes itu telah dibawa hingga ke Mahkamah Persekutuan.

Satu lagi kes sebenarnya kerana dengan pelantikan ini walaupun pelantikan diperlukan macam mana satu pelantikan boleh terjadi macam ini dan bukankah pihak-pihak berkenaan

termasuk Ketua Hakim Negara mendapat pandangan dari Peguam Negara atau pandangan daripada Majlis Peguam. Saya difahamkan Majlis Peguam tidak ditanya mengenai pandangan mereka, adakah pihak yang ingin dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman adakah mereka ini layak atau adakah, 'kualifikasi-kualifikasi' yang tertentu dan pada 17 Mac bila ia disenaraikan *and the detail mechanics* di mana *appointment* itu dibuat semua ada di sini menunjukkan bahawa saya sayangnya kerana orang ini walaupun 'berkualifikasi' yang tinggi tetapi dari segi undang-undang dari segi Akta Perlembagaan Persekutuan tidak layak dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya Kehakiman. Dan macam mana ini boleh terjadi?...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Nothing personal.*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Walaupun mungkin satu hari nanti saya terpaksa berada di hadapan beliau, tetapi *this nothing personal* tetapi ini adalah satu perkara yang... *our judiciary should not be a laughing stock.* Yang mustahak adalah perlu membawa *confidence* bukan sahaja kepada publik tetapi juga kepada peguam-peguam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin bangkitkan perkara-perkara di Simpang Renggam. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima lebih kurang 300 *pages* dokumen dari beberapa orang yang terlibat yang telah ditahan. Semua mereka *sign* di sini dan mengatakan bahawa di antara mereka yang ditahan adalah seperti mencuri motosikal tidak ada asas mereka disimpan di sana. Ada satu kes di mana dia dituduh mencuri RM50 dia disimpan di Simpang Renggam. Saya difahamkan bahawa perkara-perkara ini sangat banyak wujud dan Tuan Yang di-Pertua, sayangnya bahawa orang-orang yang ditahan di Simpang Renggam bila dia masuk dia adalah *very minor offender*, bila dia keluar, dia *become hardcore criminal.*

Jadi perkara ini adalah satu *processing centre* di Simpang Renggam telah disalah guna. Saya pohon agar semua kes-kes di sana dikaji balik dan melepaskan sesiapa dengan segera kalau mereka tidak dihadapkan ke mahkamah. Kalau boleh Simpang Renggam patut ditutup.

Sebenarnya akta-akta berkenaan sudah tidak ada makna, boleh menjadi *irrelevant* pada masa sekarang dan patut dihapuskan dan saya difahamkan ramai di antara orang yang ditahan di sana tidak tahu apakah sebab mereka ditahan dan ramai di antaranya lebih kurang 50% adalah dari masyarakat India. Sebab itulah saya selalu berkata dengan izin, *the highest alcoholic rate, highest dropout rate from school, highest single mother, highest criminal activity,* 33% di negara ini adalah masyarakat India dan mereka semua ramai di antaranya ada di Simpang Renggam.

Semalam saya menerima satu panggilan telefon mengatakan bahawa ada seorang yang ditahan di Simpang Renggam dua tahun lepas itu dibuang negeri dua tahun lepas itu disambung balik, sudah dua tahun, dua tahun. Dia pun tidak tahu kenapa. Tetapi saya difahamkan ini adalah atas rekomendasi polis, *internal mechanics, internal working.*

Tuan Yang di-Pertua, banyak kes yang berkenaan perkara tersebut tetapi saya rasa di antaranya yang mustahak ialah menteri yang membuat keputusan. Satu di antaranya mereka menteri-menteri sepatutnya tidak dibenarkan untuk membuat apa-apa keputusan seperti itu tetapi diberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat keputusan adakah mereka perlu ditahan atau tidak. Tetapi akta-akta itu yang saya katakan ada yang patut dihapuskan. Dan ini juga satu rekomendasi yang telah dibuat oleh Suhakam Malaysia di mana tahanan-tahanan seperti ini tidak perlu lagi dalam negara yang makmur ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada juga baru-baru ini pada 15 Februari Tuan Yang di-Pertua di mana kementerian *corporative*, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dikatakan ada satu dasar yang baru untuk menggabung semua *corporative* negara ini. Saya difahamkan kita ada beratus-ratus *corporative* yang ada asetnya berjuta-juta ringgit dan berbilion-bilion Ringgit Tuan Yang di-Pertua. Dan asas mereka memberi arahan-arahan untuk bergabung adalah kerana ia akan membawa satu sistem lebih efisien. Pemikirannya adalah seperti pemikiran untuk menggabungkan bank dengan bank.

Tetapi saya hendak beritahu itu bukanlah satu pandangan yang betul kerana bank-bank adalah terlibat dalam arena komersial dan koperasi tidak walaupun terlibat dengan komersial tetapi ia bukan berfungsi untuk semata-mata keuntungan sahaja tetapi untuk menolong ahli-ahlinya. Ia juga ada fungsi-fungsi yang berbeza dan banyak di antara *corporative* ini adalah '*race based corporative*' dan ia juga berbeza di antara penglibatan mereka. Saya difahamkan *corporative* yang besar di mana ia mempunyai berbilion-bilion Ringgit sekarang, '*Director General*' telah menghantar pasukannya untuk pergi menganalisis akaun, mengambil tahu apakah harta yang mereka ada dan macam mana mereka patut digabungkan. *They give a fright to this corporative organization*. Saya rasa '*Director General*' yang baru itu tidak tahu, apakah niat dan apakah sebab *corporative* ini dimulakan dari mula.

Saya harap dasar yang dikatakan yang mungkin akan dilancarkan dengan sepenuhnya yang telah diambil kira pada 15 Februari akan dimansuhkan. Saya harap ini akan diambil pandangan yang serius kerana *corporative* yang berbeza yang tidak ada satu sama lain jangan mereka dipaksa. *Don't force two* individu yang tidak ada kena mengena untuk bergabung. Kita mahu tengok apakah objektif-objektif ini di mana *corporative* ini dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ....Selain dari itu iaitu Maika Holding Berhad. Saya telah katakan beberapa kali mengenai lebih 66,000 *shareholders* di negara telah membeli syer-syer di Maika Holding Berhad. Masa pembelian syer-syer di Maika Holding Berhad, Menteri Kerja Raya yang telah memberi syor-syor di antaranya mengatakan bahawa sesiapa yang melabur di Maika Holding Berhad akan mendapat keuntungan yang tertentu.

Saya juga ingin beritahu pada tahun lalu pada 31 Oktober di mana mesyuarat telah diadakan di Kuala Lumpur di antaranya yang telah diberitahu kepada pemegang-pemegang syer adalah penjualan Tumbuk Estate di mana walaupun harga pasaran yang telah dijalankan *independent valuer* telah mengatakan harga pasaran adalah RM67,000 satu ekar. Tetapi oleh kerana Maika Holding Berhad ada kemahiran-kemahiran yang tertentu harta benda itu telah dijual seekar RM47,000. Ini kemahiran luar biasa. Macam mana ini boleh terjadi dan bagaimana Suruhanjaya Syarikat Malaysia sehingga kini walaupun telah diberitahu mengenai kelonggaran undang-undang dan kecuaiian yang dibuat oleh *director-director* Maika Holding Berhad tindakan tidak diambil.

Berkaitan dengan SSM, atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia, juga Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan mulai hari ini semua orang yang ingin membuka satu syarikat baru dengan '*Business Registrar*', dia boleh terus pergi ambil *forms* dan terus pergi menghantar untuk *registration* di sana.

■ 1650

Apakah ini satu kewajipan yang tak masuk akal Tuan Yang di-Pertua? Kerana kalau seseorang ingin memulakan satu syarikat, katakan dia tinggal di Amerika. Macam mana dia boleh datang ke Malaysia dan terus pergi ke Syarikat Suruhanjaya Malaysia untuk mendaftar satu syarikat? Apakah ini kewajipan yang gila, tak masuk akal? Saya difahamkan setakat ini 50 tahun, selalunya ada agen-agen yang tertentu yang bertauliah yang menjalankan tugas-tugas tersebut. Kita bukan menjadi lebih *competitive*. *We become not competitive*.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa Singapura kalau ada apa-apa perniagaan diperlukan, hanya perlukan lebih kurang empat *steps* sahaja untuk menubuhkan satu syarikat dan sebagainya. Di negara ini kita perlukan lebih dari 20 *conditions* yang tertentu dan lagi pula ini baru-baru yang diwajibkan oleh Syarikat Suruhanjaya Malaysia. Apakah ini dasar yang tidak boleh diguna pakai? Kenapa dia diimplementasikan? Kenapa tidak membenarkan agen-agen seperti biasa untuk menghantar dokumen-dokumen untuk didaftar?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai ekuiti masyarakat India, di mana kerajaan telah mengatakan bahawa ia akan meningkatkan dari 1.2% sekarang ke 3% pada tahun 2020. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu memberitahu kenapa dasar di mana mereka telah mengatakan tiga tahun dahulu, di mana kerajaan telah memberi satu syor atau memberi satu aku janji bahawa dalam tempoh 2010, semua ekuiti India ini akan dicapai dari 1.2% ke 3%.

Sekarang di Rancangan Malaysia Kesembilan, ditukar dan telah jadi kepada 2020. Masa telah dilanjutkan. Apakah sebab ini terjadi dan apakah yang dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah rumit yang dihadapi oleh masyarakat India? Di antaranya adalah kekurangan peluang untuk mendapat kerja di kerajaan, di pelajaran, di universiti-universiti

tempatan dan juga mendapat *scholarships* dan sebagainya. Apakah dorongan-dorongan atau apakah pertolongan yang sedang dibuat oleh kerajaan supaya masyarakat yang terpinggir ini boleh juga terlibat dalam kemakmuran negara ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang mustahak adalah di mana kegagalan-kegagalan kerajaan untuk menubuhkan. Saya syorkan kerajaan menubuhkan satu *Select Committee* untuk menyiasat, apakah masalah yang tertentu kepada masyarakat India dan masyarakat-masyarakat yang terpinggir termasuk masyarakat Orang Asli, masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Kenapa masyarakat-masyarakat ini walaupun kita ada Dasar Ekonomi Baru dari tahun 70-an, semua masyarakat ada kemajuan yang tertentu. Tetapi kenapa masyarakat-masyarakat ini bukan sahaja terpinggir, tetapi sudah ramai di antaranya macam tidak ada harapan. *They become third class citizen* dalam negara ini.

Macam mana perkara ini boleh terjadi dan macam mana perkara ini boleh diatasi? Satu di antaranya adalah untuk menubuhkan satu agensi yang tertentu dan mengagihkan sekurang-kurangnya RM1 bilion setiap tahun dan diarahkan supaya wang ini hanya diguna pakai untuk menolong masyarakat-masyarakat ini. Walaupun kerajaan mengatakan ada SME, SMI dan sebagainya, tetapi kalau masyarakat-masyarakat yang saya kata ini pergi untuk mendapat pertolongan ataupun mendapat pinjaman, mereka menubuhkan banyak *conditions* dan saya harap tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**4.54 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana beri peluang kepada saya untuk turut berbahas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas pada 19 Mac lalu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan disokong oleh Yang Berhormat Putrajaya.

Dalam kesempatan yang ringkas ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa lima perkara iaitu yang pertama dalam soal pembasmian kemiskinan; kedua, soal keseimbangan pembangunan wilayah; ketiga, rasuah dan salah guna kuasa; keempat, pendidikan; dan yang terakhir, soal sejarah Persekutuan negara kita.

Dalam soal pembasmian kemiskinan, Titah Menjunjung Kasih kepada Tuanku, kerana dalam *point* 28, muka surat 9, sekali lagi Tuanku telah menyatakan iltizam untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan haruslah diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat sejarah pembasmian, usaha pembasmian kemiskinan di negara ini telah dimulakan pada tahun 1971 apabila dilancarkan Dasar Ekonomi Baru. Pada ketika itu, kadar kemiskinan bagi negara kita berada pada lebih kurang 60% dan pada hari ini, pada tahun 2004 negara kita telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan ke tahap 5.7%. Pada tahun 2004 juga kadar kemiskinan tegar berjaya diturunkan kepada peringkat 1.2%.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik dalam soal pembasmian kemiskinan ini ialah kerajaan pada setiap Rancangan Malaysia, 5 tahun menetapkan sasarannya dan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, sasarannya ialah menjelang tahun 2010, kadar kemiskinan tegar bagi negara kita akan diturunkan pada tahap 0.5%.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perangkaan kadar kemiskinan dan kadar kemiskinan tegar mengikut wilayah dan strata bagi negara kita Malaysia tahun 2004, kita dapati bahawa di Semenanjung kadar kemiskinan ialah pada peringkat 3.6%. Manakala di Sabah pula masih lagi berada dalam 23% dan di Sarawak pada 7.5%, dan puratanya bagi seluruh negara ialah 5.7%.

Bagi kemiskinan tegar pula, di Semenanjung Malaysia keseluruhannya berada pada tahap 0.7%, bagi negeri Sabah 6.5% dan di Sarawak 1.1%, puratanya ialah 1.2%. Tuan Yang di-Pertua, ini bererti bahawa jika sekiranya kita ingin mencapai sasaran 0.5% kadar kemiskinan tegar bagi seluruh negara menjelang tahun 2010, ini bererti bahawa kerajaan hendaklah berjaya menurunkan kadar kemiskinan yang masih lagi tinggi di negeri Sabah yang merupakan yang tertinggi bagi negara kita.

Tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, persoalan di hadapan kita ialah Sabah dan Sarawak ini bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu membentuk negara kita ini pada tahun 1963 dan program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan adalah serupa. Bagi negeri Sabah kalau kita lihat program-program pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan, kita lihat bahawa kita sebenarnya kita ke hadapan sedikit. Sebab kita telah melaksanakan program-program yang dibuat oleh Amanah Ikhtiar Malaysia yang sudah pun dilaksanakan di Semenanjung.

Kita juga laksanakan di Sabah pada tahun 80an, dan selepas itu ditubuhkan pula Yayasan Usaha Maju Negeri Sabah yang mempunyai konsep pembasmian kemiskinan yang sama iaitu Grameen Bank yang diilhamkan daripada Bangladesh. Persoalannya ialah kenapakah peratusan kadar kemiskinan negeri Sabah ini masih lagi tertinggi? Apakah yang dibuat, apakah kerajaan Sarawak telah buat sehinggakan mereka lebih berjaya dari Sabah? Sehinggakan perbezaan dia lebih daripada 10%.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengkaji dan melihat pelbagai kajian-kajian yang telah dibuat. Salah satu kajian yang telah dibuat daripada IKMAS, UKM saya dapati bahawa sebenarnya kadar kemiskinan di negeri Sabah ini jika sekiranya kita keluarkan penduduk

ataupun pendatang asing ini, sebenarnya kadar kemiskinan di negeri Sabah ini bukanlah teruk. Kita sebenarnya sama dengan Sarawak. Setelah kita lihat satu kajian yang telah dibuat oleh perunding daripada Universiti Sains Malaysia tentang penduduk setinggian di negeri Sabah, didapati bahawa terdapat 143 buah setinggian di negeri Sabah dengan penduduknya seramai 150,290 dengan isi rumahnya sebanyak 31,394 isi keluarga. Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian yang sama kita lihat bahawa tidak ada masalah ini di Sarawak.

■ 1700

Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat kadar kemiskinan negeri Sabah, kadang-kadang pihak pembangkang datang ke Sabah mengatakan, inilah Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah, gagal untuk menurunkan kadar kemiskinan dan sebagainya. Pelbagai pihak juga mengatakan bahawa kadar kemiskinan di Sabah ini tertinggi dan sebagainya. Tetapi sebenarnya setelah kita kaji, kerajaan sebenarnya dari segi program-program pembasmian kemiskinan kita sudah laksanakan. Tetapi masalahnya ialah kemiskinan di negeri Sabah tidak lagi boleh dipisahkan daripada kehadiran pendatang asing di negeri Sabah. Tidak lagi boleh di...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Sebentar, sebentar. Tidak lagi boleh dipisahkan dengan kewujudan 143 setinggian di negeri Sabah di mana penghuni-penghuninya terdiri daripada pendatang-pendatang asing yang mempunyai kad-kad pengenalan yang diragui. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini sekali lagi supaya pihak kerajaan menumpukan perhatian bagaimana untuk menyelesaikan masalah pendatang asing di negeri Sabah ini khususnya mereka yang mempunyai kad pengenalan yang diragui.

Kita ambil satu contoh, setinggian Sri Tanjung di kawasan Parlimen Putatan di mana terpaksa dipindahkan untuk memberi laluan kepada pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang baru. Pada mulanya, pihak kerajaan menyatakan bahawa keseluruhan daripada penduduk iaitu setinggian di Sri Tanjung ini adalah terdiri daripada orang-orang tempatan, penduduk tempatan sehinggakan, dan setelah satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah dan setelah dikaji dan sebagainya didapati bahawa kurang daripada 20% orang yang tinggal di Sri Tanjung itu yang terdiri daripada lebih 2,000 penduduk adalah terdiri daripada orang tempatan. Itu pun dengan kad-kad pengenalan yang diragui dan pihak jawatankuasa telah mengatakan bahawa terpulanglah kepada 20% ini untuk datang dan meyakinkan pihak *Screening Committee* bahawa mereka itu adalah orang tempatan.

Oleh sebab itu, janganlah diperkecil-kecilkan usaha-usaha yang telah dibuat untuk membasmi kemiskinan di negeri Sabah sebenarnya baik-baik. Kita boleh mempertingkatkan dan kita boleh menambah baik beberapa program yang dilaksanakan tetapi yang paling penting ialah tolonglah selesaikan masalah setinggian di negeri Sabah, tolonglah selesaikan masalah pendatang asing yang ada di sesetengah negeri Sabah dan tolonglah selesaikan masalah kad-kad pengenalan MyKad yang diragui itu.

Yang Berhormat bagi Puchong hendak bercakap?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya memang meneliti ucapan daripada Yang Berhormat dan juga saya faham perasaan Yang Berhormat, selaku seorang yang selalu bercakap tentang pendatang haram, tentang pendatang yang datang ke Sabah, isu IMM13 itu saya sudah *familiar* sekarang.

Tetapi salah satu keadaan yang bagi saya aneh ialah saya hendak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa kalau terdapat ramai pendatang haram yang datang ke Sabah yang menyebabkan kemiskinan Sabah dan pada masa yang sama kalau Sabah itu miskin kenapa ramai lagi pendatang haram hendak datang untuk mencari nafkah dan rezeki di sana?

Jadi, saya hendak tahu sedikit apakah situasi yang sebenarnya. Adakah Sabah ini betul-betul miskin sehingga ramai yang datang untuk mencari nafkah atau kerana mereka datang ini menyebabkan orang di Sabah menjadi lebih miskin lagi?

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Sebenarnya Sabah tidak miskin dan pelaburan banyak, ladang-ladang kelapa sawit, sektor perladangan, pembinaan dan sebagainya dan inilah sebab pendatang asing ini datang. Tetapi Yang Berhormat bagi Puchong, sebenarnya yang tinggal di setinggian ini adalah mereka yang sudah bertahun-tahun berada di negeri Sabah dan mereka ini telah diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu suatu ketika dahulu.

Kita ambil sebagai contoh di Pulau Gaya, kalau dulu di Pulau Gaya kita mengatakan ini pendatang asing, ada juga orang mengatakan ini bukan pendatang asing, tetapi hari ini kita sudah buktikan setinggian di Sri Tanjung, yang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu itu. Hari ini kita buktikan yang sebenarnya 80% daripada mereka adalah pendatang asing dan inilah daripada 143 setinggian di seluruh Sabah ini kita boleh mengatakan bahawa mereka ini terdiri daripada pendatang asing.

Oleh sebab itu saya mohon mencadangkan supaya pihak kerajaan khususnya Majlis Keselamatan Negara ataupun pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah kad-kad pengenalan yang diragui yang dimiliki oleh pendatang asing yang sekarang ini bermaharajalela tinggal di setinggian-setinggian. Mereka ini pada hari ini juga mendapat pelbagai layanan dan perkhidmatan daripada kerajaan termasuklah layanan di hospital-hospital

kerajaan yang telah mengakibatkan pada tahun lepas menurut Laporan Audit sehingga hampir RM100 juta tertunggak yang tidak dapat dipungut daripada pendatang asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada tajuk yang seterusnya iaitu soal keseimbangan pembangunan wilayah. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan telah dinyatakan bahawa sebagai langkah untuk merapatkan lagi jurang perbezaan di antara pembangunan wilayah di negara ini untuk Sabah dan Sarawak akan ditubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah dan di Semenanjung pula di selatan ada Koridor Selatannya, di pantai timur ada Koridor Pantai Timur dan di utara ada Koridor Utara dan sebagainya. Tetapi selepas itu, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa di Sabah juga akan ditubuhkan koridor pembangunan yang akan diterajui oleh tiga GLC negeri Sabah iaitu Yayasan Sabah, Sawit Kinabalu dan juga Perbadanan Ekonomi Negeri Sabah.

Persoalannya di sini ialah apa yang telah diumumkan itu tidak terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin bertanya bilakah keputusan ini dibuat dan kenapa pula keputusan ini diumumkan, dibuat selepas kita luluskan dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan? Persoalan yang seterusnya ialah yang mana satu yang akan dilaksanakan? Adakah kerajaan mahu melaksanakan Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah ataupun akan meneruskan apa yang dikatakan Koridor Pembangunan Sabah itu.

Dalam hal itu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita berbincang, berbahas, berpolemik soal agensi-agensi dan institusi ini, saya mohon mencadangkan kepada kerajaan supaya dalam masa Rancangan Malaysia Kesembilan ini tolonglah naik taraf jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah. Hari ini di muka depan *New Straits Times* kita membaca, tahniah kepada negeri Selangor dan negeri Perak, satu lagi lebuh raya akan dibina dengan peruntukan RM3 bilion daripada Banting sampai ke Taiping. Tahniah, kita pun tumpang gembira juga. Tetapi di negeri Sabah?

Saya sudah berkali-kali menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kita mempunyai lebih 5,000 kilometer jalan luar bandar, JKR negeri Sabah yang perlu dinaiktarafkan, diaspal dan dalam Projek Jalan Luar Bandar ataupun JLB. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita hanya diberi RM532 juta sahaja. Satu kilometer kosnya RM1 juta dan ini bererti bahawa sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita hanya akan dapat mengaspal 532 kilometer sahaja. Ini bererti bahawa kalau kita mahu mengaspal keseluruhan jalan luar bandar negeri Sabah, kita perlukan RM5 bilion. Saya mencadangkan dan minta supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, negeri Sabah diperuntukkan dengan RM5 bilion untuk jalan luar bandar ini.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kalabakan pada pagi tadi yang menyatakan bahawa yang kita perlukan ini ialah jalan-jalan raya menghubungkan pekan-pekan dan kampung-kampung. Tuan Yang di-Pertua, semasa sebagai *backbenchers* dulu pun

berkali-kali menyatakan perkara ini dan oleh sebab itu apabila kita membaca dalam Titah Ucapan Tuanku menyatakan bahawa, “Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk memastikan supaya projek-projek dan program kerajaan dapat mencapai sasaran supaya kita dapat mencapai Wawasan 2020 13 tahun lagi daripada sekarang”. Inilah yang kita yang kita jalankan.

Saya pun bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

■ 1710

Kita berkali-kali menyatakan perkara ini di Dewan yang mulia ini tetapi tindakannya di mana? Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pagi tadi supaya kesemua cadangan yang kita buat di Dewan yang mulia ini tolong catatkan lepas itu kita *follow up*. Kalau tidak buang masa saja kita duduk di sini. Saya minta tolong supaya ini dibuat sebab apa-apa pun rancangan kerajaan, dasar dalam soal pertanian, dasar untuk melahirkan apa yang dikatakan Dasar Pertanian Baru. Melahirkan sektor pertanian baru ini kalau *accessibility* ini, jalan raya-jalan raya ini, pengangkutan yang tidak diselesaikan, mustahil.

Keduanya, soal bekalan elektrik, sampai bila grid daripada Sandakan ke Kota Kinabalu ini selesai, sampai bila? Dan, saya juga ingin tahu daripada TNB ini bilakah tarikh akan diluluskan kepada mini-mini hidro yang membuat cadangan ini. Bila? Bilakah tarif ini akan dibuat? Saya difahamkan dia telah berjanji dahulu. TNB ini. Tetapi bila? Sekarang ini kita mempunyai pengarah urusan baru untuk Sabah Electricity Sdn. Bhd., yang dahulunya tidak juga buruk. *In fact*, dengan izin, *he turns around the company* tetapi sudah diganti baru. Kita amat berharap supaya masalah bekalan elektrik ini dapat diselesaikan dengan cepat di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk yang seterusnya iaitu rasuah dan salah guna kuasa. Semalam apabila Yang Berhormat bagi Gelugor menyatakan bahawa Tuanku tidak ada menyatakan soal rasuah. Saya ingat, dia tersilap. Saya ingat Yang Berhormat bagi Gelugor ini, dia tidak membaca, dia tidak membaca Titah Ucapan Diraja. Sebab di dalam *point* 40, muka surat 12, Tuanku menyatakan, “*Usaha untuk meningkatkan integriti serta membanteras rasuah dan salah guna kuasa harus diperkuatkan.*” Dan, seterusnya Tuanku menyatakan. “*Beta ingin melihat usaha pemupukan minda dan budaya membenci rasuah diperhebatkan agar warga Malaysia menjadi masyarakat yang berpendirian tinggi dan dihormati.*”

Yang Berhormat bagi Gelugor sudah silap. Begitu punya kuat Tuanku meminta supaya benci rasuah ini dijadikan satu budaya. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat perhatian kepada Dewan Yang Mulia ini kepada sebuah buku yang bertajuk ‘*IC Projek Agenda Tersembunyi Mahathir*’, yang ditulis oleh Muttalib MD. Dan, saya difahamkan hanya 500 salinan yang telah dicetak dan dijual dengan harga RM1,000. Beliau telah bertemu dengan saya, saya pun membeli dengan harga RM1,000.

Dalam buku ini bab 5 amat menarik, sungguh menarik. Dalam bab 5 ini ditulis, '*Hassnar Bongkar Rahsia*'. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah memperkatakan sedikit sebanyak dalam bab 5 ini, sebab sebenarnya Hassnar Ebrahim ini telah pun membuat kenyataan bersumpah di mahkamah tentang yang disebutkan rahsia ini. Hassnar Ebrahim menyatakan bahawa seorang bekas Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah terlibat secara langsung untuk membuat satu program untuk memberikan kad-kad pengenalan kepada pendatang asing.

Beliau juga telah menyatakan bahawa bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Haris Salleh juga terlibat, sehinggakan beliau menyatakan di dalam buku ini bahawa bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Haris Salleh telah memberi sebanyak RM2 juta kepada bekas Timbalan Menteri ini dan diserahkan di Hong Kong. Sebenarnya tuduhan-tuduhan ataupun dakwaan-dakwaan dalam buku ini begitu serius. Sama ada betul atau tidak kesahihan ataupun segala apa yang diperkatakan sudah lama kita mencadangkan supaya soal pertumbuhan penduduk negeri Sabah yang luar biasa itu, soal kewujudan kad-kad pengenalan yang diragui di negeri Sabah itu kita tubuhkan sahaja Suruhanjaya Siasatan Diraja. Ini kita sudah cadangkan sudah lama.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita mahu menjunjung kasih, jika kita mahu melaksanakan kehendak Tuanku, untuk membudayakan kebencian kita kepada rasuah dan kebencian kepada salah guna kuasa saya mohon mencadangkan kepada Dewan Yang Mulia ini supaya semua laporan-laporan polis yang telah dibuat berhubung dengan buku ini ataupun berhubung dengan kewujudan sindiket ataupun projek-projek mengeluarkan IC ini, yang sudah pun dibuat laporan polis, saya mohon supaya penyiasatan polis itu dipercepat.

Cuma saya sedikit terkilan, saya telah menghantar satu soalan untuk persidangan Parlimen kali ini memohon penjelasan apakah, sejauh manakah penyiasatan polis terhadap laporan-laporan polis berhubung dengan pengeluaran dan berhubung dengan apa yang dikatakan IC projek ini, tetapi malang sekali soalan saya itu ditolak. Setiausaha Parlimen telah menulis surat kepada saya bahawa soalan ini terlalu umum. Saya tidak tahu macam mana lagi spesifik, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya menyatakan ada orang buat laporan polis, beberapa orang individu. Saya sendiri pun telah disiasat oleh polis dan saya bersama dengan polis selama tiga jam, dinyatakan apa yang saya tahu tentang, apa yang dikatakan projek IC.

Saya ingin bertanya sejauh mana sudah, *how far have you gone*, dengan izin, dalam penyiasatan itu, itu sahaja saya ingin tahu. Tetapi ditolak. Kerajaan Barisan Nasional yang kita dukung ini, kita tidak takut kepada apa-apa, kita mahukan kepada integriti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan integriti, Yang Amat Berhormat mahukan ketelusan, Yang Amat Berhormat mahu menentang penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Saya mohon supaya pada kali ini seperti mana yang di Titahkan oleh Tuanku supaya kita menjalankan kewajipan sebagai ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini menyatakan apa yang dirasakan oleh rakyat, khususnya di Sabah sebagai perkara-perkara yang tidak betul.

Rakyat Sabah pada hari ini, setelah mendengar tentang kesaksian-kesaksian tentang IC Projek ini, rakyat Sabah menyatakan, tolong selesaikan masalah ini dan ada yang menuding jari, di mana wakil-wakil rakyat. Kononnya Wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional tidak berbuat apa-apa. Kita bersuara, semua kita bersuara. Dan, jangan ada pihak-pihak, khususnya pihak pembangkang negeri Sabah hari ini memeralatkan isu ini untuk cuba mendapatkan sokongan. Tolonglah. Kita bersuara, bukan sahaja bersuara tetapi kita bertindak. Ini yang kita minta, Yang Berhormat. Kita minta supaya diambil tindakan soal kewujudan kad-kad pengenalan yang diragui ini, soal kewujudan pendatang tanpa izin di negeri Sabah dan khususnya di dalam buku ini. Tolonglah disiasat, apa penemuan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk yang seterusnya iaitu soal pendidikan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Oleh kerana beliau sekali lagi memperincikan, memfokuskan lagi soal rancangan memartabatkan pendidikan negara kita ini, khususnya semasa Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, minta cepatkan. Minta gulung.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, saya akan gulung. Tetapi dalam perkara ini, untuk negeri Sabah kita berterima kasih dengan peruntukan-peruntukan yang akan diberikan, untuk menyeimbangkan, menyamaratakan, kemudahan yang ada di Sabah dan di Semenanjung dan sebagainya. Tetapi dalam soal penyampaian ini, di negeri Sabah ini, satu kawasan Parlimen, seperti kawasan Parlimen Tuaran, kita mempunyai dua PPD tetapi apabila ditadbir di dalam pelajaran satu PPD diletakkan di kawasan Kota Belud, dan satu lagi diletakkan di kawasan Kota Kinabalu.

Dan, rakyat bertanya, kenapakah Parlimen Tuaran ini tidak boleh dijadikan satu PPD sahaja? Kenapakah dipisahkan satu di Kota Belud, satu di Kota Kinabalu? Dan, begitu juga yang di Penampang dimasukkan Kota Kinabalu dan sebagainya, bercelaru.

■ 1720

Perkara ini kita sudah bangkitkan beberapa kali sejak dari tahun 2000 lagi sampai sekarang. Tetapi sehingga pada hari ini tidak boleh diselesaikan. Saya pohon dan mencadangkan supaya pihak kementerian menstrukturkan semula pentadbiran pelajaran di negeri Sabah dalam melihat, mempertingkatkan lagi pentadbiran daerah. Di samping itu juga saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, memohon pihak kerajaan untuk menyelesaikan kerenah permohonan guru-guru daripada Institut Keguruan Ilmu Pendidikan, Indonesia, IKIP.

Kita sudah berjaya dahulu hampir 100 orang yang telah diambil dan diserapkan dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia. Ada lagi 38 orang tetapi pada hari ini setelah ditemu duga, dipanggil temu duga dan sebagainya dan mendapat keputusan, tiba-tiba pula datang

mengatakan bahawa, “Oh, kelulusan kamu ini tidak diiktiraf, belum lagi tentu, kita kena tanya JPA...” Dan sebagainya, terlalu banyak kerenah.

Saya mohon supaya pihak Kementerian Pelajaran menyelesaikan masalah penempatan guru-guru yang dilatih daripada Indonesia ini kalau ada perkara-perkara yang perlu mereka penuhi sebelum ditempatkan silalah, tolonglah mengatur dan menyelesaikan masalah ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** ...Sebab pemohon-pemohon ini sudah sekian lama menunggu untuk diselesaikan.

Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong.

#### **5.21 ptg.**

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk menyertai perbahasan mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini dan dalam ucapannya, Baginda berasa gembira kerana pencapaian ekonomi kita setakat ini adalah baik dan juga Tuanku telah memberi beberapa contoh iaitu mengenai indeks komposit telah naik lebih daripada 1,200 mata. Jumlah perdagangan kita telah melebihi RM1 trilion, kadar faedah juga akan menurun dan juga rizab waran kita akan meningkat daripada USD80 bilion yang boleh bertahan lebih daripada enam bulan import di negara kita ini.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu yang hendak saya hendak bangkitkan di sini dan saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada kementerian-kementerian tertentu khususnya MITI mengenai Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas di antara Malaysia dan juga Amerika Syarikat yang sedang berlaku.

Seperti mana yang kita tahu sekarang ini, rundingan ini mungkin tidak akan memenuhi tarikh yang telah ditetapkan pihak Amerika Syarikat di bawah TPA atau *Trade Promotion Authority* itu tetapi pihak kerajaan, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana tidak tertakluk kepada tekanan-tekanan daripada Amerika Syarikat bahawa rundingan ini mesti selesai mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak Amerika Syarikat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana FTA ini terus dirundingkan dengan pihak kerajaan demi kepentingan dan juga kesejahteraan rakyat Malaysia ini pada masa-masa yang akan datang. Dalam beberapa penjelasan daripada pihak MITI telah menyatakan bahawa dalam rundingan ini pihak Amerika Syarikat tidak akan mempengaruhi

dasar-dasar domestik yang telah dipraktikkan oleh kerajaan Malaysia khususnya mengenai Dasar Ekonomi Baru dan seterusnya.

Ini memberi suatu peluang kepada kerajaan Malaysia meneruskan rundingan dengan pihak Amerika Syarikat kepada isu-isu yang lain ataupun sektor-sektor lain yang boleh memberikan kemudahan dan juga manfaat kepada sektor ekonomi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang utama sekarang ialah mengenai persepsi awam mengenai FTA ini seolah-olahnya FTA telah memberikan suatu peluang kepada negara-negara maju khususnya Amerika Syarikat untuk menjajah semula negara kita.

Negara kita ini mungkin dijajah secara ekonomi, secara menggunakan kuasa-kuasa ekonomi untuk menjajah negara kita ini sekali lagi, untuk menjajah negara kita ini melalui sektor-sektor ekonomi oleh negara-negara maju. Gambaran ini diberikan oleh surat-surat khabar yang telah menyatakan bahawa negara ini kehilangan pekerjaan sejumlah sekian, sekian dalam sektor tertentu seperti sektor pertanian, sektor perkhidmatan, sektor bank, hak cipta sesuatu teknologi atau IP.

Baru-baru ini juga *Consumer Association Pulau Pinang* iaitu CAP, yang telah menyatakan bahawa kebimbangan mereka, *trades deficit* kita mungkin akan dikurangkan atau dilebarkan dengan Amerika Syarikat dengan memberikan contoh negara jiran kita Singapura dan ini bermacam-macam persepsi telah digambarkan dalam masa terdekat ini.

Saya rasa pihak MITI tidak mempunyai satu forum penjelasan yang baik kepada masyarakat kita mengenai apakah faedah dan juga manfaat yang mungkin akan kita kecapai kalau kita teruskan dengan FTA dengan Amerika Syarikat. Baiklah saya tahu Amerika Syarikat mempunyai polisi-polisi politik luaran dia yang berbeza yang mungkin secara langsung atau tidak langsung lebih kontroversi dan juga polisi-polisi yang boleh mendatangkan ketidakstabilan kepada sesebuah negara khususnya di negara-negara Asia sekarang ini.

Tetapi jangan lupa pasaran Amerika Syarikat adalah sebuah pasaran ekonomi yang besar yang kita mesti cuba untuk mendapatkan sedikit peniagaan daripada pasaran ini. Saya berharap pihak MITI ini mesti memberikan penjelasan dengan lebih *detail* lagi iaitu butiran-butiran yang lebih dan unjuran-unjuran yang lebih konkrit lagi mengenai apakah manfaat yang kita akan kecapai dengan mengadakan FTA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bernasib baik kerana baru-baru ini saya telah mengikut rombongan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Korea Selatan dan secara kebetulan Korea Selatan juga sedang giat berunding dengan pihak Amerika Syarikat mengenai FTA.

Tetapi di dalam negara itu surat khabar-surat khabar atau media yang lain sentiasa melaporkan secara lebih *detail* mengenai apakah yang sedang berlaku kepada rundingan FTA ini kepada masyarakat Korea yang berjumlah 48 juta orang. Mereka melaporkan bahawa hari

ini, setakat ini kita telah berunding sampai setakat ini atau bab ini, bab ekonomi, bab mengenai hak cipta ataupun bab mengenai pelaburan ataupun bab-bab mengenai tarif dan seterusnya.

Ini memberi penjelasan yang amat jelas kepada rakyat kita adakah pihak kita sudah berbuat demikian. Saya tahu pihak Yang Berhormat Menteri telah pergi ke RTM1 atau RTM2 telah memberi sedikit penjelasan. Bukan ia terlalu lambat ini kerana dalam persepsi kita bahawa FTA ini akan memberi kebaikan atau memudaratkan ekonomi kepada sebagai sebuah negara yang terbuka ini.

Saya berharap pihak MITI ini dapat memberikan sedikit penjelasan mengenai ini saya suka memberikan sedikit pandangan mengenai FTA, apakah manfaat atau faedah yang akan kita dapati daripada FTA ini. Kalau mengikut daripada satu kajian daripada MIDA yang telah dikeluarkan bahawa kalau kita teruskan FTA ini maka negara kita akan berjimat daripada duti import ataupun cukai import ini daripada RM16.1 bilion pada tahun 2005 ini kita akan jimat sehingga RM1 bilion. Ini bermakna kita akan mendapat lebih banyak keuntungan untuk mengeksport-keksport kita ke pasaran yang besar. Bagi saya tidak boleh dinafikan bahawa pasaran ini sangat penting kepada kita ini khasnya kepada sektor-sektor SME kita, sektor-sektor sokongan kita, industri kita.

■ 1730

Saya juga tahu, sebagai contoh eksport atau pun eksport kita ini daripada tahun 2004 sehingga 2006 setiap tahun kita akan meningkat lebih kurang 11%. Sebagai contoh angka daripada pihak media, dan eksport kita kalau tahun 2004 jumlahnya ialah USD131.2 bilion. Tetapi dalam tahun 2005, eksport kita telah meningkat kepada USD145.5 bilion. Iaitu satu peningkatan lebih kurang 11%. Dan tahun lalu 2006, eksport kita telah menjejak lebih daripada USD160 bilion. Daripada jumlah ini, lebih kurang 75% ialah daripada sektor pembuatan, *manufacturing*. Lebih daripada 50% adalah daripada sektor elektronik dan *electrical product* dengan izin. Dan ini adalah sangat penting kepada kita. Bayangkanlah kalau ini, tarif kita, kalau pasaran Amerika dibuka ini, bagaimana industri sokongan kita akan berkembang. Bagaimana dengan GDP akan kita berkembang. Walau pun GDP kita sekarang ini GDP kita ini okey, iaitu dalam lingkungan 6%. Bagi saya, kalau kita buka pasaran ini, walaupun kemungkinan besar defisit mungkin berlaku, tetapi kita mesti ingat kalau defisit berlaku ini tidak bermakna ekonominya tidak baik. Bagaimana dengan kalau defisit berlaku tetapi jumlah perdagangan kita akan meningkat. Kalau jumlah perdagangan ini meningkat, ini bermakna jumlah pekerjaan industri yang ada berkaitan dengan industri ENE atau pun *manufacturing* yang lain akan juga meningkat. Ini memberi satu gambaran, satu situasi di mana negara kita ini atau pun sektor-sektor yang SME ini adalah sangat-sangat penting di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, faedah atau manfaat yang kedua yang mana bagi saya adalah sangat-sangat penting kerana dalam dunia globalisasi sekarang, MNC sekarang mereka membuat pelaburan. Mereka akan melihat sesebuah negara ini, adakah mempunyai FTA atau

tidak. Ini bermakna *Foreign Direct Investment* atau FDI kita juga bergantung kepada, FDA kita. Kita lihat *trend* global sekarang ini, kerana ini ialah satu *common sense*. Kalau kita tahu kita ini ada FTA dengan Amerika Syarikat, syarikat-syarikat daripada Amerika Syarikat, Eropah atau pun negara-negara maju yang lain, pasti akan memberi tumpuan yang lebih serius kepada pasaran kita atau pun tempat kita untuk pelaburan mereka. Kerana kalau mereka tahu kalau kita ada FTA dengan Amerika Syarikat, ini bermakna produk-produk atau pun *services* atau pun perkhidmatan mereka dapat dieksportkan ke negara maju di Amerika Syarikat di mana pasaran agak besar. Dan pada masa yang kita menerima tarif atau pun pengurangan cukai yang kurang cukai yang minimum daripada pihak Amerika Syarikat. Ini sepatutnya kita jelaskan kepada masyarakat.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Dan di sini juga saya ingin memberi sedikit berkaitan dengan FDI bersama dengan potensi peluang-peluang pekerjaan. Mengikut satu laporan dalam MIDA, tahun 2005 jumlah FDI yang kita terima ialah lebih kurang USD12.5 bilion . Tetapi potensi untuk mendapatkan, menciptakan pekerjaan, *potential employment* iaitu lebih kurang 88 ribu orang. Dan pada tahun 2006, walaupun *drop* sikit atau pun jatuh sikit kepada USD8.17 bilion , tetapi potensi untuk mewujudkan pekerjaan ialah lebih kurang 140 ribu orang. Ini bermakna FDI itu sangat penting untuk negara kita ini untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kita khususnya untuk *graduate-graduate* kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu ada dengar IPTS, IPTA, totalnya lebih kurang 20 buah sekarang ini dan ini bercampur dengan IPTS, IPTS yang lain dan setiap tahun kita ini ada lebih daripada 200 ribu orang. Ini bermakna kerajaan mesti mempunyai *capability* atau pun keupayaan untuk menciptakan peluang-peluang pekerjaan ini lebih daripada 200 ribu pekerjaan untuk *graduate-graduate* ini. Dan bukankah FDI ini membuat salah satu faktor yang utama di mana kita boleh wujudkan pekerjaan khususnya kepada *graduate-graduate* yang muda ini yang boleh mencebur diri dalam pekerjaan di dalam pasaran baik dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan dan lain-lain lagi. Dan ini merupakan satu peluang, bagi saya harap sangat-sangat penting. Dan saya berharaplah pihak MITI atau pun yang ada berkaitan mesti dan sentiasa peka kepada perkara ini. Janganlah bagi kepada yang ada, yang ada NGO, NGO tertentu yang boleh seolah-olah telah mengongkong persepsi atau pemikiran rakyat ini bahawa FDA merupakan satu perjanjian yang akan membunuh diri atau pun perjanjian yang telah yang akan juga boleh menjualkan maruah negara atau pun dijajah semula secara ekonomi. Apa yang hendak tanya?

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya amat tertarik ucapan Yang Berhormat Puchong tentang itu

FDI. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa satu dasar kerajaan yang salah satu halangan yang terbesar yang menghalang FDI masuk Malaysia ialah 'quota system' yang diamalkan di industri ini. Pada 10 tahun yang dahulu, Malaysia dalam senarai menarik FDI di dalam tangga dunia ialah 26. Pada masa tahun 2005, dia jatuh dalam tangga 62. Ini salah satu yang syarat yang diamalkan ialah itu 'quota system'. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa jika kita menghapuskan 'quota system', saya ingin kerajaan Malaysia akan menarik lebih FDI berbanding dengan negara-negara jiran kita seperti Vietnam, Thailand atau Indonesia.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Okey. [Menyampuk].

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. [Menyampuk]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Menyampuk]. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang yang telah mengemukakan satu soalan yang selalu ada dalam pemikiran ramai pelabur. Perkara ini sebenarnya tidak betul, kerana kalau tidak silap saya dalam sektor pembuatan. MIDA sekarang ini mempunyai satu dasar di mana kalau tidak salah saya, produk-produk yang dibuat itu adalah lebih daripada 80% ini atau dieksportkan tiada masalah kuota. Orang-orang asing pula memiliki *company* dua syarikat itu secara 100%. Ini bukan 'quota system' bagi saya, ini bukan faktor utama yang telah melambatkan lagi FDI daripada negara lain. Tetapi saya ingat persaingan daripada tempat-tempat lain seperti Negara China, Indonesia, Thailand dan juga Vietnam. Ini mungkin, mungkin merupakan faktor utama di mana kebanyakan FDI itu, dengan izin *labour intensive manufacturing processor*. So, bagi saya ini bukan salah satu sebab yang utama bagaimana kita daripada posisi 26 ke 62 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan kepada satu isu yang kedua, iaitu mengenai strategi pengagihan pendapatan kaum. Yang telah dinyatakan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong pada peringkat 29. Iaitu Baginda Yang di-Pertuan Agong inginkan jurang pendapatan di antara kaum bumiputera dengan bukan kaum bumiputera. Iaitu di antara kaum bumiputera dengan kaum Cina daripada 1 nisbah kepada 1.75, turunkan kepada 1 hingga 1.5 menjelang tahun 2010. Dan begitu juga dengan kaum India daripada sehingga 2010, dalam Rancangan Malaysia ke-9 juga bahawa kita akan turunkan sehingga nisbah 1 kepada 1.15. Bagi saya, majoriti rakyat Malaysia ini menyokong perkara ini kerana berbagai dasar telah dilakukan oleh kerajaan, telah dilakukan agensi-agensinya kerajaan supaya jurang perbezaan pendapatan di antara kaum ini dapat dikurangkan.

■ 1740

Lebih-lebih lagi Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya jurang perbezaan kaum ini dapat dikurangkan menjelang 2010. Ini merupakan *target* kita, merupakan sasaran kita dan saya menyokong penuh apa yang telah digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Tetapi pada yang sama kita mahu tanya bagaimana kita boleh mencapai sasaran? Apakah strategi-strategi tertentu? Saya tahu salah satu strategi ialah mengenai koridor pembangunan wilayah yang

telah diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu di utara Semenanjung Malaysia, di selatan, Sabah, Sarawak dan juga di pantai timur. Dan memang ini betul terutama kita tahu bahawa kalau kita lihat *Iskandar Development Area* yang telah diumumkan memang boleh, kita boleh merapatkan jurang perbezaan.

Tetapi adakah ini salah satu cara yang tertentu sahaja untuk mencapai ini? Dan dalam ucapan oleh Yang Berhormat Hulu Langat, beliau telah memberikan satu ucapan yang panjang lebar, huraian yang begitu serius mengenai ketirisan kontrak, mengenai sikap-sikap hendak kaya cepat dan juga beberapa masalah yang sedang dihadapi sekarang ini mengenai ekuiti 30% oleh kaum bumiputera di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh gulung ucapan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Baru masuk isu dua sahaja. Boleh beri lebih sikit? So, di sini saya hendak tanya di manakah konsep *smart partnership* yang telah diumumkan atau yang dipraktikkan di 90'an oleh bekas Perdana Menteri di mana kaum bumiputera dan bukan bumiputera mempunyai satu jalinan atau hubungan perniagaan yang tulen. Di sini saya, kerana kekurangan masa, saya ingin cadangkan kepada pihak kerajaan bahawa kita mesti melihat konsep ini semula. Kerana bagi saya kalau kita ingin mencapai sesuatu perniagaan atau mengurangkan masalah-masalah tertentu ini, satu perhubungan perniagaan yang tulen mesti diwujudkan. Saya mencadangkan diwujudkan dan kerajaan mesti memberikan insentif-insentif tertentu kepada *partnership* ini supaya mereka ini betul-betul boleh membuat perniagaan bukan sahaja di dalam negara kita ini, dan kita juga menggalakkan mereka membuat perniagaan-perniagaan di luar negara.

Sebagai contoh, saya sebagai kaum Cina, saya ada ramai kawan-kawan Melayu, mereka betul hendak meniaga. Begitu juga saya difahamkan kawan-kawan India saya yang ramai ingin berniaga dengan kaum bumiputera. Bayangkanlah kalau kita satu *partnership* yang tulen, yang betul-betul boleh bekerjasama, kalau kita boleh memasuki pasaran di luar, sebagai contoh kalau boleh dalam halal *food* ataupun kontrak-kontrak tertentu di luar negara. Kalau di negara Asia Barat, kalau *partner* kita daripada kaum bumiputera mungkin lebih senang untuk memasuki pasaran kerana mungkin kerana dia kaum Muslim. Kalau dia dalam sekarang pasaran yang besar, seperti negara China dan India, *partner* yang bukan Muslim ini senang memasuki pasaran di China ataupun India ini supaya kita boleh bekerjasama dalam satu keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa-masa terdekat ini, kita tahu bahawa globalisasi berlaku, kita bukan lagi bersaing di antara kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera. Kita mesti bersatu padu kerana kita hendaklah bersaing dengan syarikat-syarikat dari negeri China, syarikat-syarikat dari negeri India, Indonesia, Thailand, ataupun syarikat dari Australia ataupun Amerika Syarikat. Dan ini bagi saya adalah salah satu cara *long term* di mana kita

boleh mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum ini. Saya ingin mendapat penjelasan tentang ini.

Kerana masa tidak mengizinkan, saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan dua minit mengenai beberapa isu di kawasan saya walaupun saya mempunyai beberapa isu. Isu pertama di kawasan saya ialah saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Kerja Raya. LDP, Lebuhraya Damansara – Puchong adalah satu lebuhraya yang *crossing* ataupun telah melalui kawasan saya tetapi pada masa yang sama kerajaan telah mengumumkan kenaikan tol sebanyak 60% ataupun RM0.60 sehalu. Ini kerana perjanjian, rakyat terpaksa menerima hakikat tetapi pada masa yang sama mereka bukan sahaja hendak bayar tetapi mempunyai kesesakan yang teruk sekali. Bila hendak pergi kerja, hendak bayar sesak, bila balik kerja, hendak bayar pun sesak. Saya telah bangkitkan ini beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini tetapi tidak ada satu tindakan yang konkrit.

Dan di sini saya ingin sebagai Ahli Parlimen Puchong, saya ingin cadangkan kepada kementerian, lihat mengenai jalan-jalan alternatif yang telah saya bangkitkan. Iaitu jalan-jalan alternatif dari Puchong ke USJ, dan jalan-jalan alternatif dari Kinrara ke Sri Manja di PJ Selatan. Ini adalah dua jalan alternatif yang kita boleh mengurangkan kesesakan di lebuhraya ini. Dan jangan sampai satu hari nanti kesesakan ini terlalu teruk sehinggalah perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Dan saya berharaplah pegawai-pegawai daripada kementerian yang ada di sini memberikan perhatian. Saya tahu, saya sudah bangkitkan ini kepada Menteri beberapa kali tetapi sampai hari ini masih tidak ada jawapan konkrit daripada kementerian. Saya harap kementerian bila gulung, bagi satu peluang bagaimana apakah status yang terbaru mengenai ini.

Perkara yang kedua ialah mengenai prasarana ini adalah perkara terakhir. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat kerana telah memberikan satu laluan LRT dari Sri Petaling ke kawasan Puchong. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana LRT ini saya difahamkan telah memakan kos sebanyak RM1.2 juta iaitu panjang lebih kurang 20kilometer dari Sri Petaling.

Tetapi anehnya Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil rakyat, bila saya hendak adakan temu janji dengan CEO prasarana yang di bawah MOF ini, bila hendak jumpa dengan dia, sudah dua, tiga kali *postponed appointment* dia. Bila saya hendak jumpa dia, saya hendak tanya bagaimanakah, saya hendak bagi *feedback*, maklum balas bagaimana kita boleh membuat satu laluan yang lebih optimum, lebih berkesan daripada segi perkhidmatan kepada orang-orang Puchong ini. Tetapi beliau telah menolak dan tidak memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada wakil rakyat seperti ini yang ingin tahu apakah perancangan yang *detail* mengenai laluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu campur aduk dengan tanggungjawab beliau tetapi kita hendak pastikan bahawa *mistake* ataupun kesilapan-kesilapan yang lalu tidak akan berulang lagi seperti di STAR ataupun di Putra Line.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** So saya berharap satu penjelasan daripada pihak yang tertentu. Dengan kata-kata ini, saya menyokong.

**5.48 ptg.**

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh cuma tiga perkara. Pertama, keseimbangan ekonomi rakyat jelata. Kedua, menangani PTI Sabah, dan ketiga kerumitan sistem penyampaian yang kita hadapi di kawasan saya dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang di titah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh secara spesifik mengenai koridor pembangunan Sabah. Saya merayu di sini agar koridor pembangunan ini ditempatkan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu atau KKIP yang sedia ada. Dan akan diterajui oleh *big players* dengan izin seperti Petronas untuk mengendalikan selain daripada pelabur-pelabur yang lain seperti GLC yang terdapat di Sabah, seperti SEDCO, Sawit Sabah, dan Yayasan Sabah. Bukan kita mengecil-kecilkan agensi-agensi tempatan tetapi kita mohon agar *big players* dengan izin ini sebagai pemangkin dalam koridor pembangunan Sabah ini.

■ 1750

Tuan Yang di-Pertua, syabas dan tahniah kerana kita sama-sama dapat merayakan ulang tahun kemerdekaan kita ke-50 ataupun *nationhood* kita. Selama 50 tahun kita telah bebas daripada belenggu penderitaan dari pemerintahan orang asing. Kita telah merdeka tetapi adakah generasi baru kita, rakyat Malaysia menyedari pengorbanan pemimpin-pemimpin, nenek moyang serta ibu bapa kita yang sama-sama telah berjuang di tanah air kita. Negara kita serta rakyat telah menikmati kemajuan yang pesat di bandar-bandar tetapi adakah ini dapat kita sama-sama nikmati kemajuan ini khasnya saudara-mara kita yang masih di luar bandar ataupun di desa? Khususnya saudara mara kita, rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak yang telah ketinggalan selama enam tahun kebelakangan.

Keseimbangan dari segi prasarana dan keperluan asas masih jauh ketinggalan. Pihak kita yang memperjuangkan hak serta perjuangan yang sama rata, rakyat dari kedua-dua negeri ini akan meneruskan membela rakyat dan bukan seperti yang dilaung-laungkan oleh pihak-pihak yang hanya mementingkan diri. Kita merayu kepada kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita serta pemimpin-pemimpin yang dikasihi bahawa kita mempunyai penuh kepercayaan dan yakin agar dapat mempertimbangkan perseimbangan arus

pembangunan yang mantap kepada rakyat jelata khususnya dari luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Janganlah guna lautan biru, Laut China Selatan sebagai pemisah serta menggunakan jarak jauh sebagai alasan rakyat kita dari Malaysia Timur tidak dapat menikmati keseimbangan harga keperluan seharian. Contohnya, harga beras serta semua keperluan asas hidup sebagai rakyat yang berdaulat sepatutnya tidak membayar 30% lebih harga daripada yang ditetapkan bagi rakyat di Semenanjung. Jika kerajaan dapat menimbangkan subsidi minyak bagi beribu-ribu kereta mewah yang dimiliki oleh orang-orang yang mampu menikmatinya, mengapa pula kerajaan tidak dapat bersimpati dan sudi mempertimbangkan subsidi harga keperluan seharian bagi rakyat di kedua-dua negeri ini.

Kita sebagai rakyat yang berdaulat dengan menjunjung kepada prinsip Rukun Negara, undang-undang serta Perlembagaan yang digubal oleh pucuk pimpinan kemerdekaan kita senantiasa mendukung penuh agar bangsa Malaysia dengan berakarkan daripada suku kaum, kebudayaan serta kepercayaan agama masing-masing seharusnya tidak lagi dipertikaikan. Bangsa Malaysia yang patriotik senantiasa berkorban untuk negara yang tercinta ini. Kita tidak mempunyai negara lain melainkan Malaysia sebagai tanah tumpah darah kita.

Bagaimana pula dengan orang asing yang dilahirkan dari negara-negara jiran kita dengan mudah mendapat kerakyatan Malaysia. Dengan berstatus sebagai anak watan bumiputera, pendatang asing tanpa izin walaupun mempunyai dokumen perjalanan dari negara mereka masing-masing dengan setibanya sahaja di negara kita khasnya di Sabah boleh hilang diri tanpa dikesan dan kemudian menjadi rakyat serta bumiputera Malaysia. Pendatang asing tanpa izin yang boleh digelar sebagai *mother of all trades*, punca kepada semua ancaman jenayah senantiasa menggugat keselamatan kita yang bersopan-santun dan berharmoni. Kerajaan yang diterajui oleh pihak penguatkuasaan undang-undang seharusnya menggembleng tugas penguatkuasaan mereka dengan penuh iktikaf dan integriti.

Bagi pihak rakyat Sabah, khasnya di kawasan Sepanggar, saya ingin menyarankan agar pihak kerajaan mengutamakan dengan seriusnya tindakan seperti ini:

- (i) supaya mempertingkatkan operasi khas untuk menangkap ketua serta ahli-ahli sindiket termasuk pengambilan oleh agensi yang tidak bertanggungjawab dengan mengeluarkan dokumen palsu kepada pendatang tanpa izin;
- (ii) untuk menempatkan tentera dengan senjata peralatannya sebagai tambahan kepada pihak penguatkuasaan yang sedia ada untuk mempertingkatkan pengusiran pendatang tanpa izin;
- (iii) untuk menguat serta mengembangkan penyertaan pihak RELA demi untuk mempertingkatkan moral penglibatan rakyat tempatan untuk

- membantu pihak polis dan Jabatan Imigresen untuk menangkap pendatang tanpa izin;
- (iv) untuk mengiktiraf Konsulat Malaysia di Zamboanga di mana ramai rakyat asing dari Selatan Filipina yang menaiki kapal laut menuju ke Sabah. Sekiranya sukar untuk mewujudkan konsulat baru ini, maka konsulat kita yang berada di Davao, supaya dipindah ke Zamboanga. Konsulat ini dapat membantu untuk memastikan hanya pelawat dan pekerja asing yang tulen diberi dokumen perjalanan untuk masuk ke Malaysia melalui Sabah;
  - (v) untuk mengundang Kerajaan Filipina bagi menetapkan konsulatnya di Sabah supaya dapat mempercepatkan proses kepulangan rakyatnya. Pada ketika ini, Kerajaan Filipina enggan menetapkan konsulatnya mungkin disebabkan tuntutan tanah Sabah mereka, maka rakyat mereka tidak bermanfaat sekiranya ada perkhidmatan konsulat mereka di Sabah;
  - (vi) untuk mengenakan pelawat dari Filipina dan Indonesia sebelum mendarat ke Sabah untuk membayar bon jaminan kepada Kerajaan Malaysia untuk memastikan pelawat asing ini melaporkan diri apabila mereka keluar daripada Malaysia. Maka jika pendatang asing ini memusnahkan dokumen perjalanan untuk mengelirukan pengesahan keluarga mereka, maka mereka akan kehilangan wang jaminan mereka itu. Harus ditekankan bahawa peraturan ini tidaklah dikenakan kepada pekerja asing yang membayar yuran levi mereka;
  - (vii) sekiranya pihak Filipina enggan bekerjasama dalam perkara ini, maka Kerajaan Malaysia berhak untuk menghentikan perkhidmatan feri Zamboanga-Sandakan sehingga persepakatan yang memuaskan dapat dicapai di antara Malaysia dan pihak Filipina;
  - (viii) bagi perkhidmatan feri Malaysia-Indonesia yang menggunakan perjalanan yang banyak serta jarak perjalanan yang agak dekat, maka perlulah satu polisi yang menyeluruh untuk mengelakkan pengusaha feri bagi pihak penumpangnya membayar wang jaminan kepada Kerajaan Malaysia. Pengusaha yang telah menjual tiket pergi balik akan menuntut wang jaminan sejurus penumpang pulang ke negara mereka;
  - (ix) untuk membolehkan pengusaha feri yang beroperasi di antara Sabah-Filipina dan Sabah-Indonesia, maka perlu penumpang rakyat asing ini membeli tiket pergi balik dengan nama si penumpang tercatat dalam

- tiket tersebut. Hanya dengan adanya peraturan ini dilaksanakan, maka penumpang tersebut tidak dibenarkan masuk ke Malaysia;
- (x) Kerajaan Malaysia harus memperuntukkan banyak tenaga manusia, kemahiran, peralatan, bot-bot yang canggih kepada pihak polis, tentera laut serta pengawal udara demi untuk mengurangkan kedatangan pendatang tanpa izin;
  - (xi) mesyuarat mengenai perlintasan sempadan haruslah diadakan dengan kerap kali di antara Kerajaan Malaysia, Filipina dan Indonesia dengan dianggotai daripada agensi kerajaan seperti polis, tentera, kastam dan imigresen yang di mana mesyuarat tersebut berkurangan sejak kebelakangan ini;
  - (xii) Malaysia atau mungkin dengan kerjasama ASEAN dan wilayah di serantau ini serta bantuan pertubuhan antarabangsa boleh menghidupkan kembali Skim Penempatan Semula bagi penduduk di Selatan Filipina supaya dapat merancang pembasmian kemiskinan dan meningkatkan program sosioekonomi untuk mengurangkan galakan *push factor* yang mengakibatkan rakyat asing rela sebagai pendatang tanpa izin di negara kita ini;
- 1800
- (xiii) pihak Kerajaan Persekutuan seharusnya mempunyai polisi yang terperinci dan meluas untuk menyedari masalah pendatang tanpa izin di Sabah yang menyebabkan berbagai-bagai masalah kepada negara kita, rakyat serta kebajikannya. Adalah diharap bahawa wakil Sabah di Kabinet Persekutuan mempunyai tanggungjawab berat untuk menangani serta melaksanakan perkara ini; dan
  - (xiv) bagi pendatang asing yang lain, walaupun bilangannya kecil, tetapi ada kemungkinan akan meningkat kiraannya, ini disebabkan mereka sengaja tinggal lebih masa dan ada juga yang telah melanggar syarat pas lawatan mereka. Kerajaan melalui konsulat negara masing-masing harus memperketatkan pengeluaran visa kepada bakal pelawat ini.

Dengan pelaksanaan senarai cadangan yang pihak saya kemukakan ini, maka saya harap dan berdoa agar kedatangan orang asing tanpa izin dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat kagum dan bangga kita mempunyai lapangan kapal terbang antarabangsa yang canggih untuk menarik pelancong dari negara lain untuk melancong dan berbelanja di negara kita. Ini sangat menguntungkan hasil pulangan negara

kita. Pihak kerajaan seharusnya diberi pujian atas kejayaan ini. Dengan kejayaan menarik berbagai-bagai minat serta kegemaran pelancong tentunya kita mahukan mereka datang kembali untuk melancong di negara kita. Maka bukan sahaja kita akan memperlihatkan pelancong kepada kecantikan serta kecanggihan lapangan kapal terbang, kita juga mahu pelancong melihat keindahan keadaan persekitaran semula jadi negeri-negeri kita, agar mereka tidak dihampakan dengan jalan raya kita yang berlumpur di waktu hujan dan berhabuk di waktu kemarau dan sungai-sungai serta lautan yang dicemari oleh plastik dan barang buangan sebagai sampah sarap. Adalah diharap agar pihak penguatkuasaan tempat akan menggembelng tenaga untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada supaya kerjasama di antara rakyat dan pihak kerajaan dapat diwujudkan serta dirapatkan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sebenarnya di kawasan Sepanggar banyak tempat peranginan yang indah dan cantik yang tersedia semula jadinya, tetapi agak sedih apabila pelancong melawat mereka layani dengan jalan raya *gravel* yang berhabuk dan berlumpur disebabkan walaupun ia hanya lebih kurang 15 kilometer dari pusat bandar raya tetapi keadaan jalan raya masih belum diturap dengan tar. Kita merayu kepada kerajaan supaya bertindaklah demi untuk penduduk tempatan kita serta dapat menarik ramai pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa agak terkilan melihat keadaan budak-budak yang berkeliaran di bandar-bandar besar dan di pekan-pekan, ataupun *street children* yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Kanak-kanak ini menjalankan aktiviti mereka yang sukar dikawal. Ada juga budak-budak ini diguna sebagai suruhan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengemis, menjual rokok dan minuman haram. Ada juga ditugas sebagai pengedar dadah serta berbagai-bagai aktiviti jenayah. Apa yang menyedihkan sekali, ada pula pihak pemimpin bandar raya yang seolah-olah tidak kisah untuk menangani masalah ini sebaliknya mengata budak-budak ini pun mahu makan, biarlah mereka menjalankan aktiviti itu.

Saya percaya budak-budak yang masih kecil ini tentunya boleh dikawal sekiranya pihak tertentu memberi perhatian awal masalah ini. Apa yang terjadi kepada mereka yang tiada kawalan apabila mereka dewasa nanti? Menyentuh dengan sistem penyampaian. Kita tidak soal pegawai pelaksana kerajaan yang menjalankan pelaksanaan dengan mengikut prosedur peraturan serta undang-undang kerajaan yang sedia ada, tetapi gunakanlah peraturan prosedur itu dengan bijak dan pandai. Satu contoh ialah peruntukan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kepada semua Ahli Parlimen yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan. Terlalu rumit untuk mendapat peruntukan tersebut, walaupun kandang serta padang ragut bagi ternakan kambing pihak pengusaha telah menggunakan banyak tenaga dan kewangan bagi persediaan. Peruntukan yang bernilai RM10,000 saya difahamkan untuk membekal 20 ekor kambing tidak dapat dilaksanakan, sehingga hujung tahun 2006. Saya tidak tahu sama ada peruntukan tersebut masih ada di agensi tersebut atau telah pun dikembalikan kepada kementerian.

Memandangkan kerumitan untuk berurusan dengan agensi-agensi kerajaan yang ada sahaja rintangan ini, maka saya syor di Dewan yang mulia ini agar peruntukan yang peruntukan oleh pihak-pihak kementerian pusat, salur sahajalah kepada pihak Ahli Parlimen, yang saya percaya akan senantiasa dapat melaksanakannya dengan jayanya dan laporan kemajuan akan di lapor dengan terperinci.

Satu lagi pelaksanaan oleh agensi kerajaan yang dijalankan tanpa membuat kajian, keperluan prasarana awal akibat perumahan yang dikendalikan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Contohnya 1,000 unit rumah mampu milik Kionsom Besar yang sedang dalam 30% proses pembinaan. Saya difahamkan sebagai tambahan, satu lagi pembinaan oleh syarikat ini di kawasan tanah CL015046670 seluas 61 ekar bagi tapak perumahan rumah 2,356 unit dengan tambahan 20 unit bangunan kedai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Sedikit lagi. Masalah yang kita hadapi di kawasan Kionsom ialah jalan raya Kionsom yang sangat rumit pesat dengan lalu lintas serta bekalan air, tenaga elektrik yang sangat berkurangan. Tentunya dengan pembinaan sebanyak 3,300 unit perumahan akan memburukkan keadaan jalan raya serta bekalan keperluan asas ini. Saya merayu agar kementerian menangguhkan pembinaan ini sebelum selesainya masalah keperluan asas ini. Dengan ini saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**6.09 mlm.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, setiap hari kita memulakan mesyuarat kita dengan bacaan doa. Dalam doa itu saya dengar adalah Allah adalah Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Saya sangat terkejut pada pagi ini apabila saya membaca satu laporan surat khabar di mana sepasang suami isteri telah dipisahkan dan anaknya juga dipisahkan daripada ibunya atas nama agama Islam.

■ 1810

Iaitu ini ialah kes yang disiarkan dalam surat khabar Cina dan juga dalam surat khabar *Nam Men* iaitu di Melaka, Siti Fatimah, dia dilahirkan sebagai seorang Islam kerana ibu bapanya telah *convert* menjadi orang Islam dan di dalam laporan dia, dia katakan yang dia kini kata dia nak keluar dari Islam dan nama dia ialah Rovathi. Ini adalah laporan dia.

*“Saya dilahirkan pada 1978. Ibu bapa saya adalah orang yang memeluk Islam. Walau saya dilahirkan oleh sepasang suami isteri Muslim, tetapi sejak kecil lagi saya dididik dan dibesarkan dengan ajaran agama Hindu oleh nenek saya. Jadi pada tahun 2004, saya telah berkahwin dengan Surej a/l Varapan. Walaupun perkahwinan kami ditentang oleh keluarga saya, semenjak itu hingga ke hari ini, berbagai-bagai masalah telah timbul oleh keluarga saya terhadap saya dan keluarga suami saya. Pada 19 Disember 2005, saya telah*

*melahirkan seorang anak perempuan di Hospital Besar Melaka. Pada 21 Disember 2005, semasa saya sedang membuat persiapan untuk pulang ke rumah di Wad Bersalin Hospital Melaka, datanglah empat orang, tiga lelaki dan satu perempuan mengenalkan diri mereka sebagai pegawai dari Jabatan Agama Islam Melaka dan menyuruh saya menyerahkan anak saya kepada mereka dengan nada yang kasar dan tinggi.*

*Setelah berlaku pertengkaran mulut di antara pegawai-pegawai JAIM dengan saya, mereka meninggalkan hospital dengan memberi amaran bahawa mereka akan mengambil tindakan yang lebih kasar sekiranya saya enggan mematuhi kehendak mereka. Hingga kini saya tidak dapat menguruskan surat akuan beranak untuk anak saya mengikut agama hindu. Saya perlu menukar nama saya kepada nama hindu dan harus mendaftar perkahwinan kami dengan sah supaya membolehkan saya menguruskan surat akuan beranak anak saya. Memandangkan sejak kecil lagi saya telah memeluk dan mempraktikkan agama hindu dan tradisinya, sebagai seorang hindu, ia telah meresap dalam darah dan jiwa saya. Setelah berfikir lebih mendalam dengan sedar dan rela hatinya saya telah membuat keputusan untuk menukar nama saya kepada nama hindu iaitu Rovathi dengan sah”.*

Jadi, apa yang dihadapi oleh beliau bukan satu kes *isolation*. Dia ada kes-kes yang lain. Saya berpendapat agama itu tentulah juga berkenaan dengan sifat kemanusiaan. Saya rasa tidak kira ke atas apa undang-undang pun, kalau kita memisahkan sebuah keluarga, memisahkan isteri dan suami ataupun isteri dan anaknya, saya rasa ini tidak secocoklah dengan nilai agama khususnya Islam yang mengatakan Allah itu Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Dan juga ini bertentangan dengan nilai yang ingin dipupuk oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana dia mengadakan satu kempen “Utamakan Keluarga”.

Bukankah keluarga yang terpenting sekali, paling penting sekali. Sekarang Rovathi ini dia ditahan di pusat pemulihan di Ulu Yam untuk selama 100 hari dan polis telah datang dengan pegawai Pejabat Agama Islam dengan ibunya untuk dikatakan merampas anak dia. Ini laporan polis dibuat oleh suaminya Surej pada 26 Mac.

Dia ini kata; “Pada 26 Mac tahun ini, jam lebih kurang 6 petang, apabila saya sampai ke rumah saya, saya telah diberitahu oleh kakak dan abang saya bahawa anak saya nama Devayatahini umur 1 tahun 3 bulan telah diambil oleh pihak Jabatan Agama Islam Melaka yang datang bersama seorang peguam dan seorang anggota polis serta emak kepada isteri saya. Isteri saya namanya Siti Fatimah telah ditahan di Pusat Pemulihan Akidah Ulu Yam, Selangor selama 100 hari dan sekarang masih ditahan lagi. Dan sepanjang tempoh tersebut, anak saya di bawah jagaan saya sehingga laporan ini.”

Dan dia kata dia tidak tahu di mana anak sekarang. Saya rasa sekurang-kurangnya anak ini harus dikembalikan kepada ibunya. Bukankah ibunya masih ada? Dan saya rasa saya juga difahamkan bahawa ada katakan Islam itu tak ada paksaan. Adakah dalam kes ini kalau

dia sudah dengan rela hati dia kata dia tak pernah praktikkan agama Islam, jadi dia ingin keluar dari Islam. Tapi kalau tidak dibenarkan, adakah di sini kita boleh katakan dia tidak dipaksa? Bukankah ini saya rasa dengan saya lihat kes ini sebagai seorang ibu, sebagai seorang rakyat biasa, bukankah ini sangat-sangat kejam kepada keluarga ini?

Jadi, dan saya takut bahawa kes seperti ini dia juga akan mendatangkan nama yang tidak baik, yang kurang baik kepada Islam kerana dia dilihat dia begitu kurang kemanusiaan, kurang kekasihan. Jadi saya merayu kepada Perdana Menteri kerana di bawah dia ada JAKIM supaya mengarahkan sekurang-kurangnya anaknya dikembalikan kepada ibunya. Dan juga di kes Subash ini di mana satu perkahwinan kerana suaminya telah tukar agamanya kepada Islam, dan kerana pertukaran ini saya rasa kalau saya tukar kepada agama yang lain, sekarang saya adalah *Buddhist*, saya pun boleh Hindu. Kalau saya bertukar menjadi seorang Kristian, tak ada kesan-kesan secara undang-undang. Tapi, kalau saya *convert* kepada Islam, ada kesannya kepada anak saya, kepada suami saya.

Jadi saya rasa adalah perlunya ada satu kaedah di mana apabila seorang pasangan yang ingin menukar agamanya kepada Islam, patut ada satu prosedur untuk mengelakkan masalah-masalah seperti ini yang timbul. Jadi saya merayu supaya mengadakan satu kaedah di mana seseorang kalau dia sudah kahwin dengan perkahwinan sivil, dia mesti terlebih dahulu menyelesaikan apa-apa masalah perundangan yang mungkin timbul dengan ahli-ahli keluarganya supaya kita tidak timbul lagi kes Subash ini dan juga anak-anak kepada keluarga seperti ini. Kalau tidak, kedua-dua ibu bapa tidak boleh bersetuju apakah agama yang sepatutnya anak mereka peluk. Saya rasa lebih baik kita membiarkan anaknya jangan *convert* dia juga kepada Islam. Kerana kalau dia *convert* kepada Islam sekarang, apabila dia sudah dewasa, dia akan menghadapi masalah kalau dia tak ingin memeluk Islam sebagai agama dia.

■ 1820

Kerana dalam satu kes lagi yang telah disiarkan dalam surat khabar *The Star* pada 24 Februari iaitu kes Ibrahim di mana Ibrahim ini dia Melayu Islam dia kahwin dengan bukan Melayu iaitu Hindu, bukan Islam dan mempunyai 10 anak dan 30 cucu. Dan anak mereka pun sekarang mereka kata mereka tidak praktis dan ingin di dalam kad pengenalan mereka dikenali sebagai Hindu dan mereka menghadapi masalah juga.

Ada kes saya pernah bawa di dalam Dewan yang mulia ini iaitu kes Ramesh pada tahun Julai 2006 di mana anak-anak yang lahir dari pasangan yang *convert* kepada Islam mereka sudah dewasa dan tidak ingin memeluk agama Islam dan mereka menghadapi masalah. Jadi saya merayu supaya kita mengadakan satu kaedah ataupun satu penyelesaian. Kita hendak memupuk harmoni di antara kaum, di antara agama yang berlainan, jangan ini menjadi satu masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita dengan perhatian Seri Paduka Baginda terhadap hak dan maruah wanita dan berpendapat bahawa Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga

dan Masyarakat harus meningkatkan keupayaan dan prestasinya dalam pelaksanaan dalam perkara ini.

Dasar wanita dan pelan tindakan wanita pertama kali digubal pada Rancangan Malaysia Ke-6 tetapi sampai hari ini saya rasa kebanyakan pelan-pelan dan program-program masih belum dilaksanakan. Masa kerja anjal, pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja, pindaan kepada undang-undang yang diskriminasi wanita merupakan antara beberapa contoh. Saya anggar terdapat 80% pelan tindakan wanita yang dirancang pada tahun 1990 iaitu lebih kurang 16 tahun yang lalu belum dilaksanakan lagi.

Saya minta Menteri KPWKM memberitahu Dewan yang mulia ini apakah sebabnya kementerian yang tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan. Jadi saya rasa kementerian jangan membazirkan tenaga dan sumber untuk mengkaji semula dasar dan pelan tindakan wanita kerana ia masih relevan. Yang bermasalah ialah keupayaan pelaksanaan. Saya rasa tumpukan tenaga dan sumber untuk meningkatkan keupayaan pelaksanaan akan lebih berfaedah kepada semua pihak.

Kita sering mendengar ucapan-ucapan yang manis yang mengatakan akan membantu ibu-ibu tunggal tetapi dua perkara yang paling diperlukan oleh ibu-ibu tunggal miskin masih belum diwujudkan iaitu pusat penjagaan kanak-kanak dan unit khas untuk mengendalikan hal ehwal nafkah yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Ampang tadi. Timbalan Menteri Dalam Negeri telah berkata pada tahun 2004 pindaan Akta Perkahwinan dan Penceraian akan dibuat untuk memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada isteri-isteri yang telah dicerai dan anak-anak mereka. Tetapi sampai hari ini beribu-ribu ibu tunggal dalam keadaan menderita masih menunggu pindaan ini. Bolehkah Yang Berhormat dari kawasan Bandar Tun Razak memberitahu Dewan ini bilakah beliau akan tunaikan janjinya.

Saya juga meminta supaya Perkara 14(1)(b) dan Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan dipinda secepat mungkin supaya secocok dengan pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang mengatakan kita tidak boleh yang menghalang diskriminasi berdasarkan jantina atau *gender* pada tahun 2001.

NGO-NGO wanita pun sudah lama menyeru untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga supaya memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada mangsa-mangsanya. Saya difahamkan jawatankuasa teknikal telah lama ditubuh, apakah sebabnya sampai hari ini ia masih belum di bawa ke Parlimen untuk pindaan sementara kes-kes keganasan semakin bertambah. Bukankah ini menunjukkan sistem penyampaian yang kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan maruah wanita tidak boleh berlaku tanpa undang-undang. Draf Rang Undang-undang Gangguan Seksual telah disampaikan, telah dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2001 tetapi telah ditolak oleh kerajaan. Saya rasa sudah sampai masa kita menerima rang undang-undang untuk membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional bukan cakap kosong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa pembangunan SRJKC dan SRJKT sekali lagi dipinggirkan, langsung tidak disebut dalam titah ucapan. Saya mengambil kesempatan ini sekali lagi menyeru kerajaan Barisan Nasional memberi layanan yang adil dan saksama kepada SRJKC dan SRJKT sama ada dari segi peruntukan kewangan ataupun penambahan bilangan sekolah SRJKC dan SRJKT mengikut keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini PDRM telah meraikan ulang tahun yang ke-200 tahun dan dikatakan untuk membanteras jenayah, PDRM akan menambah 60 ribu anggota dan mungkin gaji akan dinaikkan. Saya sokong semua langkah-langkah ini. tapi saya risau sama ada langkah-langkah ini sudah terlambat khususnya di Johor Bahru di tempat-tempat di kawasan bandar Johor Bahru, seperti di Pulau Pinang dan juga di Selangor dan Kuala Lumpur.

Sempatkah kita mengeluarkan anggota-anggota polis ini untuk mengurangkan indeks jenayah. Bukankah kita sudah menambah *facilities*, kemudahan-kemudahan kepada PDRM 2, 3 tahun yang lalu. Tetapi jenayah indeks jenayah tidak turun tapi meningkat pada 3 tahun yang lalu. Dalam minggu lepas ramai pengedar surat khabar yang hantar surat khabar ke rumah pada awal 2.00 pagi dan penjaja di Butterworth, Bukit Mertajam, Nibong Tebal menjadi mangsa kepada jenayah samun pada waktu pagi. Di Butterworth, 5 orang pengedar surat khabar disamun dalam satu pagi. Penyamun memakai motosikal berkumpulan 2, 3 atau 4 buah motosikal, sebuah motosikal 2 orang. Di Taman Kuang di kawasan Batu Kawan. Sekeluarga 5 orang termasuk budak kecil berumur 1 dan 4 tahun tercedera dalam mempertahankan diri. Seorang perompak dibunuh terkena parang sendiri. Trauma yang dialami itu bukan senang dilupa, dipulih. Jadi saya hendak tanya adakah sudah sampai tahap rakyat tidak dapat berharap kepada pihak polis untuk menjaga keselamatan mereka dan terpaksa mempertahankan diri masing-masing dengan menggunakan senjata.

Baru-baru ini satu lagi nyawa terkorban menjadi mangsa kepada perompak kereta di Johor Baru, Cik Lee Hui Ling berumur 22 tahun dan dcederakan dalam satu rompakan dan meninggal dunia pada 27 Mac. Pada hari yang sama di Tebrau, Ulu Tiram 4 orang perompak bersenjata adalah orang Indonesia mencerooboh masuk satu rumah tidak puas hati dengan RM2 ribu dengan barang kemas yang mereka rompak itu dan terus merogol salah seorang anak perempuan yang berusia yang 22 tahun.

■ 1830

Jadi ini sangat menakutkan semua rakyat bukan sahaja golongan wanita tapi juga golongan lain. Saya rasa kita sudah sampai satu tahap di mana polis sudah tidak dapat mengawal kes-kes jenayah di kawasan-kawasan bandar seperti di Johor Bahru, di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur dan juga Selangor. Apakah puncanya? Dalam jawapan yang diberikan kepada saya mengatakan mereka percaya polis telah mengenal pasti puncanya ialah kerana masalah tekanan kewangan akibat daripada kenaikan kos sara hidup dan harga barangan seperti minyak dan tol.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tapi setiap kali kenaikan dilakukan kerajaan kata in tidak membebankan rakyat. Tapi pihak polis kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, sedikit sahaja. Ini adalah punca-punca jenayah berlaku dan nyawa terkorban kerana punca ini dan polis juga mengatakan bahawa peluang pekerjaan yang berkurangan telah mengakibatkan golongan berpendapatan rendah beralih kepada jenayah ekoran daripada desakan hidup. Satu lagi ialah migrasi penduduk luar bandar ke bandar menyebabkan terjadinya kejutan budaya. Gaya hidup yang mencabar di bandar dengan kos yang perlu bagi menampung keperluan gaya hidup mengakibatkan mereka memilih jalan mudah dengan melakukan jenayah. Satu lagi ialah kebanjiran pendatang asing ke Malaysia juga menjadi punca peningkatan jenayah indeks terutamanya dalam kes-kes jenayah kekerasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat. Cukup.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ..seperti bunuh dan melibatkan kecederaan. Saya hendak tanya, adakah yang kita lakukan sekarang iaitu menambahkan kereta polis dan juga menambahkan kereta ronda itu dapat mengatasi masalah ini? Saya rasa tidak. Kita mesti mengatasi masalah di sini iaitu kos kehidupan yang terlalu tinggi. Macam mana? Saya cadangkan supaya turunkan harga minyak. Jangan naik harga tol supaya kita boleh menurunkan indeks jenayah dan juga bagaimana kita hendak mengurangkan pendatang asing. Polis boleh tangkap mereka hantar balik tapi datang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat. Masa cukup.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu itu mereka ada jalan-jalan tikus yang boleh masuk dan pihak polis tahu perkara ini. Akhir sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu pagi ini tidak dicabar langsung oleh pihak di sana. Beliau berkata kenaikan pangkat itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Tak apalah. Cadangan Yang Berhormat bagi Bintulu telah disuarakan oleh dia, dan kerajaan akan menjawab.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang saya hendak katakan di sini ialah dakwaan beliau begitu serius. Dia mengatakan kenaikan pangkat di dalam PDRM juga melalui rasuah, boleh dibeli dengan duit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Termasuk dengan boleh kautim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini Yang Berhormat bagi Bintulu akan tambahlah. Cukuplah, cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi yang saya hendak cadangkan ialah untuk memperbaiki keberkesanan PDRM tidak ada lain kecuali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, rakan-rakan Yang Berhormat hendak berucap juga.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Satu lagi. Kecuali saya hendak menyeru supaya cegah tubuh IPCMC supaya kita semua boleh rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, faham.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ..lebih selamat. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat bagi Ledang.

#### **6.34 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun sudah lewat malam Jumaat, balik nanti semua kena cermat. Biar lambat asal selamat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah sepuluh minit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya hendak sentuh satu atau dua tajuk. Pertama sebab kita hendak balik selepas ini tentang keselamatan jalan raya. Sebab Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang RMK-9, banyak bidang yang kita sentuh tentang ekonomi, tentang modal insan khususnya tentang sosial, kualiti hidup dan lain-lain tetapi semuanya tidak akan bermakna, akan cacat sekiranya ramai yang cacat atau mati di jalan raya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sekarang trend kemalangan yang berlaku sekarang ialah telah pun meningkat sebanyak 9.7% ataupun hampir 10% dan kalau saya boleh buat satu *hypothesis* di mana jumlah penduduk sejak tahun 1974 telah pun meningkat sebanyak 2.6 kali ganda. Jumlah kereta yang didaftarkan sejak tahun 1974 adalah 15 kali ganda, jumlah kemalangan di jalan raya 12 kali ganda, jumlah kematian tiga kali ganda. Kalau tahun 1974 jumlah kematian 2,300, tahun 2005 adalah 6,200. Tiga kali ganda.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini kalau kita lihat pula fakta berikutnya yang banyak berlaku kemalangan di jalan raya ialah motosikal 66% diikuti dengan kereta 15%. Yang lain-lain adalah jumlah 1%. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, banyak tindakan yang telah dibuat oleh kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya, jabatan-jabatan lain dan sebagainya seperti meningkatkan taraf jalan raya. Memperelok permukaan jalan raya, naik taraf persimpangan dan sebagainya. Mempertingkatkan undang-undang jalan raya dan penguatkuasaan, kempen demi kempen. Saya masih ingat dahulu 30 tahun lalu kempen

memandu cermat “Biar lambat, asal selamat”. Kempen topi keledar, kempen memakai tali pinggang keledar dan sebagainya. Akhir-akhir ini ada bermacam-macam Ops Sikap. Kemudian sekali Ops Sikal dan sebagainya. Walau bagaimanapun, trend kemalangan di jalan raya masih terus berlaku seperti catatan yang saya sebutkan tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada saya ini serius sebab kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, yang mana kalau kita bandingkan dengan setiap 10,000 buah kenderaan. Contohnya Singapura dan Jepun - 2.8, USA - 1.9, Jerman, Finland dan Britain - 1.8, New Zealand - 1.4, Malaysia - 4.18. Bandingan secara umum ialah antara satu hingga tiga kali ganda antara negara kita dengan negara-negara maju di atas. Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah pada tahun 2020 nanti kita mampu ke tahap kurang dari dua kemalangan setiap 10,000 buah kenderaan.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, jika merujuk hujah-hujah di atas jelas, sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya lupa sebut daripada jadual kajian yang saya terima dan dibuat oleh Kementerian Kerja Raya ini mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh fikirkan sejenak. Jumlah kemalangan yang berlaku di atas jalan raya 63% Tuan Yang di-Pertua berlaku di jalan yang lurus jalan dan tegak. Jadi elok juga jalan Segamat-Tangkak biar bengkok-bengkok Tuan Yang di-Pertua. Sebab daripada kajian ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat bersetujulah tak payah jalan dipertingkatkan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ..yang bengkok-bengkok 30%. [Ketawa] Jadi Tuan Yang di-Pertua, hujah saya ialah jika merujuk hujah-hujah di atas tadi sikap dan disiplin adalah punca utama kepada kemalangan jalan raya. Saya nak kaitkan Tuan Yang di-Pertua dengan pendidikan sama ada yang melibatkan yang memandu ataupun pihak lain seperti pejalan kaki, penumpang dan sebagainya. Kasihan orang Maran *accident*.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, satu pendekatan yang lebih strategik perlu diambil untuk menangani perkara sikap dan disiplin tadi. Perkara-perkara berikut perlu diambil perhatian yang menyumbang kepada perkara sikap dan disiplin tadi. Pertama soal persekitaran seperti soal cuaca, hujan, jerebu, persekitaran tempat kerja dan sebagainya. Hari ini pegawai-pegawai kena berada dalam Dewan sehingga 7.30. Mungkin mereka tertekan kerja.

■ 1840

Ini semua soal sikap dan disiplin yang boleh ada kaitannya. Sosial seperti keruntuhan rumah tangga, termasuklah pengambilan dadah, mabuk, arak dan sebagainya tetapi hisap rokok tidak ada. Yang paling berat sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ...soal *habit*, soal degil. Ini masa tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada masa, okey. Baik.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sedikit sahaja, tentang kemalangan tadi.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Soal *habit* atau dengan sikap degilnya membawa kereta secara... [*Membetulkan kerosakan pembesar suara*]. Punca utama kepada sikap disiplin yang menjurus kepada degil dan *habit* tadi di kalangan pemandu jalan raya sehingga menyumbang kepada kemalangan jalan raya ialah didikan yang salah di peringkat kanak-kanak lagi. Mungkin semuanya ini termasuklah saya. Sebab daripada awal lagi...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ... di peringkat sekolah lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan kacau, tidak ada masa.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tidak ada masa, minta maaf.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Ini mustahak Yang Berhormat. Saya ingat hendak Yang Berhormat punya itu. Sedikit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Okeylah, okeylah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata gigi sakit?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sudah elok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gigi sudah baik ya? [*Ketawa*] Sakit sudah selesaiah.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat bagi Ledang, saya hendak minta Yang Berhormat kemukakan cadangan kepada kerajaan. Peristiwa yang berlaku kepada orang-orang kita di Maran baru-baru ini, naik sebuah bas dan saya hendak tahu daripada kerajaan, mungkin Yang Berhormat boleh cadangkan bagaimana. Di samping *environment* ataupun persekitaran dan juga sikap tadi, sebenarnya keupayaan pemandu ini juga penting kita berikan perhatian sebab saya bertanya dengan syarikat bas persiaran ini, dia mengatakan bahawa biasanya dia menggunakan seorang pemandu sahaja bagi perjalanan pelancongan ini, persiaran ini. Sedangkan dari segi keupayaan mereka mungkin tidak cukup.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Apakah kita minta supaya pihak kementerian mensyaratkan supaya setiap bas persiaran ini mesti menggunakan dua orang pemandu ataupun bagaimana keadaannya sekarang? Terima kasih Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak jawab tetapi saya setujulah dengan pandangan beliau dan masukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya. Tetapi yang saya hendak fokus di sini Tuan Yang di-Pertua ialah soal sikap tadi kerana kita telah mendidik anak-anak kita daripada kecil lagi di peringkat sekolah. Sekolah naik motosikal tanpa lesen, tanpa *road tax*, tanpa mengikut syarat-syarat undang-undang atau

peraturan yang telah ditentukan. Jadi, anak-anak yang kita telah didik ini bermula dari mereka boleh menaiki motosikal sampailah mereka keluar sekolah tanpa lesen dan sebagainya, saya kira-kira antara lima hingga tujuh tahun. Selama tidak kurang dari tempoh lima tahun kita telah mendidik mereka supaya tidak menghormati undang-undang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apakah yang kita harap kepada mereka? Apakah kita boleh mengharapkan kepada mereka supaya menghormati undang-undang apabila mereka telah keluar daripada sekolah nanti? Ini bilangannya ramai. Saya sudah kira, kira-kira lebih kurang antara 20% hingga 40% pelajar-pelajar atau murid-murid yang naik motosikal. Yang tidak naik pun terikut-ikut juga kerana mereka nampak kawan-kawan mereka tidak menghormati undang-undang dan sebagainya.

Jadi apakah yang kita harap kepada mereka untuk menghormati undang-undang jalan raya, apabila mereka keluar sekolah nanti? Apakah yang kita harap kepada mereka untuk menghormati undang-undang lain selain daripada undang-undang jalan raya setelah mereka keluar dari sekolah nanti? Undang-undang jalan raya mereka tidak hormat, undang-undang lain pun janganlah kita harap mereka hormat kerana kita telah mendidik mereka dengan tidak menghormati undang-undang jalan raya semasa mereka masih di sekolah lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada saya mesti ada satu tindakan yang tegas. Sebab itu saya hendak ucapkan tahniah kepada polis Kelantan walaupun dimarahi oleh pihak orang-orang Kelantan. Marah polis Kelantan kerana menyaman murid-murid sekolah, pelajar-pelajar sekolah, emak bapa yang mengambil anak sekolah, bonceng dua hingga tiga orang kerana tidak menghormati undang-undang jalan raya. Walau apa pun alasan Tuan Yang di-Pertua, pada saya soal undang-undang tidak boleh kita pandang ringan dan tidak boleh kita nafikan. Kita mesti menghormati undang-undang jalan raya dan undang-undang lain kalau kita hendak didik rakyat Malaysia supaya menghormati semua undang-undang yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin mencadangkan supaya kita boleh mula didik mereka. Betullah memang sudah diperkenalkan dahulu, kokurikulum keselamatan jalan raya. Kita didik mereka supaya mereka juga menghormati undang-undang jalan raya. Jika kita didik mereka dengan undang-undang jalan raya tetapi kita tidak kuatkuasakan undang-undang tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi sekali lagi mereka tidak akan hormat kepada undang-undang jalan raya yang seperti saya sebutkan tadi.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, yang kita didik satu bab di kalangan kanak-kanak-kanak dan di kalangan pelajar-pelajar ini. Satu kumpulan lagi ialah kumpulan yang telah pun lama keluar ini. Memang betul ada kempen demi kempen, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya lihat kempen demi kempen yang dibuat oleh jabatan yang berkaitan seperti polis, JPJ dan sebagainya tidak ada kesan yang mendalam. Tidak ada impak.

Mungkin Tuan Yang di-Pertua, perlu ada satu pendekatan baru di mana kita mungkin boleh berbincang secara panjang lebar, kita mintalah semua pakar-pakar psikologi yang ada dalam Malaysia ini kita kumpulkan. Yang orang lama, orang baru, yang ada kepakaran PhD, yang ada kajian-kajian ilmiah, kita cari juga kepakaran daripada luar negara dan bincang soal psikologi yang ada kaitan dengan sikap manusia apabila mereka berada di jalan raya. Barulah boleh Tuan Yang di-Pertua, kita mencadangkan satu kempen yang ada kesan yang mendalam kepada mereka-mereka yang memandu di jalan raya. Kalau kita hendak bandingkanlah Tuan Yang di-Pertua, dengan Kempen Tak Nak Merokok, ramai juga yang ketawa. Telah pun menjadi bahan ketawa. Yang Berhormat bagi Sri Gading pun ketawa. Sebab Kempen Tak Nak Merokok, tidak ada kesannya. Kalau kita hendak buat kempen jalan raya, mesti ada pendekatan tertentu dengan melibatkan semua sekali, dapatkan kepakaran dari semua pihak. Kepakaran yang berasaskan kepada psikologi dan sebagainya, kemudian buat satu kempen yang betul-betul atau yang benar-benar ada kesan dan ada impak kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua...

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya sudah tutup. Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah tutup, baik. Perkara yang kedua.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Minta maaf ya, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah? Sebenarnya hendak menyelesaikan ini dengan cepat. Ini tentang tender *design and build* ini. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ramai yang kompelin dan ramai yang mengadu JKR buat tender reka dan bina. Saya masak sangatlah bab ini. Tetapi yang saya hairan Tuan Yang di-Pertua, tender reka dan bina yang banyak diamalkan di luar negara yang memang berjaya tetapi yang saya nampak ada kacau bilau dalam negara kita ialah kacau bilau segi tenderlah. Bukan kacau bilau yang lain, sahabat kita sebelah sana. Yang saya fikir tidak sepatutnya berlaku tender reka dan bina tanpa butiran lengkap.

Mereka keluarkan dokumen tender, mereka minta supaya disediakan satu konsep reka bentuk tanpa ada data muka bumi, tanpa ada butiran atau maklumat, kajian tanah dan sebagainya di mana penender terpaksa *engage* atau melantik jurutera perunding, arkitek dan sebagainya untuk buat kajian. Saya fikir entah berapa banyak duit akan keluar oleh petender-petender ini untuk melantik jurutera perunding dan sebagainya. Juga termasuk terpaksa melantik kontraktor uji kaji tanah. Entah berapa banyak duit terpaksa dikeluarkan. Tetapi tidak mungkin Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin semua kontraktor mampu. Yang saya hendak fokuskan di sini ialah saya yakin akan berlaku pakatan antara beberapa kontraktor yang mampu ini, yang besar-besar ini melantik jurutera perunding, juruukur dan sebagainya. Yang tidak

mampu tertinggal, mereka pakat di kalangan mereka dan akhirnya kerja tersebut dibolot oleh satu pihak sahaja.

■ 1850

Inilah Tuan Yang di-Pertua yang saya sangat tidak setuju. Saya bersetuju tender reka dan bina ini tetapi yang saya tidak bersetuju tender reka dan bina tetapi tanpa butiran yang lengkap. Saya tidak nampak logiknya. Kalau ada pegawai bertugas di sini catat betul-betul supaya menteri boleh jawab. Ini melibatkan banyak projek, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah kira dekat 500 sekarang ini tender reka dan bina. Saya tidak nampak projek jalan raya, projek bangunan. Jadi, ini perlu dilihat secara mendalam supaya tidak berlaku monopoli seperti yang saya sebutkan tadi sebab sekiranya berlaku monopoli ketirisan demi ketirisan akan berlaku pada masa yang akan datang.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah ... ini yang terakhirlah, saya tidak mahu cerita banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak baliklah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tentang kontraktor kelas F. Sebab sudah lewat, malam Jumaat. Lepas ini kita bawa kereta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hujan lagi. Nanti balik jaga-jaga. Selamat jalan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tentang kontraktor kelas F, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, '*enough is enough*', cukuplah dengan segala kerenah kontraktor kelas F ini. Bukan kita hendak kondem mereka. Tidak. Kita hendak bela mereka. Tetapi biarlah pembelaan secara bijaksana di mana jumlah kontraktor kelas F yang begitu banyak ini perlu dengan tegas dikurangkan.

Di kawasan Parlimen saya, Tuan Yang di-Pertua, saya kira kontraktor kelas F sahaja 137. Baru-baru ini apabila kita hendak agihkan peruntukan seorang dapatlah RM20 ribu atau RM30 ribu. Kalau kita hendak agihkan secara adillah. Kalau kita tegakkan keadilan dapatlah seorang RM30,000 yang kepada saya tidak sewajarnya kerja yang sesuai untuk kontraktor kelas F.

Tuan Yang di-Pertua, mesti ada satu mekanisme bagaimana kelas F ini kita boleh kurangkan seperti yang sedang dijalankan oleh negeri Johor. Ini dalam proses sekarang di mana Johor sedang memperkenalkan sistem di mana kontraktor kelas F ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu F1, F2 dan F3. F1 yang *excellent*, dengan izin, jenteranya cukup, duitnya cukup dan pengalamannya cukup. F2 ini yang duitnya tidak berapa cukup, pinjam duit bank, jentera tidak cukup, sewa dan sebagainya dan F3 yang 'tidur' termasuklah yang jual kontrak. Yang F3 awal-awal lagi diabaikan, tinggal F1 dan F2. F1 ini Tuan Yang di-Pertua, yang *excellent* ini, selepas tiga tahun mesti naik taraf sama ada kelas E, D dan sebagainya.

Apabila mereka telah grad - telah berjaya melangkah daripada kelas F ke kelas E atau D, saya lihat pula sekarang ini kekurangan kerja untuk pergi ke kelas E dan D. Sebab itulah tidak ramai kontraktor kelas F yang berani naik taraf kepada E dan D kerana mereka tahu kurang kerja. Jadi, mereka terpaksa buat lesen satu lagi atas nama anak, isteri. Kalau ada isteri dua, isteri nombor dua. Kalau ada isteri nombor tiga, isteri nombor tiga. Sebab mereka tidak berani menjadi kontraktor kelas E dan D kerana kekurangan kerja.

Jadi ini mesti dilihat secara serius. Saya lihat umumnya tender yang sudah keluar sepanjang tahun lepas dan tahun ini lebih 50% adalah kelas A hingga kelas C. Kelas E langsung tidak ada dan kelas D ada dalam 10%. Kalau ini yang berlaku, kalau saya jadi kontraktor kelas F, saya tidak akan naik taraf kepada kelas E dan D. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mesti ada satu mekanisme di mana kerja-kerja yang banyak ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, boleh gulung, Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Satu minit sahaja... Hendak gulung ini. Kerja yang banyak ini mestilah diagih-agihkan, dipecah-pecahkan supaya sama ada kontraktor kelas A, kelas B, kelas C, kelas D dan kelas E serta kelas F ada bahagian masing-masing. Setengah minit lagi... Misalnya kalau projek kompleks itu mungkin RM50 juta, mungkin RM2 juta keluarkan untuk kelas D, RM5 juta untuk kelas E dan sebagainya. Jadi barulah kelas A, kelas B, kelas C, kelas D dan kelas E serta kelas F ada bahagian masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**6.55 ptg.**

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua yang amat saya kasihi, pada petang ini di dalam Dewan yang mulia ini saya berterima kasih diberikan ruang dan peluang membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Kewujudan jawatan Yang di-Pertua Agong, adalah jaminan kepada keutamaan ataupun keamanan negara Malaysia ini serta benteng yang paling kukuh dan ampuh dalam mempertahankan bukan sahaja sebagai Ketua Agama Islam, Ketua Negara tetapi keistimewaan untuk rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah tuanku ada menyentuh soal Islam Hadhari, dalam perenggan 45, kalau tidak silap saya. Ini bermakna selaku Ketua Negara, Ketua Agama, tuanku amat peka dengan pendekatan Islam yang holistik seperti mana yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kita iaitu Islam Hadhari. Islam Hadhari pemangkin pembangunan ummah.

Di dalam Dewan yang mulia ini ingin saya membuat dan memperbetulkan tafsiran kepada Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini terutama kepada pembangkang, kepada pegawai-pegawai kerajaan yang di dalam dan di luar Dewan serta pihak luar terutama pihak media bahawa Islam Hadhari bukannya Islam baru, bukannya mazhab baru, bukannya ajaran baru. Sebenarnya ia adalah satu pendekatan yang ditonjolkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini sudah bangkit kalau saya ingat kurang-kurangnya pun sudah sepuluh kali.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ini *intro*. Sebab banyak yang silap faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Nama Islam itu sebenarnya cukup cantik, cukup indah, tidak perlu lagi dihadharikan. Kita lihat hadhari yang membawa maksud yang bertamadun atau dalam bahasa Inggeris disebut kalau pun bunyi Inggeris Kelantan saya minta maaf, *civilization Islam*, dengan izin. Secara takrifannya ialah satu pendekatan, pembangunan manusia masyarakat negara Malaysia yang bersifat menyeluruh berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam. Ini bermakna Islam Hadhari membawa maksud ajaran Islam yang membawa fokus kepada kehidupan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat bertamadun dan mempunyai peradaban yang unggul. Semua ini ada di dalam Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Rakyat seharusnya bertuah dan bersyukur kerana negara Malaysia terus menerus dianugerahkan pemimpin yang berjiwa rakyat yang cakna kepada rakyat selain dari pemimpin-pemimpin yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kegemilangan umat Islam bermula pada zaman Madinah - Mekah berkembang pesat pada zaman Khalifah Al-Rasyidin, Ummayah dan Bani Abasyiah. Kemudian ia bertapak di benua Eropah dan menyumbang kepada kegemilangan Islam di Andalusia. Kemudian Islam yang terbentuk universal membawa manfaat dan rahmat kepada seluruh alam sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengambil masa panjang. Oleh kerana Duli Yang Maha Mulia dalam titah ucapan merangkumi daripada fardu Ain sampai kepada fardu Kifayah, daripada hidup sampai mati. Kemudian daripada dunia sampai ke akhirat. Maka saya ingin menyarankan agar apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mukadimah Rancangan Malaysia Kesembilan, surah Hud...[*Menyebut sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya, "*Kita dijadikan daripada bumi, daripada tanah dan kitalah yang mampu untuk mentadbir dan memakmurkannya*".

■ 1900

Saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba untuk meluahkan pandangan jika tidak menyalahi peraturan dan juga undang-undang, kita perlu kepada pembentukan suatu

akta. Kalaupun JAKIM telah buat, saya terima kasih, tolong percepatkan bawa ke Dewan ini, suatu Akta Produk Halal dan Akta Logo Halal supaya senang kita kawal kerana Halal Hab sudah menjadi satu kebanggaan kepada dunia hari ini, yang dicetuskan oleh Malaysia. Walaupun ada negara-negara lain yang cuba hendak mengambil, hendak mengaut keuntungan daripada hasil yang kita tonjolkan ini, supaya kualiti barang dan segala-galanya kita boleh kawal dengan baik.

Dan, satu lagi minta supaya JAKIM sebagai *lead agency* di peringkat Persekutuan untuk menyelaraskan supaya satukan logo, hanya satu bentuk sahaja logo diterima pakai kepada semua negara mengelakkan daripada kekeliruan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan supaya pengurusan pembalakan, sama ada balak itu milik tanah negeri ataupun individu. Oleh kerana kita melihat akhir-akhir ini tidak ada kawalan. Apabila kita membalak di Lojing, tinggal tanah. Apa jadi kalau banjir besok, banjir lumpur? Sekali lagi akan tenggelam bandar Kota Bharu, akan masuk dalam masjid, sebab kita tidak ikut peraturan.

Maka, saya cadangkan supaya kalau negeri, jawatankuasa tidak dapat mengawasi dengan baik, tidak dapat membalak dengan baik, serahkanlah kuasa pengawalan ini kepada Kerajaan Persekutuan. Iaitu kita hendak supaya Kerajaan Persekutuan boleh mengawal dengan baik, diterapkan cara pembalakan lestari. Saya pun tidak apa dia lestari. Ada di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Yang ketiga, saya syorkan program j-QAF. Oleh kerana, j-Qaf ini telah diperkenalkan. Satu perkara yang cukup baik, kita belanja banyak wang, kita lantik banyak guru, maka saya minta supaya dimasukkan j-QAF ini dalam subjek peperiksaan dan ujian untuk pencapaian sekolah rendah (UPSR).

Yang keempat, semua kutipan-kutipan untuk tujuan bencana alam. Oleh kerana kita bersyukur banyak yang turut sama mengutip derma. Kita terima kasih kepada TV3, kita terima kasih kepada NST dan juga lain-lain, maka kita hendak supaya kutipan-kutipan itu sebelum disalurkan untuk tujuan bencana tadi ditabungkan kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Negara untuk supaya kita dapat agihkan dengan secara saksama, tidak menimbulkan diskriminasi di kalangan mangsa-mangsa banjir seperti di Johor.

Sekolah-sekolah agama negeri, kita tidak nama sekolah agama rakyat. Sekolah agama di negeri-negeri, juga SJKC dan Tamil, kita seharusnya diletakkan di bawah pengurusan bukan ambil alih. Saya faham sekolah agama tidak boleh diambil alih kerana itu adalah *state matter* bukan *Federal matter*, hal pendidikan agama. Tetapi diletakkan di bawah pengawasan Kerajaan Persekutuan, Jabatan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kerana kita tahu kita perlu letak di bawah bantuan penuh. Kita tengok cukup daif, Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah agama. Di negeri Tuan Yang di-Pertua sendiri pun saya tahu sekolah agama ada tetapi

Kerajaan Persekutuan sedang membantu dan telahpun membantu kepada sekolah ini. Maka, kita perlu di bawah kawal selia dan juga pengawasan Kementerian Pendidikan.

Jadi, sebelum saya mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua, saya amat keliru apabila Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Tumpat dan Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan saya dengar kekeliruan, dia kata kerajaan Malaysia adalah kerajaan sekular. Rupanya mereka tidak faham sekular itu apa benda. Sekular itu adalah hal dunia, boleh kita terima kerajaan sekular, yang tidak boleh sekularisme, yang memisahkan dunia akhirat, yang memerintahkan gereja dengan pentadbiran, itu kita tidak boleh terima, Tuan Yang di-Pertua.

Material kita boleh. Kerajaan material, kalau tidak material macam kita hendak tadbir tetapi materialisme kita tolak kerana materialisme ini ia memisah langsung apabila dia duit banyak, dia telah merosakkan negara, rosakkan kuasa dengan duit. Yang ketiga, sosialis boleh. Di Mesir menggunakan sistem pemerintahan sosialis tetapi sosialisme tidak boleh kerana berhalwa komunis. Jadi, saya rasa ini perlu diperbetulkan balik. Jadi, dia pula dia kata sekolah agama negeri adalah cukup baik. Saya hendak tanya berapa kerat Ahli-ahli Yang Berhormat PAS yang telah menghantarkan anaknya ke sekolah agama masing-masing. Tidak ada.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak ada.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Hah, *confirm* Yang Berhormat bagi Sri Gading kata tidak ada. Yang ada dihantar ialah sekolah-sekolah di bawah kementerian. Ini kerana sekolah kementerian menjalankan sistem yang kurikulumnya cukup sistematik dan diterima oleh dunia. Maka, sebab itu saya hendak supaya kurikulum silibus sekolah itu diselaraskan supaya sekolah agama juga mengeluarkan murid-murid dari sekolah agama itu mendapat peluang sama dengan sekolah di bawah kementerian.

Inilah yang saya rasa untuk mengelakkan, mengatasi kekeliruan tadi, saya jelaskan bahawa Kerajaan Malaysia ialah kerajaan yang beraja, mempunyai Perlembagaan, mempunyai Dewan Rakyat, Dewan Negara tetapi kita ada sistem beraja. Saya rasa Insya-Allah dengan kita taat kepada pemimpin ini, tidak boleh berbelah bahagi, suka tidak suka. Pembangkang memang dia ada aspek tidak suka, saya pun ada aspek saya tidak suka walaupun saya kerajaan tetapi berdasarkan kepada ayat Allah [*Membaca sepotong ayat*]

Ia ada sebut oleh ulul amri, taat ke Allah sempurna, taat kepada Rasul sempurna, tidak taat kepada kerajaan, tidak sempurna, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Tuan Yang di-Pertua faham sikit-sikit ayat Quran ini, tidak sempurna kalau tidak taat kepada kerajaan. Kalau kita tidak suka, bagi komen secara terbuka untuk membina bukan untuk meruntuh. [*Membaca sepotong ayat*] Ini kaedah, kaedah ini tidak boleh ungkit. Berselisih faham dalam satu pendapat, rahmat, bukan bawa laknat.

Saya rasa tidak hendak bersyarah, Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, bagus.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya rasa puas hati saya dapat berdiri dalam Dewan ini. Saya dapat menjelaskan bahawa negara Malaysia walaupun sekular tetapi bukan sekularisme, ialah sekular yang berdasarkan kepada undang-undang ciptaan manusia, kita *endorse* daripada British, tetapi undang-undang yang juga serasikan dengan al-Quran dan as-Sunah Nabi. Saya rasa sudah cukup bagi saya dan dengan ini saya menyokong dan penuh ikhlas saya menyokong Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bercakap dalam bahasa Arab]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, apa hendak tambah?

#### 7.08 ptg.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjunjung kasih untuk mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Diraja yang menyentuh banyak perkara dasar yang dilaksanakan kerajaan pada masa sekarang. Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja bermula dengan menyentuh bencana alam iaitu banjir melanda negeri Johor yang mengakibatkan kerugian yang bukan sedikit kepada beratus ribu penduduk. Kehidupan yang dibina selama bertahun-tahun ini musnah dengan sekelip mata. Walaupun kerajaan dan banyak pihak NGO menghulurkan bantuan tetapi ia tidak mencukupi untuk mengembalikan kehidupan asal penduduk-penduduk, walaupun perbuatan menuding jari untuk mencari salah siapa mudah dilakukan tetapi rakyat harus mempunyai semangat dan jati diri Malaysia untuk membina semula kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, di Johor juga kerajaan sudah meluluskan program Wilayah Pembangunan Iskandar dengan memberi peluang pelaburan asing secara besar-besaran. – insentif yang disediakan seperti pengecualian kuota ke atas pelaburan dengan dikecualikan syarat-syarat FIC dan memansuhkan cukai keuntungan harta tanah yang selama ini perlu dilaksanakan oleh pelabur-pelabur asing. Kini mereka boleh memasukkan pelaburan mereka ke dalam Wilayah Pembangunan Iskandar sememangnya dialu-alukan. Ini menjadikan tanda bahawa sikap kerajaan Malaysia kini sudah berubah dan memahami bahawa sistem kuota Malaysia yang sedang berjalan sekarang adalah satu penghalang kemajuan ekonomi dan melibatkan banyak pihak, terutama pelabur asing.

#### ■ 1910

Ia boleh menjadi satu faktor ujian untuk menentukan sama ada sistem kuota masih relevan lagi di Malaysia atau tidak. Namun demikian penyertaan pelabur tempatan wajar diutamakan apabila terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan FDI yang masuk ke negara kita jika dibandingkan dengan 10 tahun yang lalu amat sedih kerana Malaysia dalam senarai menarik pelabur FDI pada 10 tahun yang lalu di tangga ke 26. Pada tahun 2005 jatuh ke tangga ke 62. Ini bererti bahawa Malaysia haruslah mengambil kira bahawa FDI salah satu cara untuk menjana ekonomi kita jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam, Indonesia atau Negara China.

Kerajaan harus mengambil satu langkah yang positif seperti mana yang dilaksanakan di Wilayah Pembangunan Iskandar adalah salah satu cara yang baik untuk membantu negara kita menjana ekonomi dalam masa yang akan datang. Saya berharap kerajaan harus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meneruskan syarat-syarat yang dimansuhkan seperti apa yang dilaksanakan di Wilayah Pembangunan Iskandar.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Pembangunan Iskandar akan dibangunkan hingga maju seperti bandar-bandar perdagangan baru di seluruh dunia seperti Guangzhou di Negara China, India, Hong Kong dan lain-lain lagi. Kami berharap Wilayah Pembangunan Iskandar akan lebih dikenali oleh dunia sebagai suatu pusat perdagangan baru di samping Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membenarkan agensi-agensi di setiap negeri melibatkan diri untuk mengambil peluang untuk pembangunan di sana bila mana FTA dan WTO mula beroperasi di Malaysia.

Pelabuhan-pelabuhan yang ada di Johor boleh memainkan peranan menggerakkan pengangkutan laut dunia datang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang ia semua bergantung atas kepercayaan para pelabur ke atas ekonomi Malaysia pada jangka panjang dan kejayaan negara mempromosikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dengan cadangan *congestion pricing* ke atas peraturan kenderaan yang memasuki ibu negara dan Bandaraya Kuala Lumpur walaupun cadangan ini masih di peringkat disiapkan oleh DBKL tetapi ketegasan Datuk Bandar untuk tetap melaksanakan pada masa sekarang adalah tidak sesuai dan tidak wajar di bandar.

Ramai warga kota penduduk Malaysia sudah menyatakan bantahan mereka walaupun saya ada mengemukakan suatu usul di bawah 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat tetapi ditolak kerana perkara bukan patut disegerakan tetapi saya perlu tegaskan di sini bahawa jika Datuk Bandar masih mahu meneruskan cadangan tersebut, ia akan memberi impak besar kepada kehidupan di Bandaraya Kuala Lumpur.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, hendak tanya atau hendak keluar?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Bukit Bintang. Levi untuk masuk ke bandar raya Kuala Lumpur ini memang ramai orang bantah Tuan Yang di-Pertua. Bukan DAP sahaja. Jadi ura-ura nak mengenakan levi masuk ke Kuala Lumpur ini

memang mesti dikaji dengan mendalam. Kena ambil pendapat orang-orang Kuala Lumpur. Ini kalau diteruskan, saya difahamkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, siapa yang berucap?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya difahamkan DAP suka ini kalau levi ini dikenakan. Dia goyang kaki sahaja dia menang besok. Ini kena faham Datuk Bandar. Politik ini hendak kena faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, kata orang goyang kaki, sangkaan jahat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yalah Tuan Yang di-Pertua, saya mahu ulas ini sebenarnya hari itu di antara 18 perkara hendak cakap tentang ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Termasuk inilah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Termasuk inilah. Tetapi Bukit Bintang sudah buka jalan, saya hendak nyatakan kepada Datuk Bandaraya sebenarnya parti pembangkang termasuk DAP goyang kaki sahaja dia boleh menang dalam Kuala Lumpur kalau levi ini diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sebab itu orang politik kita minta jadi Datuk Bandaraya kerana orang politik punya persepsi, pandangan dan fikiran, pendapat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, baiklah tujuan Yang Berhormat membahaskan perkara ini hendak membuktikan Yang Berhormat sebenarnya lebih awal mengemukakan perkara ini. Baiklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Lebih awal daripada DAP hendak membantah perkara ini tetapi Bukit Bintang berkata perkara ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sama ada Bukit Bintang bersetuju atau terpulang kepada dialah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukit Bintang mesti bersetuju dengan saya bahawa levi ini mestilah dihapuskan ataupun dibatalkan daripada hasrat. Itu sebab kadang-kadang orang politik dia tahu tentang perangkap manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Baiklah jangan lepaskan masa dia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukit Bintang boleh sokong saya punya pendapat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kawan saya Yang Berhormat Sri Gading memang betul sebab ramai orang yang merangkumi Bahagian UMNO di kawasan saya pun membantah kerana ini tidak

dilaksanakan di Kuala Lumpur. Jika levi kenakan ini bermakna satu terminologi yang dikatakan tol di Kuala Lumpur, di 14 jalan utama masuk ke Kuala Lumpur ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** : Tadi Yang Berhormat Sri Gading kata Yang Berhormat goyang kaki tidak benarlah. Tidak betullah.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]**: Ini tidak benarlah ini [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur masih tidak bersedia untuk melaksanakan *congestion pricing* ini sehinggalah jumlah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam mencapai lebih 70%. Jika tidak, ia merupakan satu lagi bentuk cadangan kutipan tol ke atas kenderaan yang memakai nama lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]**: Tol sudah tahu boleh tahan, levi lagi mahu? [*Ketawa*]

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]**: Ini terminologi lama yang tidak sama saja. Hanya terminologi yang berbeza sahaja. Cadangan ini adalah berlawanan dengan fasal pendahuluan mengenai usaha mengembalikan kehidupan bandar raya atau membawa balik penduduk dalam bandar raya Kuala Lumpur oleh kerana di Kuala Lumpur penduduknya hanya 1.5 juta sahaja berbanding dengan bandar raya di luar negeri seperti Shanghai (20 juta), Guangzhou (10 juta), London (10 juta).

Kini penduduk di dalam bandar raya Kuala Lumpur jika dibandingkan dengan negara itu saya rasa ini sangat kecil dan jika dilaksanakan ini adalah tidak munasabah di Kuala Lumpur ini. Ini tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas malah merumitkan keadaan hidup penduduk di Lembah Klang. Ia bukan sahaja melibatkan penduduk di Kuala Lumpur tetapi dua juta penumpang dari Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet 2005 ada menyebutkan bahawa kadar penggunaan pengangkutan awam semakin menurun di Lembah Klang dari 34% di tahun 1985 kepada 16% dalam tahun 2004. Penurunan kadar ini merupakan dari penambahan pemilikan kenderaan sendiri. Tetapi juga menunjukkan keadaan sistem pengangkutan awam yang tidak memuaskan.

Memandu kenderaan sendiri bukan termasuk menunjukkan kemewahan peribadi tetapi tanpa kenderaan sendiri amat sukar untuk bergerak di Kuala Lumpur. Bagi rakyat yang terpaksa memasuki bandar raya atas urusan penting terpaksa juga berkereta sendiri walau pun terpaksa membayar levi tetapi bagi yang ingin membeli belah dalam bandar raya mungkin mereka memilih tempat lain dan bandar raya Kuala Lumpur akan tinggal terbiar macam pekan hantu (*haunted city*).

Ini berpunca dari sistem pengangkutan awam terutama sistem rel laju ringan tetapi masih menghadapi masalah. Baru-baru ini kita nampak ada dalam *paper Malay Mail* menunjukkan bahawa ada banyak kompelin tentang sistem pengangkutan awam khususnya rel

selalu rosak dan penumpang-penumpang terpaksa menggunakan banyak masa untuk menunggu rel ringan ini.

■ 1920

Tuan Yang di-Pertua, banyak kejadian dan kerosakan yang kita boleh nampak dan kemalangan berlaku ke atas LRT sejak 2006, walaupun sistem ini baru hampir 10 tahun, tetapi budaya abai penyelenggaraan oleh rakyat Malaysia maka sukar untuk meyakinkan bahawa sistem LRT semakin merosot secara perlahan-lahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri Pengangkutan supaya membentangkan semua laporan kemalangan LRT sejak 2006 di Dewan yang mulia ini.

Beliau juga patut memberitahu apakah rancangan kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan di Kuala Lumpur. Saya difahamkan bahawa terapat cadangan untuk melanjutkan perkhidmatan LRT ke Subang Jaya, USJ, Puchong dan berbagai-bagai tempat lagi. Saya difahamkan juga bahawa selepas dilanjutkan laluan tersebut, seseorang penumpang perlu mengambil masa sekurang-kurangnya 48 minit dari USJ ke pusat bandar raya melalui LRT.

Ini bukan satu kecekapan namanya, kerajaan perlu ingat bahawa untuk memastikan sistem pengangkutan awam berjaya, ia mesti cepat, cekap dan selamat. Pada masa lalu, saya pernah membangkitkan Kementerian dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan hendaklah meningkatkan usaha untuk mencegah kemalangan dari berlaku dalam LRT dan monorail. Khususnya saya ada membangkitkan sebanyak tiga kali di Dewan yang mulia ini bahawa jika monorail rosak di atas landasan bagaimana keselamatan penumpang-penumpang jika kebakaran berlaku? Tetapi saya tidak dapat satu jawapan yang memuaskan.

Saya berharap Kementerian Pengangkutan haruslah mencari jalan memastikan semua penumpang yang menggunakan monorail, keselamatan haruslah diambil kira, mengutamakan keselamatan adalah salah satu cara untuk memastikan rakyat jelata yang menggunakan pengangkutan awam dapat satu keyakinan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meningkatkan kemungkinan berlakunya kebakaran di LRT atau monorail yang telah dibangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Tadi, tahun ini genap negara ini mencapai kemerdekaan yang ke 50 tahun iaitu setengah abad sudah merdeka dan satu tempoh yang lama. Satu rupa bentuk bangsa Malaysia yang bersepadu harmoni masih belum wujud lagi.

Dalam tempoh 50 akan datang apakah akan wujud satu rupa bentuk bangsa Malaysia. Tahun ini adalah Tahun Melawat Malaysia 2007 yang dilancarkan oleh kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong asing melawat Malaysia. Kerajaan pada peringkat ini banyak bergantung pada promosi di luar negara kerana golongan sasaran yang memakai media yang boleh difahami dan boleh menarik minat mereka untuk datang ke Malaysia. Contohnya negara China, promosi Malaysia menggunakan bahasa Inggeris dan tidak memakai bahasa Mandarin ibarat menuangkan air di daun keladi, iaitu sia-sia sahaja.

Sepatutnya menggunakan bahasa Mandarin yang boleh difahami dan boleh dibaca oleh rakyat di Negara China itu. Baru-baru ini saya melawat Guang Zhou bahawa siaran di TV semua dipakai bahasa Inggeris, bagaimana hendak menarik pelancong-pelancong negeri China jika mereka tidak faham bahasa Inggeris ini. Sepatutnya apa yang Kementerian Pelancongan harus lakukan ialah harus mengambil satu langkah untuk mempromosikan Malaysia dalam bahasa tempatan kerana ini boleh menarik lebih ramai pelancong dari negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2007, DBKL telah membina 12 buah tandas awam yang cantik dan mewah di kawasan saya seperti yang telah disiapkan di Jalan Bukit Bintang. Saya ingin tahu adakah tender ini diberi secara terbuka oleh kerana tandas yang berbilik dua berbelanja RM400 ribu untuk sebuah tandas. Ini satu angka yang tidak boleh diterima saya rasa. Boleh membina satu banglo di Sri Gading RM400 ribu. Saya harap satu tender terbuka atau runding. Saya minta Menteri menjelaskan tentang perkara ini.

Sejak akhir ini banyak berlaku kes kemalangan pembinaan yang mengorbankan nyawa pekerja. Walaupun sejak lama kerajaan sering meningkatkan kontraktor pembinaan bagi mengelakkan kemalangan di tapak pembinaan, namun ini terus berulang. Apakah ini sebab sikap alpa dan cuai pemaju dan kontraktor pembinaan sendiri yang tidak mematuhi arahan keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak pembinaan. Saya berharap Menteri Sumber Manusia dapat membutirkan kes-kes kemalangan yang berlaku dan tindakan yang diambil ke atas kontraktor yang jumlah pampasan yang dibayar kepada mangsa dan keluarga mangsa. Semakin canggih ciri pembinaan, pembangunan di Kuala Lumpur maka sepatutnya makin berkurangan kes kemalangan.

Baru-baru ini berlaku satu kemalangan di kawasan di Jalan Bukit Bintang bahawa beberapa nyawa terkorban. Saya berharap kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan kemalangan ini tidak patut berlaku, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**7.27 ptg.**

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Bismillahirrahmannirahim, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kerana memberi kesempatan untuk turut sama menjunjung kasih atas Titah Ucapan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang penuh dengan perkara-perkara berkaitan dengan agenda pembangunan negara yang akan pasti jika dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas, akan memberi manfaat kepada rakyat dan membawa kepada kesejahteraan negara. Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada berapa perkara yang hendak dibangkitkan?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Saya ada lima perkara. Saya akan bermula begini, Tuan Yang di-Pertua. Pada minggu lepas pada satu malam antara pukul 8.00 hingga 2.00 pagi saya berada di Lorong Haji Taib dan Jalan Bukit Bintang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu bukan kawasan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Itu menjadikan isu ini lebih penting Tuan Yang di-Pertua kerana ini adalah isu bangsa yang menyentuh mengenai generasi kita masa kini dan akan datang. Apa yang ingin saya bicarakan ialah di lorong-lorong itu terdapat penagih dadah, itu antara yang utama saya hendak berikan perhatian dalam agenda untuk membanteras najis dadah ke arah negara sifar pada....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cerita ini menarik, suruh dia sambung hari Isninlah Tuan Yang di-Pertua. Ramai orang dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh selesaikan dalam masa lima belas minit?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Sebab isu pendidikan yang saya hendak bawa itu menjadi lebih penting, tetapi saya hendak dahulukan ini kerana peristiwa ini masih jelas dalam gambaran kepala saya. Jadi oleh kerana itu dalam tinjauan saya pada malam itu, saya telah menemui ramai....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya ...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** .. bekas ibu tunggal yang saya hendak kaitkan dengan sebuah buku yang saya bawa hari ini. *[Sambil mencari buku tersebut]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, tolonglah hari Isninlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya cadangkan Yang Berhormat balik, semak lima perkara selesaikan dalam masa 15 minit dan berucap pada hari Isnin minggu hadapan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lima belas minit.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi hari Isnin minggu hadapan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 petang.***